

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 66	Khamis	9 Disember 2004
----------------	---------------	------------------------

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1) –**

Amaran Amerika Syarikat Memboikot Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN
Apabila Myanmar Mengambil Alih Pengerusi ASEAN
- Y.B. Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) (Halaman 25)

**PENERANGAN SENDIRI OLEH Y.B. MENTERI LUAR NEGERI
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14 (1)(i) –**

Situasi Terkini Di Myanmar (Halaman 27)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2004 (Halaman 33)

Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004 (Halaman 43)

Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004 (Halaman 79)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Khamis, 9 Disember 2004
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tuan Syed Hood bin Syed Edros.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengalu-alukan kehadiran adik-adik saya daripada Universiti Islam Antarabangsa. [*Tepuk*] Soalan saya No. 1.

1. **Tuan Syed Hood bin Syed Edros [Parit Sulung]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan dasar kerajaan terhadap mereka yang didapati memiliki kad pengenalan palsu setelah mereka didakwa dan dijatuhkan hukuman.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Abdul Rahman bin Ibrahim]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Parit Sulung, suka saya menyatakan pada kebiasaannya kad pengenalan palsu dimiliki oleh pendatang asing yang berada di negara ini. Bagi orang-orang yang ditangkap kerana kesalahan pemilikan kad pengenalan palsu, mereka akan didakwa di mahkamah dan jika sabit kesalahan, mereka akan dihukum. Selepas menjalani hukuman, mereka akan diusir keluar daripada negara ini. Selain daripada itu, nama mereka juga akan disenaraihitamkan dan di masa hadapan, mereka tidak dibenarkan masuk ke negara ini. Terima kasih.

Tuan Syed Hood bin Syed Edros: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Isu kad pengenalan palsu ini sememangnya telah banyak berlaku dalam negara kita dan juga tindakan yang lebih tegas seharusnya diambil oleh pihak kerajaan. Saya ingin mengetahui berapakah bilangan kes-kes yang telah didakwa dan apakah bentuk-bentuk hukuman dan berapa

ramaiakah kakitangan-kakitangan kerajaan yang mungkin terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan sehingga kini, sekiranya ada. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Parit Sulong. Terdapat sebanyak 936 kes yang berkaitan dengan pemalsuan kad pengenalan ini yang telah didakwa di mahkamah sehingga tahun 2004. Antara hukuman yang dikenakan kepada mereka adalah:

- (i) jika disabitkan kesalahan, mereka yang melakukannya akan dihukum di bawah Akta Pendaftaran Negara (Pindaan) 2001 iaitu denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali;
- (ii) selain daripada itu, mereka juga yang terlibat dengan sindiket pengeluaran kad pengenalan palsu boleh dihukum di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; dan
- (iii) mereka yang telah disabitkan dengan kesalahan jenayah itu akan direkodkan di dalam rekod polis dan mereka akan dihantar pulang ke negara asal.

Kerajaan juga sedang melaksanakan sistem biometrik bagi menyimpan rekod orang-orang asing yang menyalahi undang-undang imigresen negara ini. Maklumat bio-metrik ini akan menjadi asas bahawa mereka yang pernah melakukan kesalahan tidak akan dibenarkan masuk ke negara ini.

Mengenai bilangan kakitangan kerajaan yang terlibat dalam pemalsuan kad pengenalan ini, saya tidak mempunyai angka dan saya akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mengenai dengan *MyKad* kerana ada kaitan dengan kad pengenalan juga, saya mahu tahu dari pihak kementerian, berapa banyakkah *MyKad* yang telah dikeluarkan setakat 2004 ini dan berapa yang belum menukar kad kepada yang baru dan berapa pula yang belum menuntut kad yang telah sedia ada, yang palsu ini. Saya kira kebanyakan *MyKad* ini telah ada yang bankrap. Saya hendak tahu berapa banyak pula yang telah dipungut dan berapa hasilnya daripada kutipan itu. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 25 November 2004, sebanyak 13.1 juta *MyKad* telah dikeluarkan dan

dianggarkan seramai 4.9 juta pemegang kad pengenalan yang masih belum menukar kepada *MyKad*. Bagi mereka yang telah memohon *MyKad*, terdapat 10,000 lagi *MyKad* yang telah siap dan belum dituntut. Seramai 36,778 orang telah pun didenda kerana lewat memungut *MyKad* yang telah disiapkan dan jumlah kutipan kerana denda tersebut ialah RM1,693,968. Terima kasih.

2. **Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani tentang Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan sejauh manakah kejayaan program tersebut serta apakah jenis industri berkaitan yang bersesuaian pada masa sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas [Datuk Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) adalah satu program di bawah Rancangan Malaysia Kelapan di bawah penyelarasan Jabatan Pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Fokus projek TKPM adalah untuk mengeluarkan hasil sayur-sayuran, buah-buahan yang tidak bermusim dan mempunyai *gestation period* dengan izin, yang pendek seperti buah mangga, jambu batu, nenas dan tembikai, bunga-bunga dan ternakan. Sehingga kini, sebanyak 23 projek TKPM telah dibangunkan di lapan buah negeri iaitu di Johor, di Kelantan, Kedah, Pahang, Melaka, Terengganu, Selangor dan Perak dengan jumlah keluasan fizikal 4,013 hektar dan keluasan yang dibangunkan adalah 1,848.8 hektar melibatkan seramai 299 orang peserta yang terdiri daripada kumpulan belia tani, usahawan atau syarikat dan petani individu.

Projek TKPM telah mengeluarkan hasil bernilai RM11.35 juta pada tahun 2003 dan RM5.6 juta pada tahun 2004 iaitu sehingga bulan Jun tahun ini. Berdasarkan kepada pencapaian tahun 2002 dan 2003, adalah didapati bahawa 12% hingga 14% peserta telah memperolehi pendapatan melebihi RM3,000 sebulan, 5% hingga 6% memperolehi pendapatan melebihi RM2,000 sebulan, 25% sehingga 31% memperolehi pendapatan melebihi RM1,000 sebulan dan 48% hingga 55% memperolehi pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah Kementerian Pertanian mendapat peruntukan yang besar bagi tahun 2005 sebanyak RM1.5 bilion dan saya ingin tahu apakah kaedah pengagihan peruntukan ini untuk membantu rakyat yang berkecimpung di dalam

pertanian terutamanya bagi negeri Kelantan. Yang saya tahu, peruntukan ini disalurkan oleh kementerian kepada Jabatan Pertanian Malaysia dan Jabatan Pertanian Malaysia menyalurkan kepada Jabatan Pertanian Negeri yang mana adalah di bawah kuasa kerajaan negeri. Tetapi berlainan di Kelantan, yang mana sudah pastinya *target* Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan peruntukan kepada rakyat yang menyokong kerajaan sudah pasti terbantut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, soalan.

Ir. Shaari bin Hassan: Saya ingin bertanya kepada kementerian, sama ada peruntukan ini boleh disalurkan kepada agensi Persekutuan seperti Lembaga Pertubuhan Ladang dan juga JPP. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Jadi, ini adalah persoalan dari segi pengagihan peruntukan dan seperti saya katakan, walaupun apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa bidang pertanian ini mungkin di bawah kerajaan negeri, tetapi memanglah kita menyalurkan peruntukan ini melalui agensi-agensi dan jabatan-jabatan yang ada di bawah kementerian.

Sebenarnya, Jabatan Pertanian adalah *direct* di bawah Kementerian Pertanian dan oleh yang demikian, memang peruntukan ini disalurkan secara *direct* atau langsung kepada jabatan-jabatan. Namun demikian, Yang Berhormat, kita mengagihkan mengikut cadangan atau *proposal* daripada jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi kita di negeri-negeri. Jadi, oleh yang demikian, memanglah sehingga sekarang ini, kita sudah ada senarai-senarai permohonan-permohonan dan seperti berbalik kepada soalan asal, kita akan melanjutkan program-program kita di bawah Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan seperti yang sedia ada.

Untuk makluman, tiga kawasan sebenarnya di Kelantan telah kita kenalpastikan untuk Taman Kekal Pengeluaran Makanan iaitu di Telong, Lojing dan Alor Pulai. Untuk makluman, Lojing dan Telong sudah mengeluarkan hasil tetapi kita pada masa ini memang menunggu kelulusan daripada kerajaan negeri untuk mewartakan pula Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang ada di Alor Pulai.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, semasa projek ini diperkenalkan April 2001, kementerian mensasarkan untuk membuka tanah seluas 40,000 hektar dengan penglibatan seramai 15,000 orang peserta bagi tempoh lima hingga sepuluh tahun. Mengikut jawapan yang diberikan

tadi, 299 orang peserta dengan 1,848 hektar jauh daripada apa yang disasarkan setelah kita mencapai tempoh hampir lima tahun sejak ianya dilancarkan. Soalan saya, apakah kementerian bercadang untuk meneruskan program ini dan mengambil kira kelemahan yang telah kita perolehi memandangkan sasaran yang diletakkan jauh tersasar. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana-mana program baru ia ada *teething problems*, dengan izin. Jadi, saya rasa kita tidak boleh mengatakan bahawa program ini yang dimulakan pada tahun 2001 dan sekarang baru 2004 bahawa ianya tidak ada hasil yang baik dari segi jumlah.

Jumlah penyertaan dan sebagainya memanglah kita akan tingkatkan dari masa ke semasa sebab kita memang menggalakkan petani-petani ini khasnya dari kumpulan belia dan khasnya mereka yang keluar daripada institusi-institusi pertanian untuk melibatkan diri dan pada masa yang sama kita menggalakkan penglibatan pihak swasta. Jadi, apabila sampai kepada penglibatan pihak swasta, jumlahnya itu memanglah tidak menjadi satu daripada faktor tetapi sebenarnya hasil.

Saya tadi telah membaca bahawa dari segi pendapatan kumpulan sasar kita telah mengeluarkan hasil yang begitu baik. Namun yang demikian, saya rasa ini adalah satu program yang begitu baik sebab satu daripada objektif kita mengadakan taman kekal pengeluaran makanan adalah untuk menentukan atau menggazetkan satu kawasan untuk pengeluaran makanan dan saya rasa itu telah tercapai sedikit sebanyak memandangkan kebanyakan tanah – ini masalah yang kita pohon daripada kerajaan negeri - kebanyakan tanah sekarang ini sudah dibangunkan untuk pembangunan-pembangunan yang lain dan bukan untuk pertanian.

Jadi, *insya-Allah* ini akan kita teruskan. Namun demikian, mungkinlah saya hendak memberitahu sebenarnya isu yang kita hadapi ialah:-

- (i) mendapatkan tanah yang sesuai daripada kerajaan negeri. Ini memang kita memerlukan kerjasama kerajaan negeri dan setakat ini kita memang mendapatkan tanah yang tidak begitu sesuai dan satu daripada isu yang kita dapati ialah masalah pengurusan projek yang lemah sebab peserta-peserta ini belum lagi memahami dari segi konsep PKPM;

- (ii) Modal pusingan yang didapati tidak mencukupi sebab ini adalah pinjaman;
- (iii) Peserta yang bertukar ganti. Ini masalah yang dihadapi iaitu peserta itu bertukar ganti sebab mereka tidak mahu lama sangat dalam bidang pertanian.

Terima kasih Yang Berhormat. Berilah keyakinan kepada kementerian ini untuk meneruskan program yang baik ini.

3. Tuan Markiman Bin Kobiran [Hulu Langat] minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan perangkaan bilangan kes yang telah didaftar dan diselesaikan oleh Tribunal Pembeli Rumah sejak ianya ditubuhkan dan apakah halangan undang-undang yang mengganggu kelancaran pelaksanaan perintah yang dibuat oleh Tribunal ini.

Timbalan Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, sejak penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) pada 1 Disember 2002, sambutan daripada pembeli-pembeli rumah dalam menggunakan perkhidmatan TTPR amat menggalakkan. Keadaan ini dapat dilihat secara jelas di mana sejak penubuhannya sehingga 7 Disember 2004 sebanyak 9,633 kes telah didaftarkan. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Daripada jumlah 9,633 kes ini, sebanyak 7,810 kes telah diselesaikan, di mana daripada jumlah itu juga sebanyak 677 kes telah diselesaikan di luar mahkamah. Statistik pemfailan dan status kes-kes mengikut pecahan negeri ada juga disertakan dan akan dimaklumkan jika diperlukan. Daripada segi pelaksanaan perintah yang dibuat oleh TTPR pula, setakat ini TTPR tidak mempunyai apa-apa halangan undang-undang yang mengganggu kerana pelaksanaan perintah adalah tertakluk kepada peraturan dan prosedur sedia ada seperti mana prosedur di mahkamah sivil. Terima kasih.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak kementerian. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah adalah merupakan satu forum yang cukup baik kepada pembeli-pembeli rumah yang menghadapi masalah dengan pemaju dan adalah dianggap bahawa ini adalah ruang

terbaik untuk berhadapan dengan pemaju perumahan yang lebih mempunyai kuasa kewangan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah saya difahamkan bahawa hanya terdapat satu tribunal tuntutan pembeli rumah iaitu di Kuala Lumpur dan terletak di kawasan Pusat Bandar Damansara yang sudah tentu mengendalikan tuntutan-tuntutan pembeli rumah daripada Kota Bharu, Johor Bharu dan sebagainya. Memandangkan bahawa pembeli-pembeli rumah ini biasanya adalah kakitangan kerajaan atau mereka yang kurang pendapatan, ada atau tidak cadangan di pihak kementerian untuk menubuhkan tribunal-tribunal ini di peringkat negeri ataupun sekurang-kurangnya di peringkat zon tertentu atau memberi kuasa-kuasa ini diperturunkan ke peringkat mahkamah-mahkamah rendah dalam daerah-daerah tertentu? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar ibu pejabat tribunal ini terletak di Pusat Bandar Damansara tetapi tribunal ini telah pun memulakan persidangan ataupun mendengar kes-kesnya di luar Kuala Lumpur iaitu pendengaran kes-kes di Pulau Pinang untuk kawasan utara, di selatan Johor Bharu sudah pun diadakan pendengaran-pendengaran kes dan juga di Melaka.

Setakat ini tiga buah negeri ini sudah pun ada kes-kes didengar tidak tertumpu semata-mata di Kuala Lumpur sahaja. Tetapi setakat ini tidak ada cadangan untuk memberikan kuasa ini kepada mahkamah-mahkamah rendah yang lain. Ini adalah kes spesifik di bawah tribunal tuntutan perumahan. Insya-Allah, akan dipertimbangkan sekiranya perlu untuk menubuhkan pejabat-pejabat di peringkat negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan tribunal ini. Saya hendak mendapat penjelasan dari kementerian iaitu apabila berlaku pemaju yang tidak dapat menyiapkan rumah dan pembeli biasanya apabila sampai satu peringkat masa terpaksa bertanggungjawab sama ada dengan Perbendaharaan ataupun dengan bank-bank tempatan. Bank-bank komersial, dan setakat yang saya faham bank-bank akan menuntut bayaran kepada pembeli sedangkan dari segi masalah ini bukan masalah pembeli tetapi masalah pemaju yang tidak dapat menyiapkan projek berkenaan dan ramai di antara pembeli telah menjadi mangsa kepada suasana seperti ini.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah tribunal ini mempunyai kuasa untuk menangguhkan sebarang bayaran selagi rumah itu tidak siap dan kalau tribunal tidak ada kuasa, apakah kaedah untuk mengadakan satu kuasa supaya kita dapat membela masalah yang dihadapi oleh pembeli ke atas pemaju yang tidak dapat menyiapkan rumah ini. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Dungun. Kes-kes di bawah TTPR hanyalah kes-kes di mana rumah-rumah telah disiapkan. Jika terlambat disiapkan ataupun ada kecacatan terhadap rumah-rumah mereka, maka pihak pembeli boleh membuat tuntutan terhadap LED. Tetapi untuk kes-kes terbengkalai, biasanya setelah mendapati kes-kes itu terbengkalai, kementerian akan mengambil tindakan berbincang dengan semua pihak. Jika didapati pembeli-pembeli menghadapi masalah seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu masalah untuk pembayaran hutang-hutang dengan bank dan faedah yang dikenakan oleh bank terpaksa dibayar oleh pembeli disebabkan rumah ataupun projek itu terbengkalai, pihak kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak tertentu termasuklah pihak bank untuk menangguhkan pembayaran faedah misalnya. Ini telah dapat kita lakukan, insya-Allah dan masalah ini dapat ditangani dengan adanya perbincangan bersama-sama dengan pihak bank, pihak pemaju dan juga pihak pembeli. Jadi, masalah ini sebenarnya, Yang Berhormat, dapat kita selesaikan di peringkat kementerian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tuan Loh Seng Kok.

Seorang Ahli: Ha, mana Datuk Tani?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Kita prihatin.

4. Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya] minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan jenis buah-buahan tempatan seperti durian, kelapa, rambutan, belimbing, pisang, mangga dan jambu yang dieksport ke luar negeri dan nilainya. Apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan buah-buahan tersebut mampu bersaing dengan buah-buahan sejenis negara lain di pasaran antarabangsa dan tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuantiti eksport keseluruhan buah-buahan segar dan diproses Malaysia tahun 2003 bernilai RM344 juta. Buah-buahan utama yang dieksport ialah

betik berjumlah RM1.8 juta, tembikai RM50.9 juta, durian RM33.8 juta, belimbing 31.3 juta, pisang RM24.7 juta, kelapa RM8 juta, mangga RM5.4 juta, jambu batu RM4.2 juta dan rambutan RM3.9 juta. Buah-buahan ini dieksport ke negara-negara seperti Singapura, Hong Kong, Netherlands, United Kingdom, Jerman, Perancis, Kanada dan Saudi Arabia.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk memastikan buah-buahan tersebut mampu bersaing dengan buah-buahan dari negara-negara lain di pasaran antarabangsa dan pasaran tempatan adalah seperti berikut:-

- (i) mewujudkan jenama Malaysia Best oleh FAMA;
- (ii) melaksanakan Skim Akreditasi Ladang Malaysia supaya buah ini adalah yang berkualiti, selamat dan sesuai untuk dimakan;
- (iii) melaksanakan program pengeluaran melalui Jabatan Pertanian seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan;
- (iv) menyediakan infrastruktur pemasaran termasuk pusat pengumpulan ladang di mana pelbagai kemudahan disediakan termasuk tempat untuk membersihkan, penggredan dan pembungkusan buah-buahan itu dengan dilengkapi kemudahan seperti bilik penyimpanan dan bilik sejuk;
- (v) pengukuhan program ladang iaitu untuk mengadakan kontrak-kontrak di projek pengeluaran pertanian bersepadu untuk memastikan bahawa pemasaran buah-buahan ini adalah terjamin.
- (vi) Perkongsian strategik dengan hypermarket dan supermarket yang mempunyai rangkaian di luar negara untuk menyenarai masuk dan menembusi pasaran antarabangsa. Sebagai contoh, kerjasama FAMA dengan Dairy Farm, Giant Retail Sdn. Bhd, Giant Singapura dan pada masa akan datang dengan Giant Indonesia dan Giant Hong Kong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Hanya jawapan sahaja.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, soalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tidak menyoal lagi mereka sudah ganggu. *[Ketawa]* Saya agak gembira kerana pemasaran buah kita ini sudah pergi ke peringkat antarabangsa. *[Memandang ke arah Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar]*

Cuma, adakah Yang Berhormat sedar bahawa eksport kita ini tidak menentu kerana kadang-kadang pihak luar negara

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pandang ke sinilah.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: membuat tempahan-tempahan yang begitu besar tetapi kita tidak dapat membuat bekalan yang secukupnya. Itu satu. Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua. Yang kedua, kita sendiri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pandang sini. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Ketawa]* Kita sendiri merendah-rendahkan mutu buah-buahan kita. Contohnya, kalau makan buah memelam, angin; kalau makan buah langsung, angin; makan buah nyiur (kelapa) dia kata sakit urat, makan rambutan, kencing manis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalnya sekarang ini?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini, soalnya dari segi pemasaran.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Batu Gajah, *[Bercakap dalam bahasa Tionghoa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Itu saya pun tidak fahamlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dengan izin! Dengan izin! Jadi, kita sendiri merendah-rendahkan buah kita. Contohnya kalau seseorang perempuan itu bersalin dia tidak boleh makan pisang, dia kata sejuk. Fasal apa sejuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, adakah Menteri atau kementerian memastikan bahawa kita sendiri kena *build up* imej buah-buahan kita ini.

[Dewan riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, cukuplah, cukup!

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam di England.....

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam di England Tuan Yang di-Pertua,....

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, apakah Yang Berhormat....

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Kit Siang: Hendak tanya soalan atau apa?

Cik Fong Po Kuan: Saya merujuk Peraturan Mesyuarat 23(1)(a) di mana menyatakan, tiap-tiap pertanyaan hendaklah tidak boleh dimasukkan nama seseorang atau kata-kata sebenar-benarnya tidak mustahak bagi menerangkan maksud pertanyaan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya haraplah, sudah berulang kali Yang Berhormat Jerai ambil masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Mana yang tidak mustahak itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua,....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduk. Cukuplah Yang Berhormat, cukup, cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Macam bidalan orang Putih Tuan Yang di-Pertua..... **Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tak payah macam lagi, cukup. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sila jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Orang putih kata, "*an apple a day keep.....*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini Batu Gajah....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebagai orang yang berpengalaman dengan FAMA khususnya, pernah menjadi Pengerusi FAMA jadi memanglah terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin, Pengerusi FAMA dahulu. Jadi, terima kasih Yang Berhormat. Memanglah kalau apa-apa kita mesti bermula dari dalam negara kita sendiri, iaitu untuk meyakinkan pengguna kepada buah-buahan tempatan dan pada masa yang sama memang kita Kementerian Pertanian sentiasa memastikan bahawa kita rakyat Malaysia ini mementingkan buah-buahan tempatan daripada buah-buahan yang diimport, sebab kita memang memberitahu bahawa kita hendak menurunkan *balance of trade deficit* khususnya buah-buahan import. Tetapi pada masa yang sama untuk mengatasi apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi dari segi *mindset* kita ini, bahawa buah kita semua tidak elok dan sebagainya. Bukan tidak elok...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Buah kita elok.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Elok, elok. *I mean mindset* bahawa buah kita kalau dimakan berangin dan sebagainya. Jadi, kita akan membuat penjenamaan buah-buahan kita, iaitu dari segi menggunakan konsep "Malaysia Best". Sebab itu kita sudah mula dan Malaysia Best, kita hendak mengeluarkan buah-buahan Malaysia Best ini kita memulakan dengan lima jenis buah dahulu. Buah-buahan ini adalah buah mangga,[*Dewan riu*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau susah boleh jawab secara bertulis.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya habiskan buah itu dahulu. Saya habis memberitahu buah itu. Jadi, Malaysia Best kita tumpukan kepada lima jenis buah dahulu iaitu buah mangga, belimbing, jambu batu, tembikai dan nanas. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat pergi ke *supermarket* macam *Carefour* dan sebagainya, ada bergantung-gantung dekat buah atau ada label. Dekat buah nanas digantungkan macam ada leher, Malaysia Best, tetapi yang lain-lainnya kita buat pelekat Malaysia Best, bermakna itu kita tidak payah ragu-ragu, belilah buah-buahan tempatan, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah Kementerian ini menyedari bahawa tahun ini sebagai contoh, rakyat Malaysia khususnya di kawasan saya di Kubang Kerian, buah durian dan buah dukung ini menghadapi masalah lambakan di pasaran. Di kawasan saya sangat terkenal dengan dukung dewan. Buah duku yang rasanya paling manis dalam dunia dan begitu juga dengan buah durian, kita menghadapi masalah, kadang-kadang Kerajaan Singapura sebagai contoh mengambil suatu tindakan yang kadang-kadang tidak profesional dalam menghalang buah-buahan ini masuk ke dalam negara kita.

Soalan saya adakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini mempunyai satu pelan pasaran ataupun langkah-langkah yang *pre-emptive* untuk menghadapi suasana yang semasa ini. Kalau tidak saya rasa tahun hadapan petani-petani Malaysia yang menanam durian, yang menanam dukung, yang menanam pisang akan menerima masalah. Adakah Kementerian mengadakan satu langkah yang pro-aktif supaya masalah ini tidak berlaku lagi kepada petani pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai lambakan buah-buahan, khasnya buah durian, Kementerian telah mengadakan beberapa langkah dan strategi satunya untuk memasarkan buah-buahan yang ada lambakan itu ke tempat-tempat lain dan memanglah FAMA mengadakan banyak pasar tani, khasnya pasar tani buah-buahan untuk membawa lambakan buah-buahan ke tempat-tempat lain di mana tidak ada buah-buahan ini dikeluarkan dengan banyaknya.

Kedua, macam buah durian kita mengambil beberapa langkah dengan membuatnya sebagai chips durian selepas itu dipelbagaikan, bermacam-macam seperti lempuk, tempoyak dan satu lagi sebagai puri. Buah yang banyak ini kita buat sebagai puri dan dijual di *supermarket* dan sebagainya, boleh digunakan sebagai perisa di dalam makanan, kuih, sos dan sebagainya. Macam dukung pun sama juga tetapi kita belum lagi dapat untuk mempelbagaikan buah dukung mungkin hanya membawa ia ke *out let-out let* yang lain, yang tidak ada buah dukung dan mungkin kita buat jeruk dan sebagainya. Ini adalah beberapa langkah yang kita ambil dan sebab itulah, khasnya mereka yang baru hendak menanam dan sebagainya macam program di bawah Taman Kekal Pengeluaran Makanan kita galakan supaya dikelompokkan

pengeluaran. Bermakna tidaklah berbuah sekali gus, kita kelompokkan. Bermakna kalau kita ada cara menanam sebegini kita akan dapat *continues supply*, Insya-Allah.

5. Tuan Haji Baharum bin Mohamed [Sekijang] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berapa ramaikah usahawan yang telah diwujudkan oleh kementerian di bawah Program Belia Niaga sejak ia diwujudkan dan berapakah wang yang telah dibelanjakan.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jawapannya ialah terdapat sebanyak 2,440 usahawan yang telah diwujudkan daripada Program Belia Niaga melalui Tabung Ekonomi Belia dan usahawan-usahawan ini telah diberikan pinjaman melalui Tabung Ekonomi Belia. Tetapi sayangnya program ini hanya dapat berjalan di antara tahun 1988 hingga tahun 2001. Jumlah pinjaman yang telah diberikan oleh kerajaan sepanjang tahun tersebut ialah RM38,721,552 sahaja. Ini menyebabkan untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, bahawa Tabung Ekonomi Belia telah dibekukan oleh kerajaan sejak tahun 2001 dan antara alasan di mana tabung ini terpaksa dibekukan adalah kerana masalah pembayaran balik oleh belia-belia yang telah meminjam daripada tabung tersebut.

Walau bagaimanapun, kementerian masih memberikan bantuan-bantuan usahawan kepada belia-belia terutama sekali melalui kursus-kursus yang diadakan dan kursus-kursus ini banyak dilaksanakan di Institut Usahawan Belia. Terima kasih.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan tersebut. Soalan tambahan saya ialah apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh kementerian terhadap mereka yang gagal menjelaskan pinjaman yang telah dibuat itu.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di antara kejayaan mengambil balik bantuan ini - pinjaman dibayar hanyalah 30% hingga 35% sahaja. Yang selebihnya kegagalan membayar atas banyak sebab dan jumlah pinjaman di antara jumlah paling kurang RM1,000, daripada tabung yang paling banyak ialah RM50,000. Jadi, tindakan kementerian sekarang ialah untuk menyaman mereka bersama *guarantors* yang terlibat. Walau bagaimanapun, daripada jumlah peminjam 2,440, antara mereka yang berjaya membayar balik telah menjadi antara usahawan yang berjaya dalam kategori

kementerian. Ini menyebabkan banyak kali kementerian berharap pada tahun hadapan, untuk mewujudkan hubungan dengan mengadakan usahawan jenis baru, iaitu mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pertanian bagi mewujudkan Program Belia Tani supaya kementerian dapat mewujudkan bantuan usahawan yang baru dalam aspek belia tani melalui Kementerian Pertanian dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita dengar tadi daripada Yang Berhormat Menteri bahawa Tabung Ekonomi Belia telah dibekukan dan kita juga faham bahawa masalahnya adalah pemulangan wang kepada tabung ini. Kalau program ini tidak berjaya, apakah program selanjutnya diusahakan oleh kementerian untuk meningkatkan ekonomi belia kerana kita faham bahawa sekarang ini kita ada banyak persatuan usahawan belia. Kita ada satu persatuan usahawan belia yang besar juga di Kuala Lumpur dan mereka juga mengadakan banyak program termasuk program pertukaran belia antara negeri dan juga dengan negara-negara lain untuk meningkatkan peluang perniagaan di pasaran antarabangsa. Bolehkah kementerian memberi bantuan kepada persatuan-persatuan usahawan belia agar mereka dapat bukan sahaja dari segi kursus, malah dari segi rangkaian perhubungan antarabangsa dan juga membantu mereka dari segi peruntukan. Minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Tuan Yang di-Pertua, ini sebenarnya menjadi dilema kepada kementerian walaupun kementerian sentiasa disebut Kementerian Belia dan Sukan, tanggungjawab kementerian hanyalah menyediakan belia yang mempunyai sifat-sifat dalam aspek keusahawanan sebagai contoh diberikan kemahiran-kemahiran usahawan. Berdasarkan kepada dasar kerajaan berkenaan dengan pinjaman dan *exposure*, dengan izin kepada negara-negara luar rangkaian-rangkaian banyak dapat dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan yang wujud pada hari ini. Ini disebabkan oleh dasar kerajaan tidak mahu dengan izin wujudnya *over-lapping* di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan beberapa agensi-agensi kewangan yang ada dan juga agensi-agensi antarabangsa dari segi perniagaan.

6. Datuk Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kriteria pemilihan untuk sesuatu bidang sukan itu mendapat sokongan dari kerajaan. Adakah sukan yang berpotensi memenangi

kejohanan sahaja yang diberi sokongan atau semua sukan mendapat sokongan yang sama untuk program pembangunan mereka.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya pihak kerajaan memberi sokongan kepada semua bidang sukan, di antara bidang sukan yang diberi keutamaan ialah sukan prestasi tinggi, sukan untuk semua, sukan baru dan sukan tradisional. Sokongan yang diberikan adalah dalam bentuk moral dan juga bantuan asas. Untuk membangunkan sukan tersebut dengan harapan sukan berkenaan dapat meningkatkan tahap kesihatan orang ramai, memupuk perpaduan dan secara amnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi, industri sukan dan pelancongan negara dengan izin, *sport tourism*.

Kementerian Belia dan Sukan akan terus memberi sokongan sama ada kepada sukan-sukan yang mewujudkan partisipasi peringkat antarabangsa ataupun sukan-sukan hanya untuk mewujudkan kecergasan, kesihatan dan perpaduan di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan bahawa kementerian tidak mewujudkan apa-apa diskriminasi kepada apa-apa jenis sukan, tetapi kementerian pada hari ini telah mengeluarkan dasar yang baru supaya di setiap negeri dan daerah penekanan diberi kepada lapan jenis sukan iaitu dipanggil Sukan Teras. Sukan Teras ini ialah sukan badminton, skuasy, bola sepak, hoki, atletik, gimnastik, renang dan boling. Sukan-sukan ini menurut Majlis Sukan Negara dilihat mempunyai potensi bagi Malaysia untuk memenangi pingat di Sukan Olimpik pada tahun 2008 dan kerajaan berharap daripada penekanan lapan sukan ini, pembantuan yang lebih terperinci akan diwujudkan supaya wujudnya pengkhususan di dalam pelaksanaan kemahiran dan pembangunan atlet di dalam lapan Sukan Teras tersebut.

Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail [Arau]: Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan. Daripada lapan jenis sukan yang telah disebutkan adakah kemungkinan sukan-sukan lain apabila menunjukkan prestasi yang elok daripada sekarang sehingga masa Olimpik yang akan datang, boleh ditambah daripada jumlah yang telah disebutkan, misalnya ragbi dan sepak raga boleh mendapat sokongan penuh daripada kementerian. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan bahawa pertama sekali sukan disebut lapan teras sukan ini sebenarnya ialah sukan yang dilihat dari segi kajian daripada Majlis Sukan Negara antara sukan yang memberikan perolehan yang terbaik bagi Kerajaan Malaysia.

Kita dari segi badminton mencapai antara jaguh dunia dan juga *squash* tetapi sukan-sukan yang 8 tersebut bukanlah sebenarnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *finality sports*, ia tidak bererti bahawa ia akan berakhir pada lapan sukan ini. Saya bersetuju dengan soalan yang disebut oleh Yang Berhormat kerana sukan yang lapan ini boleh diperkembangkan dengan syarat sukan tersebut mempunyai kejayaan dari segi prestasi dan aspek pembangunan sukan tersebut.

Dari aspek sukan ragbi dan juga sepak takraw, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Majlis Olimpik Dunia mengkaji ragbi yang mungkin dibawa sebagai Sukan Olimpik 2008. Kalau perkara tersebut berlaku, insya-Allah kita akan mengkaji *team* ragbi Malaysia sama ada mereka berkaliber untuk memasuki dalam kategori pertandingan Olimpik dan saya dengan ini membuka tempat kepada Yang Berhormat kalau hendak menjadi peserta ragbi, [*Ketawa*] memandangkan Yang Berhormat adalah Presiden. Kita tidak mendiskriminasi dari segi umur Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi sepak takraw pula, sepak takraw sayang sekali tidak dilihat oleh Majlis Olimpik Dunia sebagai sukan potensi untuk Olimpik, memandangkan sukan sepak takraw ialah sukan tradisional ya, Yang Berhormat.

Akhir sekali ingin saya menyatakan bahawa kementerian pada bulan Disember ini dan bulan-bulan yang akan datang menekankan kepada aspek *Sports Science* (Sains Sukan) memandangkan Tuan Yang di-Pertua, kita sering mempunyai masalah ketandusan atlet. Ini disebabkan antara atlet-atlet yang ada yang ada hari ini, mereka adalah kategori mereka yang sentiasa menjadi atlet bagi negara. Kita tidak dapat mengkaji potensi-potensi atlet baru. Ini disebabkan kemungkinan daripada aspek melihat bakal-bakal yang baru itu kita tidak melihat dengan strategi yang lebih mendalam.

Itu sebabnya bagi pihak kementerian, kita akan membawa beberapa *scientist* untuk mengkaji kemungkinan ada anak-anak di luar sana mungkin tidak minat kepada sukan-sukan tertentu tetapi saiz badannya menjadikan beliau bakal juara kepada sukan-sukan tertentu dan ini akan menjadi penekanan bagi kerajaan supaya

persediaan atlet-atlet Olimpik bukan hanya bagi tahun Olimpik 2008 tetapi juga bagi tahun 2012.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai sokongan kerajaan kepada sukan supaya boleh mendapat menang kejohanan dengan cara melantik menteri-menteri mengetuai sukan masing-masing. Adakah perkara ini dapat dikaji dengan mendalam sebelum keputusan dibuat oleh Kabinet oleh sebab timbul keraguan sama ada inilah cara yang baik untuk tujuan tersebut apabila kita boleh lihat menteri-menteri pun tidak memberi contoh profesionalisme khasnya untuk menjalankan tugas mereka dalam Parlimen, tengok kosong, kosong dalam Dewan ini.

Kalau dalam menjalankan tugas yang utama pun tidak ada profesionalisme, bagaimana boleh berjaya dalam bidang sukan supaya boleh dapat kejohanan masing-masing. Adakah perkara yang lebih mendalam dibuat supaya orang-orang yang benar-benar profesional mengetuai bukan menteri-menteri yang tidak profesional.

Datuk Azalina binti Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Ipoh Timor. Sebenarnya Yang Berhormat, dengan izin Tuan Yang di-Pertua agak kemungkinan terdapat sedikit salah faham dari pihak Yang Berhormat ya, kerana ini sebuah negara demokrasi di mana pemilihan Presiden ataupun mana-mana ahli persatuan berdasarkan kepada ahli-ahli dalam persatuan tersebut.

Jikalau mana-mana persatuan dalam proses demokrasi Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, ingin melantik mana-mana individu sama ada Menteri ataupun Duli Yang Maha Mulia Sultan, mereka tidak boleh dihalang daripada melantik dalam proses demokrasi.

Keduanya tidak adanya dasar kerajaan yang mendiskriminasi mana-mana rakyat Malaysia untuk memimpin. Kalau yang dilantik itu oleh ahli-ahli persatuan adalah dengan izin, *coincidentally a minister*, itu adalah mungkin antara pendekatan ataupun keyakinan persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan bahawa tidak terbuktinya adanya bukti yang sah menyatakan mana-mana persatuan sukan yang dipimpin oleh mana-mana Menteri Kabinet tidak berjaya di dalam sukan tersebut. Sebab yang mengendalikan sukan tersebut dan menjadi atlet ialah atlet-atlet, sekadar pemimpin-pemimpin persatuan tersebut sama ada Menteri Kabinet ataupun orang-orang yang terkenal

hanya menjadi Presiden kepada persatuan dan menjalankan tugas berdasarkan kepada kerjasama dan pandangan yang diberi oleh jawatankuasa di dalam persatuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ingin dinyatakan juga bahawa mana-mana persatuan sukan di Malaysia pada hari ini ditadbir oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan di mana adanya apa-apa perkara yang tidak puas hati oleh mana-mana ahli persatuan ataupun ahli-ahli sukan tersebut boleh melaporkan kepada Pejabat Pesuruhjaya Sukan dan ini termasuk jikalau pemimpin persatuan tersebut tidak menjalankan tugas seperti yang dituntut oleh ahli-ahli persatuan.

7. Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram] minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menggalakkan petani-petani di seluruh Malaysia berusaha menubuhkan industri-industri asas tani di kawasan kampung mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyedari faedah pembangunan industri asas tani bagi meningkatkan pendapatan golongan sasar di kawasan luar bandar. Sehubungan dengan itu, bagi menggalakkan petani-petani di seluruh Malaysia menubuhkan industri-industri asas tani di kawasan kampung, kementerian mengambil langkah meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran petani-petani ini melalui latihan teknikal dan pengurusan supaya mereka mampu menjadi usahawan-usahawan asas tani yang berjaya.

Di bawah program-program seperti masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, pembangunan usahawan, pembangunan industri hiliran, kumpulan pengembangan wanita dan projek bimbingan perikanan, usahawan-usahawan dilatih dalam pelbagai aspek pemprosesan makanan berasaskan tanaman, perikanan dan ternakan, amalan pengilangan yang baik, pembungkusan, pemasaran, keusahawanan, kewangan dan perakaunan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan kualiti dan menjamin keselamatan makanan, jabatan atau agensi di bawah kementerian sentiasa memberi khidmat kepakaran bagi memastikan pengusaha-pengusaha menepati piawaian yang ditetapkan seperti *Good Manufacturing Practices* (GMP), dengan izin, dan *hazard analysis* dan *critical control point* (HACCP).

Selain daripada itu, jabatan juga menyediakan bantuan meminjam mesin dan peralatan pemprosesan di samping bantuan modal oleh Bank Pertanian Malaysia melalui Skim Pinjaman Mudah seperti Tabung IKS dan Skim Pembiayaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

Kementerian turut menggalakkan pembangunan *cottage industry*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Sedikit. *cottage industry* secara *cluster* supaya pengusaha kecil asas tani bergabung bagi meraih *economies of scale*. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen. Industri-industri asas tani dan juga projek-projek TKPM yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertanian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Baram.

Dato' Jacob Dungau Sagan [Baram]: Terima kasih Yang Berhormat Maran. [Dewan riuh] [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Atas jawapan Setiausaha Parlimen tadi, Dewan yang mulia ini diberitahu pada masa yang lalu bahawa kerajaan akan melaksanakan program industri kampung mengikuti satu industri satu kampung.

Saya ingin bertanya sejauh manakah program ini telah dilaksanakan di seluruh negara dan adakah program satu industri satu kampung ini *practical* dari segi pencapaiannya. Sekian, terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa program itu memang berterusan dan sebenarnya program ini di bawah bidang kuasa satu kementerian tetapi ia melibatkan banyak lagi kementerian seperti dahulunya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan. Oleh yang demikian, setiap kementerian memang ada program masing-masing dan sebenarnya setiap dahulunya kita menggunakan daerah di mana kita mengenal pasti apakah agaknya produk yang hendak kita ketengahkan dalam daerah tersebut.

Ini memerlukan pengembelingan dan sebenarnya ada jawatankuasa bersama untuk kita sama-sama menilai kejayaan program ini di mana di bawah Kementerian Pertanian memang diusahakan di bawah kumpulan-kumpulan seperti yang telah

beritahu tadi. Ini memerlukan juga kerjasama dengan kerajaan negeri untuk kita memastikan bahawa program satu, sebenarnya dia satu industri satu kampung, lepas itu kita tukarkan satu industri satu daerah dan sebenarnya ada lagi namanya yang kita gunakan dahulu iaitu ODOI – *one district one industry* di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Ini Yang Berhormat memanglah kita minta kerajaan negeri sama-sama membantu kementerian supaya dapat dikenal pasti satu produk ia boleh berbentuk makanan atau ia juga boleh berbentuk kraftangan. Ini ada satu jawatankuasa yang menilai bersama. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Datuk Ronald Kiandee. Saya hendak beri peluang kepada Menteri yang sedang menunggu. Tak apa, saya sudah buat keputusan.

8. Datuk Ronald Kiandee [Beluran] minta Perdana Menteri menyatakan tahap toleransi kaum dan agama di kalangan rakyat Malaysia ketika ini. Apakah pendekatan terbaik untuk menangani konflik antara dan semasa agama yang berlaku di dunia ketika ini dan lapangan untuk menentukan keberkesanannya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai ethnik dan agama. Kepelbagaian ini meletakkan keadaan masyarakat yang berbeza dari segi latar belakang kepercayaan.

Tahap toleransi kaum di Malaysia ketika ini membanggakan dan ini terbukti apabila masyarakat yang terdiri dari pelbagai kaum dapat hidup bersama dalam suasana aman damai. Perpaduan yang dikecapi di Malaysia sekarang adalah hasil daripada semangat hormat-menghormati, kerjasama dan toleransi yang tinggi di kalangan masyarakat.

Tidak dinafikan bahawa ketenteraman dan kesejahteraan yang dinikmati ini kadang-kadang tergugat disebabkan oleh isu-isu seperti isu pendidikan, politik dan agama. Isu agama dianggap sebagai isu paling sensitif yang boleh mengancam perpaduan negara jika tidak dibendung dan diberi perhatian serius.

Kita sepatutnya berbangga kerana mempunyai kerajaan yang bijak dalam menangani isu-isu yang berlaku. Kepekaan serta kesedaran rakyat yang lebih mengutamakan keharmonian dan perpaduan menjadikan isu-isu dapat diselesaikan dengan lebih mudah. Kerajaan dan rakyat Malaysia berpegang kepada Perlembagaan

Persekutuan dan Rukun Negara sebagai landasan bagi menjamin perpaduan antara penganut pelbagai agama dan kaum di negara ini berterusan.

Usaha untuk mengekalkan tahap toleransi dan agama supaya berkeadaan baik perlu diberi perhatian serius bagi mengelak berlakunya konflik antara agama. Antara pendekatan yang boleh diambil kira bagi menangani masalah tersebut ialah:

- (i) walaupun setiap agama mempunyai etikanya sendiri, tetapi banyak persamaan antara agama yang perlu diketahui. Justeru itu penghormatan semua agama perlu diterapkan di kalangan masyarakat agar rasa kebencian terhadap sesuatu agama tidak wujud;
- (ii) keadaan tidak tenteram dan huru-hara yang berlaku di mana-mana negara juga disebabkan oleh kumpulan ekstrem agama. Untuk membendungnya kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap kumpulan ekstrem yang cuba mengancam perpaduan dan keselamatan negara;
- (iii) pertentangan dan perselisihan berlaku adalah juga disebabkan ketidakfahaman dan kesedaran beragama. Untuk mengatasinya, forum-forum agama perlu diadakan lebih kerap bagi mengelak daripada salah faham;
- (iv) menggalakkan penubuhan badan-badan pelbagai agama untuk bermesyuarat, berdialog dan menyelesaikan masalah-masalah bersama; dan
- (v) prinsip-prinsip yang terdapat dalam sesuatu agama seharusnya dipertahankan dan tidak dipolitikkan kerana ia membawa situasi yang tidak sihat dan boleh menjejaskan perpaduan.

Pendekatan dan amalan yang dipraktikkan di Malaysia telah berjaya menangani konflik agama. Rakyat Malaysia menerima agama Islam sebagai agama rasmi negara dan memberi kebebasan untuk mengamalkan agama-agama lain. Keharmonian yang wujud atas kesedaran dan toleransi beragama menjadikan Malaysia sebagai model kepada negara-negara yang mempunyai pelbagai keturunan dan agama. Terima kasih.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sesungguhnya Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan harmoni. Kita melihat

bahawa parti-parti politik dalam negara juga mempunyai semangat yang begitu tinggi. Umpamanya saya, sebagai contoh, saya sebagai bukan Islam boleh menyertai Parti UMNO yang berteraskan kepada Melayu dan Islam. Itu merupakan satu petunjuk bahawa negara kita aman dan harmoni.

Tetapi dalam pada itu, Timbalan Menteri, bahawa di kalangan parti politik di negara kita sama ada DAP ataupun PAS, kita melihat ada unsur-unsur perpaduan dalam bentuk mereka dan pendekatan agama dalam bentuk mereka yang boleh menghalang kepada perpaduan rakyat Malaysia dalam jangka masa yang panjang. Adakah kementerian melihat ini sebagai satu penghalang kepada perpaduan rakyat Malaysia pada masa akan datang dan apakah kementerian sependapat bahawa lima langkah yang diambil ini dan program-program yang akan diambil haruslah melihat kepada semua aspek termasuk juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: ...pendekatan politik yang dibawa. Terima kasih.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penjelasan untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat tadi sudah lebih kurang saya jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: ...dalam jawapan tadi. Walau bagaimanapun, saya ingin menyambung sedikit tentang usaha-usaha Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cuba ringkaskan.

Seorang Ahli: Minta jawablah.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sudah jawab, tidak payahlah.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Okey, okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

9. **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah dan nama "Universal Broker" dan sebab-sebab "Universal Broker" tidak diberikan taraf "Investment Bank".

Menteri Kewangan Kedua [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sebanyak enam syarikat broker telah diberi status *universal broker* iaitu Hwang DBS Securities Berhad (HDBS), Kuala Lumpur City Securities Sdn. Bhd., OSK Securities Berhad, PM Securities Sdn. Bhd., AN Kenanga Berhad dan Avenue Securities Sdn. Bhd.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti pada 20 Julai 2003 telah meluluskan taraf *universal broker* kepada sebuah lagi syarikat broker iaitu TA Securities Holding Berhad, dahulunya dikenali sebagai Boardly Securities Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun sehingga ini ia masih belum beroperasi sebagai *universal broker*.

Universal broker yang diumumkan pada tahun 2000 merupakan status yang diberi oleh Securities Commission kepada sesebuah syarikat broker bergabung dengan sekurang-kurangnya tiga buah syarikat broker lain, *one plus three*, dengan izin, setelah memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu, manakala *investment bank* yang dicadangkan pada bulan Mei 2003 merupakan penggabungan di antara bank saudagar dengan sama ada syarikat broker saham dan syarikat diskaun atau syarikat broker saham.

Walaupun bagaimanapun, kertas rangka kerja mengenai penubuhan *investment bank* ini masih dikaji dan status universal broker dalam konteks pewujudan pembentukan *investment bank* masih dikaji. Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan satu dasar baru iaitu untuk membenarkan kemasukan syarikat-syarikat broker asing ke negara ini. Soalan tambahan saya, apakah tujuan dasar baru ini dan bagaimanakah kerajaan dapat memastikan bahawa kemasukan syarikat-syarikat asing ini tidak menjejaskan kepentingan syarikat-syarikat broker tempatan nanti?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, tujuan kerajaan mengkaji tentang kemasukan sehingga lima broker asing ke dalam pasaran tempatan ialah untuk membantu syarikat-syarikat tempatan. Sebenarnya tujuan kerajaan ialah untuk membolehkan jumlah dagangan di pasaran tempatan meningkat dan sekiranya

jumlah dagangan dalam pasaran domestik meningkat, ini akan memberi keuntungan kepada syarikat-syarikat tempatan juga.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa sebarang langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membolehkan syarikat-syarikat luar beroperasi di pasaran kita tidak akan memberi sebarang kesan negatif kepada syarikat-syarikat tempatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup untuk soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18(1)

**Amaran Amerika Syarikat Memboikot Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN
Apabila Myanmar Mengambil Alih Pengerusi ASEAN**

11.07 pagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk membenteng usul yang berbunyi, bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan mengenai amaran Amerika Syarikat bahawa ia akan memboikot mesyuarat-mesyuarat ASEAN apabila Myanmar mengambil alih Pengerusi bergilir ASEAN melainkan junta tentera berkenaan memperbaiki rekod hak asasi manusianya.

Malaysia dan lain-lain negara ASEAN mempunyai kepentingan diri yang penting untuk memastikan bahawa perhubungan ASEAN dan masyarakat dunia tidak terus merosot, bukan sahaja dengan Amerika Syarikat tetapi juga dengan Kesatuan Eropah dan lain-lain negara yang bakal menjejaskan ekonomi dan hubungan antarabangsa kita dan tidak harus membenarkan Myanmar terus menjadi beban yang semakin tidak dapat ditahan lagi kepada ASEAN berikutan dengan sikap degil dan keras kepala junta tentera negara berkenaan yang terus-menerus menarik balik janji-janjinya mengenai pendemokrasian serta pendamaian nasional.

Memandangkan Malaysia kini adalah Pengerusi NAM, OIC serta ASEAN, Parlimen Malaysia harus berdiri di barisan hadapan untuk menyelia dan menilai kemajuan pelan Jalan Tuju Langkah ke arah demokrasi yang diumumkan oleh junta tentera Myanmar sendiri termasuk:

- (i) pembebasan segera tanpa syarat, Ketua Pembangkang negara berkenaan, Aung San Suu Kyi serta lebih 1,300 banduan politik;
- (ii) dialog politik tiga parti yang bermakna dan bukannya konvensyen perlembagaan nasional yang tanpa perwakilan dan tidak sah;
- (iii) pilihan raya yang bebas dan adil;
- (iv) utusan khas kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Razali Ismail dan wakil khas Hak Asasi Manusia PBB, Paula Sergio Pinheiro haruslah dibenarkan masuk ke Myanmar dan dijamin pergerakan yang bebas serta akses kepada semua aktivis politik dan hak asasi manusia Burma,

Parlimen Malaysia yang mewakili rakyat Malaysia serta lain-lain Parlimen ASEAN mestilah lantang dalam menyuarakan bahawa kepentingan ekonomi dan nasional setiap anggota ASEAN tidak boleh terjejas dan dirosakkan berikutan dengan junta tentera Myanmar yang enggan bertindak secara bertanggungjawab dan kembali kepada arus utama perhubungan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat bagi Ipoh Timur pada 8 September 2004 yang lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa Usul ini adalah sama dengan Usul Yang Berhormat hantar pada 3 Disember 2004 dan yang telah ditolak pada 7 Disember 2004 di dalam Dewan.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (6)(a), sesuatu Usul yang telah ditolak tidak boleh dikeluarkan semula perkara yang sama dalam mesyuarat yang sama. Oleh yang demikian saya menolak usul itu

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 18(6) ialah mengenai perkara yang sama. Ini bukan perkara yang sama, perkara yang dibangkitkan dahulu ialah mengenai penahanan Aung San Suu Kyi disambung satu tahun. Perkara ini adalah mengenai amaran *United States* untuk memboikot mesyuarat-mesyuarat ASEAN kalau Myanmar menjadi Pengerusi. Itu perkara-perkara yang berbeza sungguhpun mengenai Burma. Kalau satu *ruling* dibuat bahawa semua perkara mengenai Burma tidak boleh disebut kerana ia adalah perkara yang sama, adakah ini bererti bahawa kalau hari ini ada pembunuhan beramai-ramai (*massacre*), *mass massacre* berlaku di mana beratus-ratus, beribu-ribu orang dibunuh di Myanmar, perkara ini tidak boleh dibangkit, itu adalah perbezaan yang lain, perkara yang lain. Saya harap ia boleh dikaji semula dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya telah meneliti kedua-dua Usul iaitu usul yang dihantar pada 3 haribulan dan usul yang kita bentangkan tadi, saya dapati ia adalah isu yang sama, memang berkaitan dengan isu yang sama – pembebasan segera Aung San Suu Kyi tanpa syarat, dialog politik tiga parti, Malaysia sebagai Pengerusi OIC, NAM dan ASEAN dan Jalan Tujuh Langkah Menuju Demokrasi. Oleh kerana isu-isu yang dibangkitkan sama maka saya membuat keputusan untuk menolak Usul yang dikemukakan, selaras dengan Peraturan Mesyuarat 18 (6) tersebut. Inilah keputusan saya.

**PENERANGAN SENDIRI OLEH
YANG BERTIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(1)(i)**

Situasi Terkini Di Myanmar

11.11 pagi.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan Peraturan Mesyuarat 25 dibaca bersekali dengan Peraturan Mesyuarat 14(1)(i) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya ingin mengemukakan penjelasan mengenai isu-isu terkini bersabit dengan Myanmar.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu-isu mengenai Myanmar telah menarik perhatian ramai Ahli-ahli Dewan ini dan masyarakat secara umumnya, ingin

saya memberikan penjelasan tentang kedudukan dan situasi di Myanmar seperti yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang sebentar tadi dan pada 3 Disember.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak tahun 1990, Myanmar adalah merupakan, dengan izin, satu *burning issue*, iaitu satu isu yang hangat diperkatakan, dibincang dan diperdebatkan oleh masyarakat antarabangsa dan masyarakat di rantau ini. Sehingga kini negara tersebut terus menjadi tumpuan perhatian yang mendalam memandangkan perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku di dalam negara itu. Masyarakat antarabangsa termasuk masyarakat di rantau kita melihat perkembangan domestik dan proses perkembangan politik yang diamalkan di Myanmar sebagai terkeluar dari landasan prinsip demokrasi sejagat yang mereka laung-laung dan perjuangkan.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita melihat kepada latar belakang Myanmar, sejak negara itu mencapai kemerdekaan pada tahun 1948, Myanmar pada keseluruhannya diperintah sepenuhnya oleh tentera walaupun negara tersebut telah mengadakan pilihan raya umum pada tahun 1990 namun seperti yang kita maklum, pemerintah tentera telah enggan mengundur diri dan menyerahkan tampuk pemerintahan kepada *Aung San Suu Kyi* dari parti *National League for Democracy*, dengan izin, yang telah memenangi pilihan raya tersebut. Sehingga negara tersebut menjadi ahli ASEAN dalam tahun 1997, kita mesti sedar bahawa Myanmar telah memilih satu dasar yang tertutup, dengan izin, *isolationist policy*, yang pada hakikatnya ialah menutup pintu kepada masyarakat antarabangsa.

Myanmar juga dalam tempoh tersebut telah memilih cara tersendiri yang mereka panggil, dengan izin, "*Burmese Road To Socialism*" sebagai sistem dan amalan politik mereka. Setelah kita terutamanya pimpinan Malaysia berjaya membawa Myanmar ke dalam ASEAN di sebalik suara-suara yang menentang, kita telah mengambil langkah-langkah kita yang kita harapkan akan membawa penyerapan dan kesedaran bahawa mereka harus bertukar mengikut cara dan corak mereka dengan perlahan-lahan dengan mengambil kira kehendak dan kemahuan rantau ini sendiri sepenuhnya hingga mereka dapat menjadi ahli ASEAN. Dalam proses itu kita telah menggunakan pendekatan, dengan izin, *constructive engagement* ataupun pendekatan untuk membina persahabatan dan membina penghayatan terhadap sistem yang diamalkan di dalam negara-negara di ASEAN.

ASEAN bersetuju bahawa pendekatan ini merupakan pendekatan yang paling sesuai untuk membawa Myanmar ke dalam aliran utama (*mainstream*), dengan izin,

values and activities. Kita juga yakin bahawa pendekatan ini selesai diterima oleh Myanmar sendiri. Negara-negara ASEAN tidak pernah menyetujui pendekatan yang dicanangkan oleh negara-negara Barat untuk mengenakan sekatan atau untuk memencilkan Myanmar yang akan menderita dan merana hasil dari pemencilan ataupun untuk meninggalkan Myanmar dengan sendirinya adalah rakyat yang tidak berdosa. Sebab itu kita mengambil pendekatan untuk berbincang-bincang, berdialog, berunding supaya akhirnya Myanmar akan dapat bertukar dan mengikut amalan dan kehendak masyarakat di rantau ini dan negara-negara jiran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1957, kita melihat Myanmar telah menunjukkan kemajuan dan perubahan yang harus kita iktiraf walaupun terdapat beberapa kekurangan. Sewajarnya kita harus juga menerima kekurangan-kekurangan tersebut secara positif. Kita sedar bahawa perubahan-perubahan yang berlaku di Myanmar tidak secepat seperti yang ingin dilihat oleh kuasa-kuasa luar. Sebaliknya kita juga mahu perubahan-perubahan yang diambil oleh Myanmar adalah kerana tunduk kepada tekanan ataupun mahu mengikut tekanan-tekanan dan pandangan-pandangan dari negara jiran dan rantau, bukan semata-mata untuk secara sepenuhnya mengikut apa yang dikehendaki oleh negara-negara Barat.

Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa baru-baru ini, mengenai isu situasi di Myanmar, telah dibincangkan secara tidak rasmi di Persidangan Kemuncak ASEAN Ke-10 di Vientiane pada 29 dan 30 November. Perkara ini juga telah dibincangkan pada peringkat pertemuan dua hala antara pegawai-pegawai kanan Myanmar dan Malaysia dan juga secara tidak rasmi di antara Menteri-menteri Luar ASEAN. Selain dari itu, Menteri Luar Myanmar telah mengadakan sidang akhbar untuk, dengan izin, *to reassure*, Tuan Yang di-Pertua, yang Myanmar akan terus mengikut *roadmap* mereka dan mereka tidak akan berubah ke arah pencapaian demokrasi sepenuhnya di Myanmar. Ini adalah apa yang mereka katakan. Semasa di Vientiane, saya sendiri

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sebenarnya dalam memberi penjelasan ini, *there is no room*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, untuk saya berhenti, dan saya hanya membaca penjelasan sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nantilah, biar saya habiskan dulu, Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: ... fasal saya terikat oleh kerana Yang Berhormat bawa perkara itu, saya ingat saya telah bagikan walaupun perkara itu tidak dibahaskan, bagi senario daripada perspektif kerajaan dan bagaimana kita menangani dan menguruskan perkara berkenaan Myanmar.

Jadi kita telah mengambil beberapa pendekatan dan bertemu dengan Myanmar sama ada di peringkat ASEAN, sama ada di peringkat *bilateral* ataupun dua hala dengan menteri-menteri luar. Dalam tiap-tiap pertemuan kita telah menekankan peri pentingnya proses pendemokrasian Myanmar ini tidak terbantut atau dibelenggu oleh keadaan dan konflik pencanggahan dalaman.

Sebab itu kita fikir kita tidak mahu Myanmar mengambil sikap untuk menutup kembali pendekatan mereka membuka untuk memberikan peluang bagi kita bertemu dan memberikan pandangan-pandangan kita. Perdana Menteri kita sendiri telah memberikan pandangan kepada Pengerusi mereka pada ketika iaitu Senior General Than Shwe apabila beliau bertemu bahawa proses demokrasi di Myanmar tidak boleh dihentikan dan ia perlu dilaksanakan sebagai sesuatu yang akan membantu Myanmar dapat kembali ke aliran utama di dalam proses masyarakat antarabangsa.

Oleh itu kita mengambil pendekatan memang kita tidak mahu campur tangan di dalam hal dalaman Myanmar tetapi soal *non-interference*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh kita lihat dalam konteks yang mutlak tanpa apa-apa campur tangan, tanpa kita menghirau tiap-tiap kejadian yang mungkin mempunyai kesan dengan negara-negara jiran atau pun kesan kepada rantau kita ini. Sebab itu kita telah membangkitkan isu Myanmar di dalam perjumpaan dua hala dan perjumpaan menteri-menteri luar secara tertutup.

Sikap Myanmar, mereka tidak suka dibincangkan perkara ini dengan terbuka dan apabila terbuka mereka akan mengambil sikap tidak mahu langsung membincangkan dan ini membangkitkan masalah. Sebab itu kita bincangkan dalam satu suasana dan ruang tertutup yang begitu telus dan memberitahu Myanmar apakah sikap dan pandangan kita terhadap perkara-perkara yang berlaku di dalam negara

mereka. Kita tidak mahu di masa yang sama, soal campur tangan, soal demokrasi digunakan oleh negara-negara Barat untuk mencorakkan bentuk demokrasi dan bentuk pimpinan yang harus diletakkan di dalam sebuah negara. Cukuplah mereka telah memainkan peranan untuk menggantikan *regime*, menggantikan pimpinan di tiap-tiap negara dan selepas itu mereka menentukan arah tuju geopolitik di dalam sesebuah negara.

Sebab itu kita memberitahu Myanmar mereka perlu membuat perubahan dan tidak membabitkan ataupun menyusahkan dan menjadi beban kepada ASEAN dan negara-negara jiran. Kita tidak mahu mana-mana negara termasuk kuasa besar memberitahu kita kalau Myanmar tidak bertukar maka mereka tidak akan menghadiri mesyuarat ASEAN. Ini bukan satu pendekatan yang sihat kerana ini bermakna kita tertakluk kepada kuasa luar untuk menentukan hala tuju dan arah negara pertubuhan kita ASEAN.

Jadi oleh itu kita akan sentiasa mengambil kira hanya saya minta dalam kita membuat teguran, di dalam kita memberikan pandangan kita tentukan yang kita tidak disalahgunakan oleh mana-mana kuasa luar untuk dijadikan alat bagi mereka. Kita akan sentiasa menyuarakan pandangan kita, Myanmar sendiri telah tiba dan diterima di ASEAN Bali Concorde II iaitu Security Community, salah satu unsur di dalam Security Community ialah untuk mengadakan urus tadbir yang baik iaitu *good governance*, *rule of law* dan demokrasi, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu penting sekali bagi kita terus menggunakan pendekatan konstruktif *engagement* dan kita bercakap secara terbuka kepada Myanmar berkenaan isu-isu yang kita anggap boleh menjadi beban atau pun boleh membangkitkan masalah kepada ASEAN. Mereka akan mengambil alih ASEAN mengikut gilirannya pada tahun 2006. Oleh itu masa masih ada dan mereka mengadakan mereka akan memanggil semua pihak yang terlibat di dalam *political conflict*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di Myanmar untuk berbincang di dalam proses *reconciliation* dalam proses untuk demokrasi yang mengadakan *referendum* dan kemudiannya mengadakan pilihan raya mengikut keputusan referendum apabila perlembagaan mereka diterima.

Oleh itu kita masih lagi membuka peluang kepada Myanmar dan masa yang sama kita berikan pandangan yang tegas dan pandangan yang mengatakan perkara ini kita tidak boleh biarkan begitu sahaja sehingga Myanmar mahu menjadi satu masalah kepada ASEAN.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang memberikan saya untuk membuat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah. Tidak ada perbahasan, Ahli Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiada penjelasan, tiada perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *Tidak* ada perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan perbahasan, minta penjelasan bukan perbahasan, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak ada, Yang Berhormat, tidak ada peruntukan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau tidak pun, *point of order* dalam kertas atas *point of order*, oleh sebab saya bukan mahu bincang apa yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order*, membincangkan apa yang dikemukakan dan diutarakan Yang Berhormat Menteri tetapi saya mahu meminta sama ada oleh kerana perkara ini Yang Berhormat sendiri mengakui *burning issue*, *burning issue* dan oleh sebab masalah-masalah teknikal kita tidak boleh bahas. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memperuntukkan sekurang-kurangnya satu jam sebelum Parlimen ini tangguhkan pada hari Selasa supaya kita boleh menumpukan perbahasan dalam perkara ini. Oleh kerana Yang Berhormat Menteri kata bahawa ia satu *burning issue*, bolehkah beliau bersetuju dalam perkara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat! Yang Berhormat, Yang Berhormat! Ya, cukup Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai *arms drill arrangements*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *Arms drill arrangements*..

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Oleh sebab dia membawa *point of order*, walaupun tidak termasuk di dalam *point of order*, dengan izin Tuan Yang diPertua, ingin saya katakan bahawa segala perkara yang hendak kita bangkitkan bagi dibincangkan, bukan pihak Kerajaan tidak mahu membincangkan perkara tersebut. Ia terpulang kepada kita mengikut Peraturan Dewan. Jadi itu sahaja yang kita cari. Saya tidak mempunyai masalah kalau Yang Berhormat daripada Ipoh Timor mengikut Peraturan Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang: Yang Berhormat, ini budi bicara kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup!

Tuan Lim Kit Siang: Atau pun yang terakhirnya saya hendak bertanya oleh kerana kita adalah satu *Parliamentary Caucus* mengenai ASEAN, adakah Yang Berhormat Menteri rela mengadakan satu taklimat yang rasmi atau apa-apa mengenai isu Burma ini? Bolehkah diadakan?

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang diPertua, *I know it is out of this*, minta maaf, sebab itu kena tidak hendak perkara ini dibincangkan fasal kita ada *Malaysian Caucus on Myanmar* yang hendak membincangkan perkara itu secara mendalam dan terperinci, kita hendak bincangkan. Tetapi kalau memerlukan kita punya taklimat untuk perbincangan terpulang kepada Caucus Parlimen untuk membuat demikian kerana Parlimen mempunyai untuk menuntut perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[8 Disember 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri di minta teruskan menjawab.

11.27 pagi.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bagan, Bukit Bintang, Pendang, Tuaran, Tanah Merah, Bentong, Larut dan Tanjong yang telah membangkitkan beberapa persoalan, cadangan dan juga teguran. Saya ingin mengucapkan terima kasih dan saya ingin cuba sedaya upaya untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Larut telah mengadakan bahawa banyak permohonan daripada PERKESO telah ditolak. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sebelum PERKESO meluluskan permohonan dia mesti meneliti secara menyeluruh, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga saya telah banyak kali nasihat kepada pihak PERKESO untuk mengkaji semua permohonan bukan sahaja dari segi *legalistic* sahaja tetapi dari segi kemanusiaan supaya kita boleh tolong pekerja-pekerja.

Dari segi keseluruhannya bayaran yang telah dibuat oleh PERKESO telah bertambah lebih kurang dari segi pampasan, dan dari segi bantuan, iaitu daripada lebih kurang RM600 juta pada tahun 2000 kepada lebih dari RM700 juta pada tahun 2003. Dan dari segi purata caruman ia telah juga naik. Pada tahun 2000 sebagai peratusan caruman bayarannya ialah 45%. Hingga 2003 dia telah naik lebih kurang 60% dan oleh kerana banyak bayaran yang dibuat oleh PERKESO melindungi bayaran pencen dan sebagainya yang ada beban panjang. Jadi kita telah anggar bahawa peratusan itu akan terus naik dan kita selalunya mesti jaga tentang kedudukan dana tersebut. Namun demikian, pihak PERKESO akan terus menggunakan satu cara kemanusiaan untuk mengkaji semua permohonan tersebut.

Soalan berkaitan dengan kenapa PERKESO ada 10 juta ahli tetapi hanya 4.4 juta ahli yang aktif. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PERKESO menggunakan satu dasar, iaitu dengan izin: "*Once registered, always registered*". Jadi semua ahli yang berdaftar akan terus merupakan ahli PERKESO, termasuk mereka yang telah diberhentikan, termasuk mereka yang telah *resign*, dengan izin, dan sekarang merupakan *self-employed* dan sebagainya. Oleh sebab itulah dalam rekod ahli PERKESO ada lebih kurang 10 juta orang tetapi hanya 4.4 juta yang aktif.

2004-12-13

2004-12-13

Namun demikian saya sedari bahawa dari segi persepsi dan kesedaran di kalangan masyarakat memang PERKESO belum sampai satu tahap yang saya sendiri rasa puas hati. Jadi saya akan terus meminta PERKESO untuk menjalankan kempen-kempen promosi secara besar-besaran supaya kita boleh beritahu di kalangan para pekerja dan juga majikan mengenai peranan PERKESO, skim-skim insurans PERKESO supaya setiap pekerja akan sedar dan akan terus bekerjasama dengan majikan untuk mendaftarkan diri mereka dan tentukan bahawa caruman itu selalu dibuat. Di antara langkah-langkah yang.....

Tuan Chow Kon Yeow: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanjong.

Tuan Chow Kon Yeow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Penjelasan. Setelah penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kita mendapati satu keadaan di mana seseorang yang menjadi ahli PERKESO, tetapi tidak berhak untuk membuat caruman sebab dia sudah terkeluar misalnya menjadi *self employed* ataupun gajinya sudah melepasi RM2,000 pada masa sekarang sebelum pindaan.

Jadi apakah PERKESO akan buat untuk membolehkan ahli-ahli PERKESO untuk terus membuat caruman dan layak untuk mendapat segala faedah apabila diperlukan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli yang telah *resign* ataupun telah menukar pekerjaan daripada seorang pekerja kepada *self employed* memang mempunyai hak untuk terus membayar caruman. Itu di atas pilihannya sendiri, tetapi di kalangan mereka itu ada banyak yang tidak mahu kerana mereka merasa boleh menjaga dirinya sendiri.

Dari segi promosi saya akan terus meminta pihak PERKESO untuk memperluaskan usaha promosi termasuk ada promosi melalui TV supaya kita boleh menaikkan kesedaran.

Soalan tentang pelantikan para pengerusi dan juga Ketua Eksekutif PERKESO. Untuk Pengerusi Lembaga Pengarah dan juga Ahli-ahli Lembaga Pengarah dilantik

oleh Menteri Sumber Manusia, tetapi mengikut peraturan-peraturan yang ditentukan iaitu ada pihak-pihak tertentu yang mewakili majikan, pihak tertentu yang mewakili agensi-agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan dan juga ada wakil-wakil dari pihak kesatuan sekerja.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Memandangkan pemegang-pemegang jawatan di dalam lembaga ini akan membayangkan kepentingan pencharum-pencharum dan juga mungkin penuntut-penuntut yang membuat tuntutan dalam PERKESO, bolehkah Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian membayangkan kepada Dewan yang mulia ini berapakah pecahan-pecahan pencharum dalam bentuk kaum dan sebagainya. Kalau boleh kita hendak lihat juga pelantikan itu perlu membayangkan pencharum-pencharum serta yang membuat tuntutan di dalam PERKESO ini. Boleh Yang Berhormat? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut pecahan pencharum masa ini saya tidak ada butiran, tetapi saya akan jawab secara bertulis, boleh atau tidak? Apa yang ingin saya terangkan ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah itu mengikut peruntukan-peruntukan yang ditentukan, yang ada saya ingat - *let me see* ada wakil-wakil dari Kementerian Kewangan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Manusia dan juga empat orang yang mewakili pertubuhan majikan, empat orang dari Pertubuhan Pekerja dan tiga orang yang berpengalaman dalam bidang keselamatan sosial. Semua ahli lembaga tersebut menerima elaun tetap sebanyak RM500 sebulan dan sebagainya. Tetapi mengikut pecahan caruman ahli-ahli itu saya akan bagi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya harap Menteri faham maksud saya.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Maksud saya pencharum-pencharum berapa ramai kemudian pecahan mengikut kaum kerana pelantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah atau penasihat tadi itu mewakili kepentingan pencharum-pencharum dan juga pembuat-pembuat tuntutan. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Saya faham, saya faham. Tetapi saya ingin terangkan bahawa dengan izin, *my hands are tied*....kerana ahli-ahli yang mewakili

pihak majikan, calon-calon tersebut dikemukakan oleh pihak MES dan sebagainya dan calon-calon untuk mewakili persatuan dikemukakan oleh MTUC dan sebagainya.

Namun demikian saya selalunya mengambil kira soalan yang dibangkitkan supaya wakilnya tidak keterlaluan dari segi pelbagai bangsa dan sebagainya, akan sebaik-baiknya mencerminkan kedudukan ahli-ahli PERKESO. Ahli-ahli *investment* panel dengan izin ini sungguhpun dilantik oleh saya, tetapi ada peruntukan-peruntukan di mana ada mereka yang mewakili Lembaga Pengarah ada wakil daripada Kementerian Kewangan, ada juga wakil dari Bank Negara dan juga ada wakil dari pihak pekerja dan sebagainya. Panel pelaburan ini mempunyai kuasa untuk membuat cadangan dari segi pelaburan, tetapi semua itu mesti mengikut garis panduan yang ditentukan oleh Kementerian Kewangan dan juga mengikut pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: [*Bangun*]

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Mengenai cadangan pusat pemulihan atau *rehabilitation center*.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kota Bharu.

Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai *investment* panel tadi. Kita tahu badan-badan lain seperti Tabung Haji misalnya pun ada *investment* panel, tetapi kita tahu pengaruh dan arahan Menteri selalunya yang menyebabkan kerugian-kerugian yang kita dengar beberapa tahun kebelakangan ini.

Saya ingin tanya kepada Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri ada campur tangan dalam keputusan *investment* panel ataupun sebenarnya memberi kepada mereka keputusan untuk membuat pelaburan-pelaburan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kota Bharu ini. *Investment* panel itu memang mempunyai mandat yang cukup untuk membuat keputusan mengikut garis panduan yang telah ditentukan dan juga ada wakil dari Kementerian Kewangan dan juga ada wakil dari Bank Negara yang menentukan, bahawa segala keputusan yang dibuat oleh panel itu dibuat secara *independent*, dengan izin. Selepas keputusan itu dibuat dan *diconfirm* barulah ia dibawa untuk kefahaman saya untuk saya tandatangan (*sign*) sahaja.

Jadi dari segi mandat *investment* panel itu mempunyai kuasa yang penuh dan tidak ada sesiapa pun yang boleh campur tangan, dan juga keputusan yang dibuat

investment panel itu mestilah mematuhi peraturan-peraturan yang ditentukan. Bukan sahaja dari segi pelaburan, pelaburan dalam *security*, pelaburan dalam deposit dan sebagainya ada peratusan-peratusan yang telah ditentukan.

Mengenai pusat hemodialisis, pihak PERKESO selalunya prihatin tentang keperluan kumpulan ini dan sejak beberapa tahun ini pihak PERKESO telah menerima lebih daripada 100 buah hemodialisis *machine* daripada NGO, daripada pusat hemodialisis yang memberi rawatan kepada ahli-ahli PERKESO.

Saya telah cadangkan kepada pihak PERKESO supaya pihak PERKESO juga mesti membina sebuah pusat hemodialisis yang dipertanggungjawabkan oleh PERKESO, kerana tahap rawatan itu boleh dijadikan sebagai *benchmark* untuk pusat-pusat hemodialisis yang lain itu.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong telah membangkitkan pentingnya untuk pihak PERKESO mempertingkatkan kualiti *counter service* supaya menerima baik dan kita akan kaji cara-cara yang lebih tepat untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan di kuanter, khususnya di pejabat-pejabat daerah, selain dari Kuala Lumpur.

Mengenai cadangan untuk memperluaskan perlindungan PERKESO kepada *self-employed*, dengan izin, sebenarnya pihak PERKESO telah membuat banyak kajian tentang persoalan ini dan mendapati bahawa sungguhpun cadangan itu adalah bagus tetapi ada banyak masalah khususnya di negara-negara seperti Filipina yang telah melaksanakannya. Masalah pertama ialah tahap gaji mereka dan juga sistem untuk membuat caruman dan sebagainya. Namun demikian, saya akan terus meminta pihak PERKESO untuk mengkaji kemungkinan khususnya dari segi membina *self-employed* ini secara sukarela menjadikan ahli-ahli PERKESO.

Ahli Yang Berhormat bagi Bentong juga telah membangkitkan kenapa kita mesti menghadkan kepada gaji yang kurang daripada 1/3 apabila dia masih menerima pencen ilat. Ini adalah kerana apabila maksimum pencen ilat yang kita bayar merupakan 2/3 gajinya dan ditambah dengan 1/3 gaji itu, merupakan gaji sepenuhnya. Kita tidak mahu keadaan di mana ada orang-orang yang menerima pencen ilat yang boleh mendapat gaji yang lebih dari gaji asalnya. Itulah dari segi praktisnya.

Dari segi soalan kenapa seorang pekerja ada tempoh sebelum dia diberikan perlindungan. Saya ingin menjelaskan bahawa dari segi bayaran faedah untuk kemalangan, dari segi perubatan untuk kematian itu, setiap seorang pekerja mula

bekerja dia dianggap sebagai mempunyai hak untuk mendapat bayaran tersebut. Tetapi tempoh 24 bulan ini ialah untuk bayaran seumur hidup iaitu seperti pencen ilat seperti pencen penakat dan sebagainya. Itu memerlukan sedikit masa, kerana itu praktik kepada skim-skim yang lain juga.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah telah membangkitkan pentingnya kita ada pejabat-pejabat di luar bandar dan sebagainya. Itu saya menerima baik dan saya akan mengkaji bagaimana pihak PERKESO boleh memperluaskan *outreachnya*, dengan izin. Tentang Lembaga Pengarah dan juga tadi saya telah terangkan, saya mengambil baik cadangan bahawa kita mesti ada satu kumpulan Lembaga Pengarah yang mencerminkan kedudukan Ahli-ahli PERKESO ini. Dari segi bayaran dividen, ingin saya terangkan di sini PERKESO ini merupakan satu skim insurans, bukan skim simpanan (*savings*).

Jadi, skim insurans ini merupakan satu skim di mana kita menggunakan *poolkan* atau kumpulkan risiko, di mana mereka yang dari segi satu kumpulan kita bayar kepada mereka yang menghadapi kemalangan dan untuk mereka mendapat faedah dari segi selepas kena kemalangan, mereka akan dapat bantuan jauh melebihi dibandingkan dengan bayaran mereka. *Surplus* bayaran itu yang mereka terima adalah daripada daripada *pool* ini. Ini adalah konsep insurans. Jadi, kita mesti membezakan ia dari segi konsep *savings*. Jadi, dari segi dasar pihak PERKESO tidak boleh membayar dividen tetapi kita boleh ada skim-skim yang lain yang boleh memberi manfaat kepada ahli-ahli PERKESO, seperti Skim Pinjaman Pendidikan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong telah juga menyebut tentang kes Court Mammoth, saya ada data-data, oleh kerana itu merupakan satu kes secara spesifik. Saya akan menjawab melalui surat kepada Ahli Yang Berhormat.

Ir. Shaari bin Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanah Merah bangun.

Ir. Shaari bin Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Yang Berhormat Menteri lupa hendak menjawab soalan saya berkenaan cadangan PERKESO untuk membina hospital di setiap negeri dan saya mahu tahu kedudukan cadangan saya supaya menteri dapat mempertimbangkan supaya PERKESO dapat

membina hospitalnya sendiri di setiap negeri untuk memberi kemudahan kepada pencaerum dan juga rakyat. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Cadangan itu merupakan satu cadangan yang baik kerana selain dari pusat pemulihan, saya akan meminta pihak PERKESO mengkaji kemungkinan mewujudkan satu hospital spesifik, pengkhususan kepada pekerja-pekerja yang dengan izin, *disable*, supaya kita boleh menolong mereka dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong juga ada menyebut perkara-perkara tentang bagaimana kita boleh memperluaskan skim-skim dan bagaimana kita boleh memperbaiki cara bayaran dan sebagainya, semua itu tadi telah saya terangkan. Tentang cadangan untuk mengadakan satu tribunal, ingin saya menerangkan di sini dalam pertubuhan-pertubuhan PERKESO memang ada satu pertubuhan iaitu *Appellate Board* yang menjadikan sebagai tribunal di mana kes-kes yang dirujuk, yang pekerja tidak puas hati atau pihak PERKESO tidak berpuas hati tentang cadangan *Medical Board* itu atau *primary board* boleh dirujuk kepada *Appellate Board*.

Tentang dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong mengatakan ada kes-kes di mana seorang majikan lupa membayar dan selepas 15 tahun telah dikenakan denda dan sebagainya, itu semua saya akan kaji dan saya akan meminta keterangan dari pihak PERKESO. Kes-kes seperti itu kita jangan terlalu, kerana itu membayangkan status, rekod dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran telah menyebutkan satu perkara di mana seorang pekerja ada dua jawatan. Dalam perkara ini kedua-dua jawatan itu kita perlu juga bayaran SOCSO dan sekiranya ada kemalangan dan kemalangan itu terjadi di bawah syarikat 'A' maka syarikat 'A' tersebut yang akan membuat laporan dan kita akan terus membayar.

Ahli Yang Berhormat bagi Pendang telah menyebutkan perkara dari rekod-rekod dari Pejabat Daerah Alor Setar. Memang saya sedar tentang masalah itu dan saya sendiri telah mengarah pihak PERKESO, kita mestilah mengemaskinikan sistem komputer di pihak PERKESO supaya rekod-rekod lebih menyeluruh, lebih kemas kini dan juga menghantar *statement*, dengan izin kepada setiap Ahli PERKESO sekurang-kurangnya satu kali dalam masa enam bulan supaya status caruman itu diketahui oleh pihak ahli.

Ada kes-kes tertentu di mana tidak boleh selesai dalam tempoh dua tiga tahun. Memang saya sendiri merasa sedih ada kes seperti ini, kerana ini adalah berasaskan kepada rayuan yang dibuat para pekerja atau oleh pihak PERKESO. Dalam konteks ini saya telah meminta pihak PERKESO, memang ada kes-kes selepas ia dibuat oleh Appellate Board di mana pihak PERKESO rasa tidak puas hati dari segi point of law. Memang pihak PERKESO ingin membuat rayuan kepada mahkamah supaya point of law itu dapat *diclarified*, dengan izin. Sungguhpun saya tidak mahu hadkan pihak PERKESO untuk berbuat demikian tetapi saya telah minta pihak PERKESO kaji kemungkinan untuk mengadakan satu tabung khas di mana dalam tempoh rayuan tersebut...

Tuan Yang di-Pertua: Kuala Krai.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: ...tabung khas itu boleh memberi pertolongan kepada para pekerja khususnya dari segi *legal assistance*, dengan izin, supaya kedua-dua pihak boleh buat permohonan, boleh kemukakan alasannya di depan High Court itu dan satu keputusan yang lebih adil boleh dibuat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kami telah ditanya mengenai dengan kawasan pencen pekerja ini, minta Yang Berhormat Menteri dapat mencari satu pendekatan dan jalan penyelesaian yang komprehensif agar proses pembayar terhadap tuntutan pekerja sama ada Pencen Ilat ataupun Pencen Penakan yang tertanggung yang merasa yang begitu lama. Ini amat memelikkan manakala proses yang terpaksa dilalui pencarum adalah terlalu lama.

Ada yang terpaksa menunggu bertahun-tahun, dan yang terlalu menyedihkan kerana tidak ada penghujungnya. Maka di zaman ICT ini, saya bagi pihak rakyat PERKESO supaya mencari jalan penyelesaian itu secara *online* ataupun sistem komputer yang canggih tanpa mengambil masa yang panggil. Proses ini akan menjadi lebih pendek, cepat, mudah dan berkesan apabila sistem digital digunakan melalui satu implikasi yang cekap, sudah tentu proses pesanan terhadap laporan perubatan, proses tuntutan yang akan lebih teratur dan tidak lagi doktor panel yang dilantik PERKESO dan doktor luar akan menemui jalan sukar seperti sekarang. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya sedar tentang masalah tersebut dan arahan saya kepada pihak PERKESO ialah PERKESO mesti membayangkan dia sendiri sebagai satu pertubuhan yang

menggunakan cara-cara dari segi *humane* untuk menjaga keselamatan sosial para pekerja. Baru-baru ini saya telah minta pihak PERKESO untuk mengadakan satu skim yang boleh dikatakan tuntutan bayaran dalam tiga hari bekerja (*payment in three working days*). Semua tuntutan itu dan *payment* atau skim tersebut termasuk bayaran untuk kematian, bayaran untuk rawatan dan sebagainya.

Bagi kes-kes yang meliputi tafsiran dari segi hilang upaya kekal atau *permanent disablement*, saya telah mengarahkan PERKESO supaya menyelesaikan semua kes ini dalam enam bulan kerana itu memerlukan tafsiran dari pakar. Namun demikian, bayaran *temporary* itu akan dibuat. Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang telah menyebutkan tentang kes-kes yang saya telah jawab tetapi Ahli Yang Berhormat dari Bagan juga telah sebut soalan yang saya jawab tadi.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan mereka. Saya jamin bahawa pihak PERKESO akan terus mengambil kira semua pandangan dan kita akan terus mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan PERKESO. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya mengemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr.Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**].

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN BURUH SABAH
(PINDAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

11.57 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr.Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Tenaga Kerja Sabah yang dulunya dikenali sebagai Jabatan Buruh Sabah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1948, dan menguatkuasakan Ordinan Buruh Sabah, Bab 67 semenjak 1 Januari 1950. Ordinan Buruh Sabah, Bab 67 merupakan Perundangan Buruh utama yang mengawal tema-tema dan syarat-syarat pekerjaan para pekerja di Sabah. Ordinan ini bertujuan antaranya untuk memastikan agar perjanjian atau kontrak pekerjaan di antara majikan dan pekerja dilaksanakan selaras dengan keperluan-keperluan minimum Ordinan tersebut.

Di samping menggariskan tema-tema dan syarat-syarat minimum pekerjaan, ianya juga memperuntukkan beberapa faedah minimum bagi warga pekerja di negeri Sabah. Seajar dengan dasar kerajaan untuk mengadakan kawalan terhadap pengambilan dan pengajian pekerja asing di Sabah, beberapa keperluan selaras dengan peruntukan Ordinan ini dikuatkuasakan ke arah membantu kerajaan merealisasikan matlamat. Dalam *Annex (A)* senarai (1) 15 *Report Of The Inter-Governmental Committee* 1962 IGC, telah memperuntukkan bahawa perkara-perkara perburuhan atau *labour matters*, dengan izin, dan keselamatan sosial termasuk kesatuan ekerja, pengangguran dan lain-lain adalah di bawah senarai Persekutuan yang menetapkan bahawa bagi negeri Sabah perundangan berkaitan perburuhan dan perlindungan sosial sedia ada harus kekal berkuat kuasa untuk tempoh tujuh tahun atau tempoh yang lebih lama yang dipersetujui.

Dinyatakan juga supaya mesti ada penurunan kuasa membuat perundangan kecil untuk menangani keadaan-keadaan tertentu *peculiar conditions*, dengan izin, di negeri Sabah. Pada tahun 1965, melalui LN.199/1965 Ordinan Buruh Sabah, Bab 67

telah diisytiharkan sebagai sebuah Perundangan Persekutuan pada hari Malaysia. Pindaan terakhir yang dibuat terhadap Ordinan ini ialah pada tahun 1964.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah untuk pekerja adalah diperuntukkan di bawah Rang Undang-undang Buruh, yang bertujuan untuk menjaga dan memajukan kebajikan serta kepentingan ekonomi dan sosial warga pekerja di samping membangunkan satu angkatan tenaga kerja yang berdisiplin dan produktif yang dapat menyambung kepada pembangunan dan kemajuan negara keseluruhannya.

Untuk memenuhi hasrat kerajaan untuk meningkatkan perlindungan sosial ke atas warga pekerja sejajar dengan perkembangan sosioekonomi negara dan arus perubahan semasa untuk meningkatkan keberkesanan Jabatan Tenaga Kerja Sabah dalam meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja, Kementerian Sumber Manusia dan Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju supaya menyeragamkan Undang-undang Buruh di seluruh Malaysia dibuat secara meminta peruntukan-peruntukan tertentu di bawah Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*].

Pindaan tersebut adalah dengan cara memasukkan peruntukan-peruntukan tertentu tentang perlindungan dan kebajikan pekerja daripada Akta Kerja 1955 dan Akta Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda 1966. Usaha-usaha untuk menyelaraskan peruntukan-peruntukan Ordinan Buruh dengan peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 dan Akta Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 telah dimulakan sejak awal 1978 khususnya untuk menyeragamkan faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh para pekerja di negeri Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Persetujuan telah akhirnya dicapai untuk meminda Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*] bagi menyelaraskan peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah ordinan tersebut dengan peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 dan Akta Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip utama cadangan .pindaan kepada Ordinan Buruh Sabah adalah untuk:

- (i) memasukkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Kerja 1955, jika ianya tidak terdapat di dalam ordinan tersebut;
- (ii) mengekalkan peruntukan-peruntukan ordinan yang lebih baik;
- (iii) menambah baik peruntukan-peruntukan sedia ada; dan

- (iv) membatalkan beberapa peruntukan tertentu oleh kerana ianya diliputi di bawah peruntukan-peruntukan spesifik yang relevan.

Pada 15 September 2004, Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pindaan kepada Ordinan Buruh yang dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia. Pada amnya sebanyak 79 seksyen di bawah Ordinan Buruh Sabah [*Sabah Bab 67*] dicadang untuk dimansuhkan, 70 seksyen baru dicadang untuk diperkenalkan dan beberapa seksyen lain sedia ada dicadang untuk dibatalkan. Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk:

- (a) memperbaiki lagi faedah-faedah yang diperuntukkan kepada pekerja di Sabah;
- (b) memperkemas dan memperkukuh penguatkuasaan ordinan ini;
- (c) memperluaskan skop liputan pekerja di bawah ordinan untuk memberi perlindungan dan faedah kepada lebih ramai warga pekerja; dan
- (d) meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Tenaga Kerja Sabah dengan peningkatan dan mengemaskinikan prosedur-prosedur dalam mengendalikan pelbagai tuntutan pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa pindaan yang dicadangkan dan pewujudan peruntukan-peruntukan baru adalah untuk bagi memperbaiki lagi struktur faedah dan perlindungan kepada warga pekerja di negeri Sabah. Peruntukan-peruntukan utama baru yang diperkenalkan ialah merupakan peruntukan-peruntukan daripada Akta Kerja 1955 dan Akta Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 yang telah dicadangkan untuk dimasukkan ke dalam cadangan pindaan Ordinan Buruh Sabah bagi tujuan penyeragaman.

Bagi tujuan ini beberapa istilah utama baru serta tafsiran mengenainya telah diperkenalkan di bawah seksyen 2 ordinan selaras dengan Akta Kerja 1955 seperti tafsiran "*employer*", "*employee*", "*contract of service*", "*hourly rate of pay*", "*wages*" dan sebagainya.

Di samping itu peruntukan subseksyen baru iaitu seksyen 2(6) dan (7) juga di perkenalkan yang memberi kuasa Menteri untuk meminda Jadual Pertama ordinan serta menggariskan pemakaian peruntukan-peruntukan ordinan melalui perintah.

Seksyen baru 2A dan 2B diperkenalkan ke dalam ordinan untuk memberi kuasa Menteri melarang penggajian seseorang kecuali di bawah suatu kontrak perkhidmatan di samping mengecualikan atau mengeluarkan seorang itu daripada peruntukan-peruntukan ordinan.

Seksyen 3A yang baru diperkenalkan ke dalam ordinan untuk memberi kuasa seperti Pengarah mengeluarkan kad pengenalan rasmi kepada para pegawai dan diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa tertentu yang diperuntukkan kepada Pengarah selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Bab IIA yang baru diperkenalkan dalam ordinan untuk memberi kuasa kepada Pengarah menyiasat dan memutuskan aduan-aduan dan tuntutan-tuntutan pekerja berkaitan gaji dan lain-lain pembayaran tunai yang berhak diterima pekerja. Bab ini juga menggariskan prosedur-prosedur berkaitan pengendalian penyiasatan dan penguatkuasaan perintah yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah Bab ini.

Seksyen 10A yang baru diperkenalkan di dalam ordinan untuk menentukan cara-cara penamatan sesuatu kontrak perkhidmatan bagi tempoh yang spesifik atau bagi pelaksanaan sesuatu tugas yang spesifik selain daripada penamatan kontrak perkhidmatan secara umum mengikut peruntukan di bawah ordinan.

Seksyen 13A yang baru diperkenalkan di dalam ordinan untuk meliputi keadaan-keadaan bagaimana sesuatu kontrak perkhidmatan dianggap pecah (*deemed to have broken*), dengan izin, sama ada bagi pihak majikan atau pihak pekerja.

Seksyen 58A yang baru diperkenalkan dalam Ordinan yang memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan bagi menghendaki seseorang majikan menyediakan maklumat-makluman berkaitan dengan gaji dan untuk para pekerjanya.

Seksyen 59A yang baru juga diperkenalkan dalam Ordinan yang mewajibkan majikan memaklumkan jabatan mengenai perwujudan tempat penggajian atau apabila mereka mengambil alih sesuatu perniagaan atau bertukar lokasi atau nama perniagaan mereka. Maklumat sedemikian mesti diberikan dalam tempoh 90 hari daripada tarikh majikan memulakan operasi perniagaannya.

Seksyen-seksyen 73A, 73B, 73C dan 73D yang baru diperkenalkan dalam Ordinan untuk menyelaraskan dengan peruntukan-peruntukan di bawah seksyen-seksyen 4, 5, 6 dan 7 Akta Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966 berkaitan dengan bilangan hari dan masa bekerja yang dibenarkan serta penggajian di tempat hiburan awam bagi kanak-kanak dan orang muda.

Seksyen-seksyen 74A yang baru diperkenalkan dalam Ordinan memberi kuasa kepada Menteri melantik sebuah Lembaga untuk menjalankan siasatan tentang gaji kanak-kanak dan orang muda jika terdapat suatu representasi tentang kadar bayaran gaji yang tidak munasabah kepada kanak-kanak dan orang muda.

Seksyen 74B yang baru memperkenalkan satu peruntukan mengenai kompetensi kanak-kanak atau orang muda untuk memasuki sesuatu kontrak perkhidmatan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 8 dan 13 Akta Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966.

Seksyen 78A yang baru diperkenalkan dalam Ordinan untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat perintah melarang atau membenarkan penggajian pekerja-pekerja wanita dalam hal keadaan atau di bawah syarat-syarat tertentu seperti yang dinyatakan dalam Perintah.

Seksyen 91A yang baru diperkenalkan dalam Ordinan menjadikan satu kesalahan jika majikan menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja wanita yang tidak hadir bekerja dalam tempoh 90 hari setelah tamat tempoh kelayakan cuti bersalinnya kerana disahkan sakit dan tidak boleh bekerja oleh seseorang pengamal perubatan yang berdaftar.

Seksyen 94A yang baru diperkenalkan dalam Ordinan mewajibkan majikan menyimpan daftar bayaran elaun-elaun bersalin yang dibayar kepada pekerjanya.

Seksyen-seksyen 104B, 104E dan 104F adalah merupakan peruntukan-peruntukan baru yang diperkenalkan dalam Ordinan. Seksyen 104B memberikan peruntukan kelayakan cuti tahunan kepada pekerja di negeri Sabah sebanyak antara lapan hingga enam belas hari setahun mengikut tempoh perkhidmatan mereka.

Seksyen 104E memperuntukkan para pekerja kelayakan untuk menikmati faedah cuti sakit sebanyak antara 14 hingga 22 hari setahun termasuk 40 hari cuti sakit bergaji sekiranya seseorang pekerja itu diwadkan.

Seksyen 104F memberi kuasa Menteri membuat peraturan mengenai faedah-faedah pemberhentian dan persaraan pekerja selaras dengan peruntukan Akta Kerja 55.

Seksyen 107A yang baru diperkenalkan dalam ordinan untuk mendedahkan tempoh gaji dalam sesuatu kontrak perkhidmatan. Jika tempoh gaji tidak dinyatakan secara khusus dalam kontrak perkhidmatan, ia dianggap sebagai satu bulan.

Seksyen 107B yang baru diperkenalkan dalam ordinan menerangkan hak pekerja mendapatkan bayaran gaji bagi kehadirannya sebagai saksi majikan di mahkamah. Hak ini penting sekiranya pekerja tidak hadir bekerja kerana menjalani hukuman penjara atau hadir di mahkamah bukan atas urusan pihak majikan.

Seksyen 110A yang baru diperkenalkan dalam ordinan bagi membolehkan majikan membayar gaji pekerja melalui akaun bank ataupun cek dengan kebenaran bertulis pekerja selain dari pembayaran gaji secara tunai selaras dengan keperluan semasa.

Seksyen 116A, 116B dan 116C merupakan peruntukan-peruntukan baru yang diperkenalkan dalam ordinan.

Seksyen 116A memberi lebih keutamaan kepada pembayaran gaji pekerja sehingga empat bulan berbanding dengan *secured creditors* demi melindungi pekerja daripada dibebani masalah kewangan;

Seksyen 116B menghendaki pengarah supaya menjalankan siasatan ke atas rujukan mahkamah atau penerima, atau pengurus dalam sesuatu kes yang melibatkan *winding up* sesebuah syarikat untuk menentukan jumlah gaji yang berhak diminta oleh para pekerja.

Seksyen 116C memperuntukkan liabiliti pihak majikan utama atau kontraktor-kontraktor terhadap bayaran gaji pekerjanya.

Seksyen-seksyen 118A, 118B, C, D dan E adalah juga merupakan peruntukan-peruntukan baru yang diperkenalkan dalam ordinan.

Seksyen 118A memperuntukkan tanggungjawab majikan untuk memberi maklumat-maklumat dan penyata berkaitan pekerja bukan pemastautin yang digaji kepada pengarah.

Seksyen 118B memberi kuasa kepada pengarah menyiasat sebarang aduan mengenai diskriminasi dalam penggajian pekerja tempatan dan pekerja bukan pemastautin.

Seksyen 118C melarang majikan daripada menamatkan kontrak perkhidmatan pekerja tempatan untuk tujuan menggaji pekerja bukan pemastautin.

Seksyen 118D dan 118E memperuntukkan dalam situasi *redundancy contract* perkhidmatan pekerja asing mesti ditamatkan terlebih dahulu diikuti oleh pekerja bukan pemastautin. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tidak terpakai bagi pekerja bukan pemastautin yang merupakan penduduk tetap.

Cadangan pindaan juga memperkenalkan seksyen-seksyen baru 123A, B dan C dalam ordinan. Seksyen 123A mengehendaki kebenaran bertulis pendakwa raya sebelum sebarang tindakan pendakwaan dijalankan oleh pegawai di bawah ordinan.

Seksyen 123B memberi kuasa mahkamah untuk mengarahkan bayaran keseluruhan atau sebahagian daripada denda yang dikenakan kepada pihak pengadu.

Seksyen 123C memperuntukkan hukuman denda yang gagal dijelaskan sebagai lupus setelah hukuman denda diganti dengan hukuman penjara.

Seksyen 125A yang baru diperkenalkan dalam ordinan untuk memberi perlindungan kepada pengarah dan taraf pegawai yang telah dilantik dan diberi kuasa untuk melaksanakan tugas-tugas di bawah ordinan daripada tindakan undang-undang.

Seksyen 129A yang baru diperkenalkan dalam ordinan membolehkan mana-mana pegawai, pengganti pengarah atau pegawai lain untuk meneruskan sesuatu siasatan yang belum diselesaikan di bawah ordinan.

Bab XIVA dan XIVB merupakan bab-bab baru yang diperkenalkan dalam ordinan. Di bawah bab baru XIVA hukuman denda untuk kesalahan-kesalahan di bawah ordinan telah ditingkatkan daripada RM500 kepada RM10 ribu manakala hukuman penjara dikekalkan dan ditingkatkan dari tempoh antara enam bulan hingga ke dua tahun bagi kesalahan dalam penggajian kanak-kanak atau orang muda dan pemalsuan lesen menggaji pekerja bukan pemastautin.

Bab baru XIVB memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan di bawah ordinan selepas perundingan dengan pihak berkuasa negeri.

Seksyen 130N adalah peruntukan baru dalam ordinan yang memberi kuasa pengarah serta pegawai-pegawainya untuk mengenakan kompaun terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh majikan sebagai satu hukuman selain daripada pendakwaan di mahkamah. Peruntukan ini boleh mempercepatkan lagi proses mengenakan hukuman atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan.

Jadual Pertama diperkenalkan dalam ordinan untuk memberi tafsiran bagi istilah "*employee*". Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperkenalkan peruntukan-peruntukan baru, cadangan pindaan juga mengemukakan cadangan-cadangan untuk meminda atau menambah baik peruntukan-peruntukan buruh, Sabah, yang sedia ada. Antara pindaannya yang utama ialah seperti berikut;

Seksyen 2 mengenai takrif '*employee*' seperti dalam Jadual Pertama ordinan, memperluaskan lagi liputan ordinan untuk meliputi golongan pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM2,500 sebulan. Ini bermakna lebih ramai warga pekerja bukan manual akan menikmati perlindungan dan faedah yang lebih baik di bawah ordinan ini. Ordinan ini juga dipinda untuk menyatukan peruntukan mengenai *agreement* di bawah bab iv dan kontrak di Bab V yang memperkenalkan satu bab baru mengenai *contract of service* supaya selaras dengan peruntukan Akta Kerja 55.

Seksyen 58 Ordinan yang dipinda menjadikan mandatori bagi seseorang majikan menyimpan daftar semua pekerja di dalam pengajiannya untuk tempoh enam tahun dan boleh diperiksa oleh mana-mana pegawai di bawah ordinan pada bila-bila masa.

Seksyen 72, ordinan dipinda untuk membolehkan penggajian kanak-kanak atau orang muda di dalam sektor-sektor tertentu selaras dengan peruntukan seksyen 2 Akta Penggajian Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966.

Seksyen 75 Ordinan dipinda untuk menggariskan larangan kerja malam bagi pekerja wanita dan juga untuk memberi kuasa kepada pengarah memberi pengecualian daripada larangan berkenaan.

Seksyen 83 Ordinan dipinda untuk meningkatkan faedah bersalin bagi para pekerja wanita menikmati cuti bersalin yang lebih fleksibel iaitu 60 hari secara berterusan berbanding dengan peruntukan sedia ada yang menetapkan tempoh pengambilan cuti perlu diambil empat minggu sebelum bersalin dan empat minggu lagi selepas bersalin. Cadangan pindaan juga mengehadkan faedah bersalin kepada lima orang anak yang hidup sahaja selaras dengan peruntukan yang sedia ada Akta Kerja 55.

Seksyen 96 Ordinan dipinda untuk memastikan majikan menghantar balik pekerja ke negara atau negeri asal dan membiayai kos penghantaran balik sepenuhnya.

Seksyen 98 Ordinan dipinda untuk memastikan majikan menyediakan pengangkutan, penginapan yang sesuai untuk perjalanan malam dan juga bantuan perubatan bagi pekerjanya yang akan dihantar balik.

Seksyen 103 Ordinan dipinda untuk meningkatkan jumlah cuti bergaji yang berhak diterima oleh pekerja daripada 12 hari kepada 14 hari. Cadangan pindaan yang memperuntukkan empat hari cuti iaitu Hari Kebangsaan, Hari Keputeraan Yang

di-Pertuan Agong, Hari Jadi TYT Negeri Sabah dan Hari Pekerja sebagai hari cuti yang tidak boleh ditukar ganti.

Selain dari itu, pekerja-pekerja juga akan menikmati faedah cuti tambahan apabila kerajaan negeri mengisytiharkan cuti umum. Cadangan pindaan juga meningkatkan kadar pembayaran untuk kerja lebih masa pada hari cuti umum bergaji daripada dua kali ganda kadar gaji biasa dalam peruntukan sedia ada kepada tiga kali ganda kadar gaji biasa seseorang pekerja.

Seksyen baru 104A, B dan C, merupakan peruntukan sedia ada yang dipinda selaras dengan peruntukan Akta Kerja 55. Seksyen baru 104A, menjelaskan peruntukan bagi kerja *shift* yang selaras dengan peruntukan Seksyen 63 Akta 60(c) Akta Kerja 55. Peruntukan kadar bayaran gaji tidak ada untuk kerja pada hari rehat, dipinda selaras dengan peruntukan Akta Kerja 55, di mana untuk pekerja bergaji harian atau mengikut jam, jika pekerja bekerja tidak melebihi 4 jam, dia layak mendapat bayaran sehari gaji, jika pekerja bekerja melebihi 4 jam tetapi tidak melebihi 8 jam, dia layak mendapat bayaran dua hari gaji.

Bagi pekerja bulanan, jika pekerja bekerja tidak melebihi 4 jam, dia layak mendapat bayaran setengah hari gaji, jika pekerja itu bekerja melebihi 4 jam tetapi tidak melebihi 8 jam, dia layak mendapat sehari gaji. Peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Ordinan Buruh Sabah memberikan faedah pembayaran, dengan izin, *one and a half times*, satu setengah kali ganda kadar gaji biasa untuk kedua-dua kategori pekerja.

Cadangan pindaan juga memperuntukkan bayaran faedah bekerja lebih masa yang lebih baik daripada hari rehat dan cuti umum. Cadangan pindaan memperuntukkan dua kali ganda gaji dan kadar gaji biasa sejam bagi pembayaran kerja lebih masa pada hari rehat dan tiga kali ganda kadar gaji biasa sejam bagi pembayaran kerja lebih masa pada hari cuti umum. Peruntukan sedia ada Ordinan hanya memberikan *one and a half times* untuk hari rehat dan dua kali ganda untuk cuti umum.

Seksyen 113 Ordinan dipinda bagi memperluaskan jenis-jenis potongan gaji yang dibenarkan untuk meliputi pinjaman, untuk pembelian rumah, tanah, kereta, yuran kesatuan sekerja dan sebagainya.

Seksyen 118 Ordinan dipinda di mana kuasa pengarah dalam pengeluaran lesen mengkaji pekerja bukan permastautinan adalah tertakluk kepada perundangan Imigresen yang berkuat kuasa di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Ordinan Buruh Sabah ini juga melibatkan pembatalan beberapa peruntukan sedia ada, takrif *employee* dalam peruntukan sedia ada yang meliputi pihak kerajaan atau pihak berkuasa tempatan telah dibatalkan dengan mengeluarkan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan dari takrif *employee*.

Peruntukan mengenai urusan merekod pekerja dan keperluan lesen untuk merekod pekerja di bawah Bab 8 – Ordinan sedia ada dibatalkan kerana ia dirangkumi di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981. Selain daripada itu, cadangan pindaan juga membatalkan peruntukan sedia ada mengenai perumahan pekerja kerana peruntukan ini adalah akan diliputi di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 yang lebih komprehensif akan diperluaskan ke negeri Sabah dengan pindaan, bersesuaian dengan keperluan negeri berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan utama di bawah Ordinan Buruh Sabah [Bab 67]. Pindaan-pindaan lain yang saya tidak nyatakan adalah kebanyakannya merupakan pindaan yang berbangkit atau dengan izin, *consequential amendments*. Saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan, Jabatan Tenaga Pekerja Sabah akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan demi menjaga kebajikan dan kesejahteraan pekerja di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Ordinan Buruh Sabah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Berhormat bagi Kota Kinabalu.

12.25 tgh.

Datuk Dr. Yee Moh Chai [Kota Kinabalu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Persekutuan kerana pindaan Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah ini akhirnya dapat dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya juga ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Kementerian Sumber Manusia Kuala Lumpur, Jabatan Peguam Negara dan pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sabah atas usaha mereka untuk memuktamadkan pindaan ini. Kita semua sedar bahawa usaha membuat pindaan ini bermula pada tahun 1979 lagi. Dalam masa 25 tahun sehingga kini, hal-hal kepentingan dan kebajikan pekerja-pekerja di Sabah tidak diselarikan dengan apa yang diberi kepada pekerja-pekerja di Semenanjung Malaysia.

Dalam masa yang sama

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Saya tidak beri, Tuan Yang di-Pertua. Dalam masa yang sama Kerajaan Negeri Sabah setiap kali menerima rayuan dan peringatan dari kesatuan-kesatuan pekerja, khususnya dari Sabah agar kerajaan melaksanakan pindaan Ordinan Buruh ini dengan segera. Tiap kali mereka membuat rayuan atau representasi kepada kerajaan, jawapan kerajaan adalah standard, kerja meminda rang undang-undang tersebut sedang dibuat. Kehampaan dan kekecewaan pekerja-pekerja Sabah meningkat lagi apabila Kementerian Sumber Manusia Kuala Lumpur dilaporkan dalam surat khabar tempatan menyatakan bahawa pindaan Ordinan Buruh ini akan dibentangkan dalam Parlimen sedikit masa lagi, tetapi tidak jadi juga. Saya bersyukur kerana pada hari ini kita sedang membahaskan pindaan ini dalam Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, jika dikaji dengan teliti apa yang berlaku dalam tempoh 25 tahun ini, iaitu diperhatikan bahawa masalah kelewatan ini adalah kerana kerja-kerja berkaitan dengan pindaan ini tidak dilakukan dengan berterusan. Juga terdapat keputusan kerajaan mengenai cara bagaimana hak-hak pekerja sebagaimana yang terkandung dalam Akta Kerja 1955 boleh dinikmati oleh pekerja-pekerja di Sabah itu berubah-ubah.

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Datuk Dr. Yee Moh Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan. *[Ketawa]* Pada awalnya keputusan adalah bagi Akta Kerja 1955 ini dipanjangkan

sahaja kepada Sabah. Tujuh tahun kemudian iaitu pada tahun 1987, keputusan sebaliknya telah diambil untuk terus menggunakan Ordinan Buruh Sabah dengan pindaan-pindaan tertentu agar selari dengan akta tersebut di atas.

Pada tahun 1992, Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang baru membuat kenyataan bahawa beliau lebih menyukai Akta Kerja 1955 itu dipanjangkan sahaja kepada Sabah, dan seterusnya mengarahkan kertas kabinet disediakan dengan tujuan meminta Ahli Jemaah Menteri Persekutuan untuk mempertimbangkan semula keputusan yang terdahulu. Namun keputusan terdahulu dikekalkan.

Pada tahun berikutan iaitu tahun 1993, Sabah telah siap membuat draf pindaan kepada Ordinan tersebut dan dikemukakan kepada Kementerian Sumber Manusia pada tahun yang sama. Kemudian, nampaknya perkara ini diketepikan sehingga tahun 1998. Pada tahun itu Kementerian Sumber Manusia meminta kerajaan Sabah untuk membuat beberapa lagi pindaan tambahan dalam draf pindaan tersebut. Ini telah dibuat dengan cepat dan pada tahun 2000, Kerajaan Sabah telah menerima draf pindaan pertama dari Kementerian Sumber Manusia untuk disemak sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses penyemakan draf pindaan tersebut, Kerajaan Sabah berpendapat ada beberapa perkara dalam draf itu yang harus dibincangkan semula dengan Kerajaan Persekutuan termasuk beberapa perkara yang ada kaitan dengan kepentingan Kerajaan Negeri Sabah. Perkara itu adalah:

- (i) definisi "employee" dan penggajian pekerja yang berstatus non-resident di Sabah;
- (ii) kuasa Menteri untuk membuat undang-undang subsidiari;
- (iii) isu sama ada pekerja-pekerja dalam badan berkanun dan kerajaan tempatan harus diliputi oleh pindaan Ordinan Buruh Sabah ini;
- (iv) implikasi kos atas pelaksanaan pindaan ini kepada majikan di Sabah dan
- (v) pelantikan Pengarah Jabatan Ternakan Kerja Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sebab-sebab kenapa pindaan Ordinan ini memakan masa begitu lama seperti yang saya katakan tadi, saya juga berpendapat bahawa kelewatan ini adalah kerana pertukaran pegawai yang sering berlaku dalam sektor awam. Apabila pegawai baru dilantik untuk menangani perkara ini, ia memerlukan masa untuk memahami latar kedudukan dan isu-isu bersabit dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan definisi “*employee*”, saya berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memersetujui dengan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah untuk memasukkan dalam pindaan Ordinan ini, pekerja-pekerja bukan manual yang bertanggung gaji tidak melebihi RM2,500. Kerajaan Negeri Sabah berpendapat tangga gaji ini harus dinaikkan daripada apa yang terdapat di Akta Kerja 1955 oleh kerana pada masa sekarang ini, ada banyak pekerja yang bukan dalam golongan pengurusan menerima gaji yang tinggi akibat daripada penggunaan alat-alat berteknologi moden.

Ini juga adalah menjangkakan pelaksanaan sistem *productivity linkages*, dengan izin, di Malaysia pada masa yang akan datang di mana dengan menggunakan teknologi pengeluaran yang moden dan terbaru, kebanyakan pekerja-pekerja biasa akan dapat menerima gaji yang tinggi.

Dalam perkara penggajian, perkara yang berstatus *non-resident*, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melindungi hak-hak Sabah atas perkara imigresen. Dengan demikian, penggajian pekerja-pekerja *non-resident* ini akan dikaitkan dengan provisi yang terdapat dalam Akta Imigresen Sabah di mana persetujuan Kerajaan Negeri Sabah perlu diperolehi sebelum permit kerja diberi kepada pekerja *non-resident*.

Saya difahamkan bahawa, walaupun Pengarah Jabatan Tenaga Rakyat Sabah diberi kuasa untuk mengeluarkan lesen kepada majikan untuk menggaji pekerja *non-resident*, namun ia tertakluk kepada pengeluaran permit kerja oleh Jabatan Imigresen Sabah. Saya berpendapat keperluan permit kerja dari Jabatan Imigresen ini adalah cukup memadai bagi menjaga kepentingan dan hak kerajaan negeri atas kemasukan pekerja-pekerja *non-resident* di Sabah.

Kerajaan Pusat juga bersetuju untuk pekerja-pekerja di badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan tidak diliputi dalam pindaan Ordinan tersebut. Ini memandangkan bahawa agensi Kerajaan Sabah seperti ini mempunyai enakmen-enakmen tertentu yang antara lain menggariskan terma-terma dan syarat-syarat penggajian yang diluluskan oleh kerajaan negeri.

Mengenai dengan implikasi kos kepada majikan di Sabah atas pelaksanaan pindaan ini, saya difahamkan bahawa Kerajaan Pusat sememangnya mengambil perhatian atas kesulitan yang akan dihadapi oleh mereka dan dengan demikian,

adalah diharapkan notis pemberitahuan awal dapat dikeluarkan sebelum pindaan ini dilaksanakan di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang memerlukan beberapa kali perundingan antara Kerajaan Persekutuan dan negeri adalah mengenai dengan kuasa Menteri untuk membuat undang-undang subsidiari. Kerajaan Negeri Sabah telah meminta persetujuan darinya perlu diperolehi sebelum undang-undang subsidiari itu dibuat. Syarat ini juga perlu diturunkan dan dijadikan sebagai salah satu provisi dalam pindaan ordinan tersebut. Kerajaan Persekutuan tidak bersetuju dengan permintaan ini kerana ia merupakan sesuatu *interference* kepada hak Kerajaan Pusat untuk membuat sesuatu undang-undang atas perkara yang di bawah portfolionya.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mengadakan perundingan dengan Kerajaan Negeri Sabah apabila undang-undang subsidiari itu dibuat. Kerajaan Persekutuan juga bersetuju untuk memasukkan syarat ini dalam pindaan ordinan. Setelah diberi penjelasan dan dengan mengambil kira betapa pentingnya wajar pindaan ini diutamakan untuk kepentingan pekerja-pekerja di Sabah, kerajaan negeri akhirnya bersetuju dengan cadangan Kerajaan Persekutuan ini.

Isu kedua adalah mengenai dengan pelantikan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah. Pada awalnya, kerajaan negeri telah meminta agar persetujuan darinya diperolehi sebelum pelantikan itu dibuat jika syarat ini juga perlu dimasukkan dalam pindaan ordinan ini. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk mendapatkan persetujuan dari kerajaan negeri sebelum pelantikan Pengarah itu dibuat. Akan tetapi, ia langsung tidak bersetuju untuk menurunkan syarat ini dalam pindaan Ordinan tersebut dengan alasan bahawa peruntukan seperti itu bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *it will create a dangerous precedent*.

Sebaliknya, Kerajaan Persekutuan mencadangkan agar persetujuan kerajaan negeri ini akan diperolehi secara pentadbiran. Janji ini terkandung dalam surat Bil. KSM/TP(R)8/93/3 pada tarikh 12 Mac 2004 yang ditandatangani oleh Y.Bhg. Datuk Dr. Mohamad Yahya Nordin selaku Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Surat tersebut berjanji seperti berikut: "Kementerian Sumber Manusia selaku Kerajaan Persekutuan di dalam perkara di atas, dengan ini memberikan *undertaking* kepada Kerajaan Negeri Sabah bahawa pelantikan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah akan dilakukan secara persetujuan dengan Kerajaan Negeri Sabah".

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju menerima undertaking ini demi kepentingan untuk menyelesaikan pindaan Ordinan ini dengan secepat mungkin, juga ia merasai kepentingannya atas perkara ini dilindungi dengan adanya surat rasmi dari Ketua Setiausaha Sumber Manusia itu. Saya sebagai Ahli Parlimen dari Sabah berbangga hati dan ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Kerajaan Persekutuan atas *undertaking* ini yang pada saya merupakan janji penegasan yang kukuh, walaupun ia tidak dimasukkan dalam pindaan Ordinan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *I would like to say thank you to the Federal Government for meeting Sabah's requests.*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam Akta Ordinan Buruh Sabah ini adalah bagi kebaikan untuk semua pekerja manual dan bukan manual di Sabah yang bergaji tidak melebihi RM2,500 sebulan. Ketara nampak bahawa pindaan Ordinan Sabah ini akan memberi faedah berkaitan dengan perumahan, perlindungan pekerja, cuti tahunan, cuti sakit, penamatan, pemberhentian dan persaraan serta elaun bersalin antara lain yang lebih lumayan lagi berbanding dengan apa yang tergantung dalam Ordinan Sabah yang ada sekarang. Dengan pelaksanaan pindaan Ordinan ini, sebilangan besar pekerja-pekerja di Sabah akan menikmati kehidupan yang lebih selesa lagi.

Dengan demikian, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sabah [Bab 67]. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Beluran.

12.41 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dengar teks ucapan sahabat saya dari Kota Kinabalu, seolah-olah beliau mewakili Kerajaan Negeri Sabah dan secara kebetulan, beliau merupakan Menteri dalam Kabinet Sabah. Jadi, saya tidak tahu sama ada bahasan saya dan bahasan Yang Berhormat bagi Tuaran nanti ini akan diambil kira oleh Menteri kerana beliau berucap sebagai wakil Kabinet Negeri Sabah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang meminda Ordinan Buruh Sabah ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana melihat soal buruh dan pekerja yang bergaji di bawah RM2,500

sebulan ini di Sabah sebagai satu perkara yang diambil kira secara nasional. Kita banyak bercakap tentang ketidakadilan kerja sektor ladang di negeri Sabah yang disebabkan tidak adanya akta yang dipanjangkan terus ke negeri Sabah selain daripada Akta Ordinan Buruh Sabah [Bab 67] dan pindaan hari ini merupakan pindaan yang melihat kepada perkara ini.

Saya ucapkan syabas kerana soal-soal cuti bersalin, elaun bersalin, penggajian kanak-kanak, larangan penggajian wanita, bantuan perubatan, peningkatan penalti dan sebagainya telah menjadi perkara utama yang dilihat oleh kementerian dalam aspek buruh di negeri Sabah. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara besar yang saya lihat dalam akta kali ini, akta yang dibahaskan ini, adalah seksyen terhadap peruntukan pelantikan Pengarah Buruh Negeri. Jika Ordinan yang lalu itu, ini merupakan kuasa mutlak Kerajaan Negeri Sabah iaitu kerajaan negeri ataupun badan negeri dan kuasa tempatan negeri harus dipersetujukan untuk melantik Pengarah Jabatan Tenaga Kerja Sabah.

Ini merupakan *the existing provision*. Tetapi, kita lihat di dalam akta baru ini, seksyen ini dikeluarkan dan seperti yang dikatakan oleh wakil daripada Kota Kinabalu, kerajaan negeri diberi undertaking melalui surat yang telah dibaca dengan *reference* dan tarikhnya dan penulisnya, bahawa kerajaan negeri diberi jaminan, agreement, persetujuan akan di*obtain*. Itu merupakan *agreement*. Kalau kita lihat, perkara ini berbeza antara *undertaking to agree on the appointment of Pengarah Tenaga Kerja Buruh Sabah* dengan satu seksyen yang menghendaki persetujuan daripada kerajaan negeri dan kuasa tempatan di Sabah, merupakan dua perkara yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa perkara penting ini berkaitan dengan Akta Imigresen Sabah dan berkaitan dengan keistimewaan negeri Sabah ketika membentuk Malaysia melalui perjanjian perkara-perkara dipersetujui dalam 20 Perkara, kerana apa juga kita bincangkan tentang Akta Buruh, jika ianya terlibat dengan Akta Imigresen Sabah, ianya menjadi penting, menjadi perlu untuk negeri Sabah. Ramai di kalangan kawan-kawan kita di sini yang mempertikaikan mengapa kita sebagai rakyat Malaysia dari Semenanjung pergi ke negeri Sabah harus menggunakan kad pengenalan ataupun menggunakan pasport untuk datang masuk ke Sabah. Tetapi, jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan itu adalah disebabkan oleh hak-hak Sabah yang termaktub dalam 20 Perkara ketika membentuk Malaysia.

Hak itu masih ada sampai sekarang dan jika kita katakan bahawa itu tidak harus ada tetapi jika kita masih ada hak itu, itu harus dilihat sebagai satu perkara yang harus dibaca bersama.

Saya melihat dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa Bahasa Melayu merupakan bahasa utama tetapi - agama Islam merupakan agama utama tetapi agama-agama lain juga diberikan kebebasan untuk dipraktikkan. Jadi, itu merupakan hak kita dan kerana itu saya katakan bahawa selagi ada Akta Imigresen Sabah ini, perkara itu harus dilihat sebagai perkara yang unik (*peculiar*) yang tertentu untuk negeri Sabah yang harus dilihat oleh Akta Buruh yang kita bincangkan ini. Ianya melibatkan pengambilan masuk pekerja *non-residential* daripada luar, daripada Sarawak dan Semenanjung. Sudahlah Sabah dipenuhi dengan pelarian tanpa izin Filipina dan Indonesia tetapi kita mempunyai hak yang dapat dilihat, yang dapat dipertahankan melalui satu perjanjian dua puluh perkara yang kita meterai sejak sekian lama yang lalu. Kerana itu saya melihat pelantikan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja ini penting. Bukan sahaja penting adanya *undertaking* itu tetapi penting untuk melihat dan dibaca bersama dengan Akta Imigresen.

Sudah ramai pengarah-pengarah daripada Semenanjung ini yang berada di Sabah. Saya bagi contoh, Tuan Yang di-Pertua. *Undertaking* ini harus efektif sekarang ini, efektif lima tahun akan datang dan efektif sepanjang masa. Ianya bukan satu *undertaking for this present need, for this present prime internship* tetapi sepanjang masa.

Di Sabah kita sudah mempunyai empat hingga lima orang pengarah. Saya berikan contoh supaya Tuan Yang di-Pertua faham apa yang hendak saya sampaikan. Di Sabah, kita sudah mempunyai empat lima orang Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Tiga, empat orang yang lalu tidak ada masalah kerana dia faham kehendak pembangunan kecil-kecil untuk daerah Sabah. Tetapi *the present* Pengarah? Kita ada projek jalan kampung di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang sekarang diketuai oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Luar Persekutuan Sabah.

Kawasan saya ini, Beluran, luasnya sebesar negeri Selangor. Selangor ada enam belas Wakil Rakyat. Enam belas orang Ahli Parlimen? [*Bertanya kepada Ahli Parlimen yang lain*] Beluran sebesar negeri Selangor lebih kurang 17 kilometer persegi luasnya. Dua tahun yang lalu ada program Kementerian Pembangunan Luar

Bandar ini. projek jalan kampung diagih-agihkan kepada semua Kawasan Parlimen, tetapi sejak dua tahun yang lalu, pengarah yang sekarang ini tidak nampak keperluan Beluran. Dua tahun, Tuan Yang di-Pertua, projek jalan kampung di kawasan saya hanya RM135,000 bagi menaiktarafkan tiga batang jalan kampung.

Itu yang saya katakan tidak dapat melihat keperluan Sabah itu. Walaupun ada tiga pengarah yang okay, tetapi datang pengarah yang ini lupa! Tidak nampak! Beluran seluas negeri Selangor, tetapi beliau tidak nampak keperluan Sabah dalam konteks Sabah ketika berkhidmat di Sabah! Itu penting sebab itu saya katakan Pengarah Jabatan Tenaga Pekerja ini penting dilihat dalam konteks yang sekarang ini, dan dilihat dalam Akta Imigresen Sabah.

RM135,000? Dua tahun bagi projek jalan kampung? Peruntukan untuk tahun ini sahaja untuk PJK di bawah kelolaan pengarah ini, yang dipegang oleh pengarah itu sebanyak RM100 juta lebih *plus* sen, sen, sennya! RM100 juta! Tuan Yang di-Pertua, tidak patut bukan? Tidak patut! Sebab itu saya katakan bahawa, *it's unique, peculiar*. Sabah ini unik! Nanti esok Ahli Yang Berhormat bagi Mambong menceritakan tentang Ordinan Buruh Sarawak. *We will see*, kita akan melihat. *[Disampuk]* Hari Isnin. Unik, sebab itu kita unik. Kita menjadi sebahagian daripada negeri yang membentuk Malaysia. Mungkin kalau Sabah tidak masuk dan Sarawak tidak masuk Malaysia, mungkin namanya bukan Malaysia, mungkin Malaya, mungkin Malaysia Raya dan sebagainya.

Jadi, pentinglah Pengarah Jabatan Tenaga Pekerja Sabah ini melihat buruh, pengambilan pekerja *non-residential* ini dibaca bersama dengan Akta Imigresen Sabah. Saya mahu bukan sahaja *undertaking*, itu merupakan perkara penting sebab itu dua puluh lima tahun Ordinan Buruh Sabah tidak dapat dibaca di Dewan ini kerana masalah-masalah ini. *We want an undertaking*, tetapi bukan sahaja *undertaking* tetapi *undertaking* yang hari ini, yang efektif untuk lima tahun akan datang, efektif selepas Perdana Menteri yang lain dan efektif sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan hak yang ada bagi negeri Sabah. Imigresen hak kita! Saya mungkin tidak bersetuju secara peribadi imigresen ini. Orang Semenanjung datang mungkin saya tidak bersetuju tetapi hak itu masih ada, *so you have to read together with them*, dengan izin. Selagi masih ada selagi itulah kita mesti *respect* yang ada.

So, director ini, saya melihat bahawa ada *provision* bahawa pengambilan pekerja buruh ini tidak lagi di bawah ordinan ini tetapi di bawah Akta Agensi Pekerja Swasta, ia bukan lagi di bawah ordinan. Kerana itu saya memastikan bahawa hanya pekerja-pekerja yang *bona fide* sahaja, pekerja yang *non-residential* yang betul-betul bekerja diambil, dimasukkan ke negeri Sabah untuk bekerja sebagai pekerja di negeri Sabah.

Kita mempunyai masalah yang besar, sebab itu saya katakan bahawa akta ini tepat masanya. Saya lihat ia baik tetapi *undertaking* itu mesti efektif dan segala perkara-perkara yang ada kaitannya dengan Sabah harus dijamin. Akta ini saya sokong kerana saya melihat bahawa pekerja buruh dan pekerja *manual* di Sabah yang bergaji sebanyak RM250 ke bawah di bawah sektor swasta ini perlu dilihat, diteropong dan di mikroskop oleh kementerian secara dekat. Lebih-lebih lagi dalam aspek pengajian mereka.

Baru minggu lalu saya bercakap tentang sektor perladangan yang tidak menyumbang langsung ke arah pembasmian kemiskinan di Sabah kerana soal gaji yang rendah. Tidak ada orang tempatan yang mahu kerja RM7.00, RM8.00 atau RM9.00 sehari di sektor perladangan. Alasan gaji ini yang begitu rendah ditawarkan (*offered*) oleh majikan-majikan ladang atau pengusaha-pengusaha ladang menyebabkan pengambilan pekerja asing datang ke negeri Sabah Mereka datang secara sah kemudian tinggal secara *illegal* sebab mendapat pengampunan daripada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. *After three years, they know*, dia orang tahu pengampunan akan dijalankan sebab itu datang secara *legal, stay there for three years* secara *illegal* di Sabah, kerana tiga tahun yang akan datang dia tahu akan ada program pengampunan. *Amnesty! So*, balik semasa program *amnesty*.

Kementerian Buruh, Kementerian Sumber Manusia ini harus melihat ini dan *extend Minimum Wage Council* ini ke Sabah dan saya ingin melihat dengan adanya akta ini kelak penggajian di sektor perladangan di Sabah akan meningkat. Biar paksa majikan-majikan atau pengusaha-pengusaha ladang ini, 1.4 juta hektar tanah sekarang dibuka di Sabah ini dengan kelapa sawit.

Just imagine, bayangkan peluang pekerjaan yang dapat di *create* daripada pengusaha, ini tetapi yang realitinya ianya tidak dapat menarik pekerja-pekerja tempatan disebabkan oleh gaji yang minimum, gaji yang kecil, dan tidak ada perundangan dan peraturan yang dapat memaksa majikan ini untuk memberi gaji yang

lebih besar kepada sektor ini. Dan saya berharap apa yang kita bahas ini akan dapat *address* isu ini secara lebih teliti dan saya yakin kemampuan menteri dan *undertaking* daripada Pengarah Jabatan Tenaga Pekerja bahawa perkara ini akan dilihat.

Tuan Yang di-Pertua, sektor ekonomi Sabah harus dibangunkan melalui pelancongan, perindustrian dan pertanian. Ini merupakan hala tuju negeri dan pertanian merupakan sektor yang penting antara yang dua ini. Ianya berkaitan dengan tenaga kerja. Oleh kerana itu soal kebajikan tenaga kerja yang di bawah, rendah dan manual ini yang dikendalikan oleh pihak swasta ini harus menjadi isu yang besar yang dikendalikan melalui akta yang kita pinda ini. Saya yakin, Sabah akan tunggu seperti Selangor. Saya tidak akan bising nanti apabila RM135,000 dibagi dalam masa dua tahun bagi projek jalan kampung kerana ketika itu Beluran *itself* tidak perlu lagi jalan kampung. *Probably* semua jalan sudah di tar.

Jika perkara-perkara ini dapat kita ambil secara baik, ekonomi Sabah dapat ditumbuhkan, soal penglibatan masyarakat kampung, masyarakat tempatan, pekerja tempatan dapat dipertingkatkan, maka ekonomi semua peringkat lapisan masyarakat di Sabah dapat diperingkatkan dan kita akan melihat bahawa kita akan sama-sama berbincang tentang isu yang lain tidak seperti sekarang ini membincang tentang isu RM9.00 gaji hari, membincangkan tentang isu-isu yang remeh yang sebahagian besar daripada Ahli Parlimen bandar tidak faham tentang perjuangan antara wakil-wakil rakyat Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya benar-benar mengharapkan bahawa pelantikan Pengarah Jabatan Tenaga Pekerja ini yang tidak perlu lagi dirunding secara *provision in the law* dengan kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan negeri dan hanya dirunding melalui *undertaking* daripada kementerian akan menentukan bahawa semua hak-hak Sabah yang terkandung dalam dua puluh perkara itu tidak diabaikan, malah akan diperketatkan dan diperkuatkan *until such time we don't have that act, we don't have that hak*.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini mohon menyokong.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Sepanggar.

12.58 tgh.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan masa ini untuk membahaskan mengenai pindaan Akta Buruh ini bagi Sabah. Sebelum itu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada kementerian oleh kerana dapat menyarankan pindaan ini yang begitu lama, yang ditunggu-tunggu seumur dengan saya. Ordinan Buruh Sabah ini telah digubal pada tahun 1950, maka itu seumur dengan saya. Di sini saya ingin betul mengucapkan tahniah kepada kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu pada ketika Malaysia dibentuk, maka Sabah dan Sarawak bersama-sama untuk menyertai satu gagasan negara Malaysia yang tercinta ini. Maka dengan adanya ordinan ataupun akta ini tentu sekali ini akan memberi banyak faedah kepada pekerja-pekerja kita khususnya di Sabah. Dengan adanya faedah-faedah (*benefits*) ini tentu sekali majikan-majikan ini tidak lagi sewenang-wenang yang akan mendedahkan bahawa mereka ini adalah bos, merekalah yang lebih pandai ataupun lebih berpengalaman untuk mendapatkan pekerja-pekerja terutama sekali daripada *non-resident* atau pekerja asing ini di mana di dalam pemikiran mereka, mereka adalah majikan yang unggul, mereka boleh *hire* dan *fire*. Itulah yang sentiasa di dalam pemikiran majikan-majikan pada masa dahulu. Mereka boleh *hire* dan *fire* sewenang-wenang sahaja. Maka saya rasa dengan adanya pindaan ini *hire* dan *fire* itu tidak lagi di dalam pemikiran majikan ini oleh kerana kita sudah menentukan faedah-faedah bagi pekerja-pekerja ini tentu sekali *benefit*, dengan izin, akan disalurkan kepada pekerja-pekerja buruh kita ini. Kita mengambil ini sebagai satu inisiatif di mana anak-anak watan kita di negeri Sabah juga tidak diketepikan dengan pekerjaan-pekerjaan kita di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. Perbahasan akan disambung apabila majlis bersidang semula pada 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis sekarang ditangguhkan dan akan bersidang semula pada 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula. Saya minta Yang Berhormat bagi Sepanggar untuk menyambung ucapannya.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan saya mengenai di mana kita tahu bahawa sifat angkuh majikan pada ketika ini di mana tabiat mereka dengan menggunakan perkataan dengan izin, *hire and fire*. Ini mengakibatkan pekerja-pekerja tempatan sukar bekerja dengan majikan-majikan seperti ini disebabkan kebajikan mereka tidak terjamin. Tetapi dengan adanya akta baru ini maka saya percaya ini akan memberi satu jaminan kepada pekerja-pekerja khasnya kepada pekerja-pekerja tempatan.

Satu lagi ialah mengenai anggapan majikan menggunakan pekerja yang bergaji hari ini sebagai hamba mereka. Mereka memberi gaji yang begitu rendah sekali. Ini juga telah mengakibatkan ramai anak-anak kita khasnya anak-anak tempatan sukar sekali bekerja kerana tidak dapat menerima gaji yang begitu rendah sekali. Maka ini dengan tidak gemar dengan pekerja ini disebabkan gaji yang begitu rendah maka mengakibatkan ramai orang asing yang datang sama ada secara halal atau secara tidak halal disebabkan gaji mereka di sini tidak menentu. Jadi sebab itulah ini telah memberi satu impak di mana rakyat asing khasnya daripada Indonesia dan Filipina datang berduyun-duyun bekerja dalam industri perladangan, pertanian dan juga pembinaan bangunan.

Maka sebab inilah kita agak sukar bagi kerajaan tempatan untuk mengehendkan mereka disebabkan kita tidak mempunyai peraturan dan undang-undang yang boleh mengehendkan majikan-majikan ini untuk *employ*, dengan izin orang asing. Tentu sekali dengan adanya ordinan ataupun akta yang baru ini telah dipinda tentu sekali ini akan menggalakkan lagi anak-anak tempatan ini berkecimpung dalam pekerjaan dalam sektor perladangan dan perindustrian.

Satu perkara lagi ingin saya utarakan di sini ialah mengenai Fasal 26 - Kontrak Perkhidmatan Secara Bertulis. Ini saya rasa sangat baik sekali di mana setiap

pekerjaan yang memakan masa sebulan akan digunakan sebagai satu kontrak berkhidmat secara bertulis, maka dengan adanya kontrak secara bertulis ini saya rasa tidak lagi sewenang-wenang majikan boleh melepaskan kewajipan mereka untuk kebaikan dan faedah bagi pekerja-pekerja.

Satu perkara yang saya ingin bertanya kepada kementerian ialah dalam Fasal 36, di mana selepas enam tahun saya difahamkan bahawa semua dokumen mengenai pekerja itu akan disimpan selama enam tadi. Selepas enam tahun kemungkinan dokumen-dokumen ini tidak lagi akan diperolehi. Ini satu perkara yang saya ingin minta penjelasan disebabkan kalau pekerja-pekerja daripada luar, pekerja-pekerja asing khususnya daripada Indonesia mereka menggunakan nama yang berlainan. Setiap tahun mereka gunakan pasport dengan menggunakan nama yang berlainan. Jadi ini akan mengakibatkan sekiranya selepas enam tahun, sekiranya pekerja ini menghadapi penyakit maka sukar bagi kita untuk mencari ataupun mengesan pekerja itu sekiranya dokumen-dokumen itu dihapuskan selepas enam tahun.

Satu perkara lagi yang ingin saya mengutarakan ialah mengenai Fasal 44, Ordinan 72. Saya berharap ini tidak disalahgunakan di mana seolah-olah ini menggalakkan anak-anak kita bekerja dengan bergaji. Saya harap ini tidak disalahgunakan di mana sekiranya ini dibuat satu promosi seolah-olah kita pula memberi satu penggalakan bagi anak-anak kita bekerja maka terbantut persekolahan anak-anak kita ini. Itu sebab saya mohon supaya fasal ini diambil satu penelitian yang mendalam agar ini tidak membantutkan persekolahan anak-anak remaja. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kudat.

2.40 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin memohon keizinan untuk membahaskan Akta Rang Undang-undang Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta Buruh ini adalah merupakan suatu pindaan yang diharapkan akan memberikan faedah yang besar khususnya kepada negeri Sabah kerana kalau kita melihat bahawa Akta Buruh ini tidak pernah dipinda selama

54 tahun dan pindaan ini sudah tentu adalah merupakan suatu *turning point* yang begitu baik khususnya di dalam pembentukan Persekutuan Malaysia.

Kita telah mendengar apa yang telah dikatakan oleh Menteri Sumber Manusia Sabah sebentar tadi bahawa kelewatan untuk meminda Akta Ordinan Buruh ini adalah disebabkan oleh beberapa masalah teknikal tetapi saya percaya perkembangan dan penyatuan Malaysia selama 40 tahun telah mencapai kepada suatu tahap kematangan di mana keperluan untuk meminda undang-undang yang boleh diselaraskan dengan negeri Sabah perlulah dibuat sesuai dengan perkembangan semasa.

Dengan pengemaskinian pindaan ini saya harap ia akan merupakan suatu kemajuan di dalam usaha kita untuk mengintegrasikan bukan sahaja penduduk tetapi juga di dalam aspek pelaksanaan undang-undang di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam akta ini saya telah membuat suatu penelitian bahawa terdapat perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan iaitu yang pertama nama akta ini sendiri dikenali sebagai Akta Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004. Saya ingin mempersoalkan kepada Yang Berhormat Menteri, apakah bezanya di antara Akta dengan Ordinan.

Bukankah Akta dan Ordinan adalah suatu perkara yang sama. Kenapakah tidak akta ini kalau tidak pun mempunyai erti yang sama tetapi mempunyai tujuan yang sama, kenapakah akta ini tidak hanya dikenali sebagai Akta Buruh Sabah ataupun Ordinan Buruh Sabah sahaja? Apakah keperluan untuk menambahkan nama akta ini kepada Akta Ordinan Buruh Sabah?

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini, seperti mana yang kita tahu bahawa kedudukan negeri Sabah sebagai sebuah negeri yang mengalami pelbagai masalah khususnya masalah pengangguran dan ini telah pun kita jelaskan berkali-kali di dalam perbincangan di Parlimen ini bahawa di negeri Sabah, jumlah pengangguran di negeri Sabah adalah antara yang tertinggi di Malaysia iaitu dengan kadar 5.8% dengan penganggur sebanyak 65,500 daripada jumlah tenaga buruh seramai 1,127,200 orang dan daripada ini terdapat pula masalah pengangguran di kalangan graduan-graduan iaitu seramai 5,785 orang sehingga tahun 2001.

Keadaan pengangguran ini adalah berpunca daripada kemasukan buruh-buruh asing ke negeri Sabah dan kemasukan ini seolah-olah dirancang oleh majikan-majikan di negeri Sabah khususnya yang terlibat di dalam sektor perkilangan terutamanya di sektor perkilangan kayu dan juga perladangan kerana tawaran gaji yang telah

diberikan kepada pekerja-pekerja tempatan terlalu rendah. Ada yang dibayar antara RM8 hingga RM9 sehari dan ini adalah merupakan suatu penganiayaan kepada buruh-buruh tempatan dan menyebabkan ramai daripada buruh-buruh tempatan tidak mahu menyertai sektor pengilangan dan juga sektor pertanian di negeri Sabah.

Ini telah menyebabkan suatu lambakan kepada pekerja-pekerja asing di negeri Sabah kerana ramai daripada syarikat-syarikat ini memilih untuk mengambil pekerja-pekerja asing sama ada yang mempunyai dokumen ataupun tidak dengan tujuan untuk memberikan mereka gaji yang begitu rendah dan tidak memberikan kemudahan-kemudahan dan juga faedah-faedah yang sepatutnya diberikan setaraf dengan standard perburuhan antarabangsa.

Kita mengalu-alukan pindaan ini dengan harapan supaya dengan pindaan ini majikan akan memberikan sekurang-kurangnya gaji dan juga kemudahan-kemudahan yang sesuai kepada pekerja-pekerja tempatan dan dengan ini akan membolehkan rakyat negeri Sabah dan juga pekerja-pekerja di negeri Sabah mengambil kerja-kerja ini dan tidak seharusnya membolehkan syarikat-syarikat di negeri Sabah ataupun pelabur-pelabur yang datang ke negeri Sabah untuk mengambil pekerja-pekerja dari luar yang pada ketika ini telah pun mencecah beratus-ratus ribu orang.

Di dalam sektor perladangan sendiri pun terdapat 200,000 pekerja asing di negeri Sabah dan ini adalah merupakan suatu perkara yang amat membimbangkan kerana suatu hari nanti akan menyebabkan bukan sahaja masalah sosial tetapi ia akan mengubah demografi negeri Sabah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya lihat di dalam pindaan ini ialah kita mahu bahawa walaupun di dalam usaha untuk menyeragamkan faedah-faedah ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan khususnya kepentingan buruh-buruh tempatan haruslah diberikan keutamaan seperti mana yang kita tahu hari ini berpuluh-puluh ribu tidak kurang daripada 50,000 buruh-buruh dan pekerja dari negeri Sabah yang terpaksa berhijrah ke Semenanjung khususnya untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Walaupun perkara ini adalah merupakan sesuatu yang baik kerana sekurang-kurangnya akan meningkatkan integrasi rakyat di antara rakyat Sabah dan Semenanjung tetapi terdapat juga masalah-masalah lain iaitu masalah-masalah sosial yang dilibati oleh pekerja-pekerja dari Sabah ini kerana mereka terdedah kepada pelbagai masalah sosial di sini dan juga telah menyebabkan kerugian kepada negeri

Sabah itu sendiri kerana kalau sekiranya mereka memperolehi pekerjaan di negeri Sabah maka ini dengan sendirinya akan meningkatkan kuasa beli di negeri Sabah itu sendiri.

Sebab itu kita mengharapkan supaya pindaan ini sekurang-kurangnya akan memberikan suatu *stimulant* kepada ekonomi di negeri Sabah dan membolehkan rakyat negeri Sabah tidak perlu berhijrah ke tempat-tempat lain dan memperolehi pekerjaan di negeri Sabah dan sekurang-kurangnya akan membantu pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, saya juga menaruh sedikit kebimbangan kerana dengan peningkatan, saya fikir dengan pelaksanaan akta ini sudah tentu serba sedikit akan meningkatkan *cost of doing business* di Sabah kerana seperti mana yang kita tahu di negeri Sabah sekarang ini menghadapi masalah ketiadaan pelaburan asing.

Pada tahun 2003 misalnya tidak ada satu sen pun pelaburan asing yang datang ke negeri Sabah. Alasan yang telah diberikan ialah kerana kajian yang telah dibuat oleh Kementerian Perindustrian telah menunjukkan bahawa salah satu daripada punca yang menyebabkan ketiadaan pelaburan asing yang ingin datang ke negeri Sabah adalah disebabkan ketiadaan *cost of doing business* ataupun kos untuk melaksanakan perniagaan di negeri Sabah adalah terlalu tinggi disebabkan masalah tanah yang terlalu mahal, masalah infrastruktur dan utiliti yang masih rendah dan belum berkualiti, kos pengangkutan laut dan udara yang tinggi, kekurangan perkhidmatan sokongan dan kekurangan bermacam-macam kekurangan yang berlaku di negeri Sabah.

Saya khawatir sekiranya akta ini sedikit sebanyak akan menyebabkan *cost of doing business* di Sabah itu akan meningkat dan akan menyebabkan *competitiveness* Sabah di dalam usaha untuk menarik pelabur-pelabur asing akan terjejas tetapi bagaimanapun dari segi positifnya saya melihat bahawa dengan pelaksanaan Akta Buruh ini saya percaya akan memberikan suatu kredibiliti kepada pelabur-pelabur untuk menggunakan pekerja-pekerja tempatan dan membolehkan mereka untuk sekurang-kurangnya bukan hanya untuk meningkatkan ekonomi negeri Sabah tetapi juga memberikan sumbangan kepada kemajuan khususnya kepada pekerja-pekerja di negeri Sabah.

Maka dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tawau.

2.50 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang untuk membina Ordinan Buruh Sabah.

Saya mengalu-alukan pembentangan Rang Undang-undang ini. Sebenarnya pemindaan ordinan ini telah lama ditundakan (*long overdue*). Ia telah dikuatkuasakan pada tahun 1950 dan jarang dipinda mengikut keadaan pertukaran selama lima dekad dahulu. Kita mempunyai undang-undang mengenai buruh yang berbeza di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Saya berharap dengan adanya pemindaan ini dan pemindaan yang serupa kepada Ordinan Buruh Sarawak yang menggabungkan Undang-undang Persekutuan mengenai pekerjaan dan undang-undang mengenai buruh di negara kita dapat diselaraskan.

Ini akan dapat menyatukan beberapa aspek yang asas di ketiga-tiga kawasan ini terutamanya dari segi manfaat dan perlindungan pekerja. Rang undang-undang ini juga bertujuan untuk melindungi lebih banyak pekerja dan mengadakan lebih banyak kategori pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dinafikan bahawa jurang di antara Sabah dan Semenanjung Malaysia dari segi pembangunan sosio-ekonomi adalah luas. Negeri Sabah masih ketinggalan jauh dari segi pembangunan dan terus menjadi salah satu negeri yang termiskin. Insiden kemiskinan dan kes-kes termiskin (*hardcore poor*) adalah tertinggi dalam Malaysia. Pada pendapat saya, salah satu cara untuk mengurangkan kemiskinan di Sabah adalah dengan meningkatkan produktiviti pekerja. Dan untuk mencapai maksud ini, pekerja-pekerja ini mestilah diberikan dengan insentif yang lumayan dan mencukupi.

Saya mencadangkan agar kerajaan mengadakan satu polisi *living wage*. *Living wage* ini bermaksud bagi seseorang pekerja yang bekerja *full-time*, dengan izin, beliau haruslah mendapat gaji atas *poverty line*. Ini bermakna kami menyeru masyarakat menentukan orang yang bekerja rajin seharusnya mendapat gaji yang berpatutan untuk menampung keperluan asas untuk diri dan keluarganya.

Keluarga seseorang merupakan unit asas bagi masyarakat atau *basic unit of society*, dengan izin. Oleh itu masyarakat seharusnya mengadakan satu mekanisme untuk memastikan unit keluarga ini dijaga dengan baik. Ini hanya dapat diadakan jika

breadwinner satu-satu famili atau digaji dengan secukupnya bagi menampung keperluan diri dan keluarganya.

Dengan itu, satu dasar *living wage* adalah mustahak dan gaji yang tidak berpatutan atau yang rendah akan mengakibatkan senario di bawah:

- (i) pekerja asing yang murah, sah atau tidak sah, dalam bilangan yang besar;
- (ii) tempat kerja baru diisikan oleh lebih banyak pekerja yang bukan tempatan;
- (iii) perniagaan tidak mempunyai insentif untuk meningkatkan produktiviti;
- (iv) *low productivity, low income, vicious circle*, dengan izin;
- (v) pekerja tempatan yang bekerja bersama dengan pekerja asing dieksploitasi sebagai pekerja asing.

Kini adanya anggaran sebanyak 300 ribu tempat kerja dipenuhi oleh pekerja asing. Di antaranya ada yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang sah. Ini mendatangkan masalah seperti di bawah:

- (i) tenaga kerja yang tidak bersaing atau *non-competitive workforce* mengakibatkan penanguhan pertumbuhan;
- (ii) pelimpahan wang ke negara asing;
- (iii) pendatang mempunyai *temperament* yang *volatile*, dengan izin, pergaulan dengan masalah sosial, setinggan dan jenayah dan lain-lain;
- (iv) masalah *political* – I.C yang palsu;
- (v) pekerja asing yang sah memberikan perlindungan kepada ahli keluarga yang tidak mempunyai dokumen-dokumen yang sah.

Tuan Yang di-Pertua, kita haruslah mencipta satu mekanisme untuk meluluskan perhubungan di antara komponen-komponen dalam *vicious circle* ini yang memburukkan kepentingan untuk penduduk-penduduk Sabah. Tibalah masa untuk mengadakan satu *manpower master plan* konsisten dengan *master plan* lain-lain yang kerajaan Sabah kini mengadakan seperti *The Sabah Industry Master Plan*, *The Sabah Tourism Master Plan* dan *The Sabah IT Master Plan*.

Sekian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tuaran.

2.56 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk turut menyokong Rang undang-undang Ordinan Buruh Sabah (Pindaan) 2004 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pindaan ini tidak mempunyai banyak isu. Saya rasa kesemua Ahli Parlimen, khususnya dari Sabah, tidak ada masalah untuk memberi sokongan. Cuma ada dua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen dari Sabah iaitu pertamanya kuasa menteri untuk melantik Pengarah Jabatan Tenaga Manusia Sabah dan juga kuasa menteri untuk meminda *subsidiary law* ataupun *schedule* dalam rang undang-undang ini.

Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu telah menyatakan bahawa terdapat *Letter of Undertaking* daripada pihak Kerajaan Persekutuan, khususnya daripada Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan membuat perundingan dan perbincangan dengan Kerajaan Sabah sebelum pelantikan pengarah ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jaminan-jaminan seperti ini sudah dibuat sejak tahun 1963, jaminan-jaminan tentang apa yang dikatakan hak-hak Sabah dan akhirnya ia akan terhakis. Barangkali menteri yang ada sekarang masih boleh ingat tetapi selepas menteri ditukar, barangkali dia tidak ingat lagi. Barangkali surat itu kalau boleh dilupakan.

Persoalan di ini ialah bukan, saya ingat rakyat Sabah ataupun Kerajaan Negeri Sabah bukanlah sangat terlalu *parochial* atau terlalu memikirkan hal-hal Sabah tetapi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran, di Sabah ini banyak perkara yang unik yang perlu diambil kira dan hanya orang-orang yang memahami tentang kedudukan di Sabah yang akan lebih berkesan untuk membuat tugas. Dan saya tidak perlu memberi contoh-contoh yang panjang lebar seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran.

Saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini supaya pihak Kerajaan Persekutuan melihat pandangan-pandangan daripada Sabah ini termasuklah daripada Kerajaan Negeri Sabah ini secara positif. Kita amat faham bahawa pindaan ini telah mengambil begitu banyak masa, begitu lama hanya kerana pihak Kerajaan

Persekutuan mempertahankan dan menyatakan bahawa, "Apa salahnya?" Kenapakah Employment Act 1955 tidak boleh diperluaskan di Sabah? Buang sahaja Sabah Labour Ordinance dan diganti dengan Sabah Employment Act. Itulah yang dinyatakan oleh Menteri Buruh dan sekarang Menteri Sumber Manusia.

Apa yang kita nyatakan di sini seolah-olah di Malaysia ini kita tidak ada undang-undang lain. Kita ada Akta Pembentukan Malaysia dan kita ada Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Perlembagaan Persekutuan Malaysia kita boleh lihat dalam Perkara 1 sehingga 165 iaitu perlindungan tambahan untuk Sabah dan Sarawak.

Semuanya ini sebenarnya berasaskan daripada IGC. Daripada IGC sudah diambil di dalam Akta Malaysia dan selepas itu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan semua ini kita lihat sebenarnya pemimpin-pemimpin Sabah dan Sarawak semasa pembentukan negara kita Malaysia ini, mempunyai sebab-sebab tertentu. Bukan hanya kita ini mahu mendapat keistimewaan-keistimewaan tertentu untuk Sabah dan Sarawak tetapi tuntutan dan permintaan pada ketika itu adalah *very genuine* dan kita amat berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita yang telah berunding dalam pembentukan negara kita Malaysia dan telah bersetuju kesemua itu dan telah memuatkan dalam perundangan-perundangan yang ada, sehinggakan kita telah mendirikan sebuah negara yang dinamakan Malaysia. Dan kita harus ingat bahawa kedua-dua Wilayah Sabah dan Sarawak ini merupakan 22 peratus daripada keseluruhan tanah Malaysia walaupun penduduknya tidaklah sampai enam juta kedua-duanya ...

Tuan Abdul Rahim bin Bakri: *[Menyampuk]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: tujuh, berapa? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Kudat]* minta maaf, 70 peratus sebaliknya. Keluasannya begitu besar. Tetapi apa yang menjadi perkara pokok pangkal daripada tuntutan-tuntutan itu ialah bahawa di Semenanjung Malaysia ini, Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu memang pun sudah lebih maju dan sehingga pada hari ini, seperti mana yang kita bahaskan, kita bincangkan di Dewan yang mulia ini bahawa Sabah dan Sarawak ini masih lagi ketinggalan sehingga pada hari ini. Itulah sebab dalam soal perburuhan pun kita mahu melindungi beberapa perkara-perkara. *We are just asking for a handicapping system*, itu sahaja.

Kenapakah Menteri-Menteri kita dulu di Kementerian Sumber Manusia ini masih lagi mempertahankan sedangkan undang-undang ini bukanlah suatu undang-

undang unik, banyak lagi undang-undang lain. Kita ambil contoh, kita ada Jabatan Pengangkutan Jalan, ada pengerusinya untuk Semenanjung; ada Jabatan Pengangkutan Jalan, Sarawak, ada Pengerusi; Jabatan Pengangkutan Jalan, Sabah. Banyak lagi hal tetapi kenapakah bila kita meminta, meminta sehinggakan mengambil masa yang begitu lama?

Kita harus sedar, saya ingatkanlah, kita telah mengabaikan hak-hak pekerja Sabah. Kita mahulah sedar bahawa Ordinan Buruh Negeri Sabah yang telah dibuat oleh penjajah *British* dulu hanyalah melindungi majikan dan tidak melindungi pekerja. Selama ini pekerja di Sabah tidak memenuhi keperluan *the basic international labour standards*. Selama inilah! Barangkali juga, saya tidak tahulah, kalau kita mahu pelabur yang besar-besar, barangkali mereka juga takut ILO nanti, mahu mempersoalkan hak-hak pekerja, sebab di Sabah kita tidak dapat memenuhi *international labour standard*.

Tahniahlah, saya pun turut serta dengan rakan-rakan mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan meminda dan membawa ke Dewan yang mulia ini. Semua ini dapat dicapai oleh kerana kita ini dalam Barisan Nasional, Kerajaan Sabah Barisan Nasional, Kerajaan Persekutuan juga Barisan Nasional. Itu sahaja sebabnya, sebab bukan senang untuk membincangkan lima perkara yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, adalah amat penting bagi negara kita ini, bagi pemimpin-pemimpin, menteri-menteri, kakitangan kerajaan untuk memahami kesemua peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga dalam undang-undang yang lain termasuklah Akta Imigresen. Selalu dipersoalkan juga kenapakah orang-orang daripada luar Sabah mesti pakai pasport, mesti dapatkan *work permit*? Kenapakah orang Sarawak masuk ke Sabah mesti mengambil *work permit*? Kenapakah orang Sabah masuk ke Sarawak masih dikenakan mengambil *work permit*? Kenapakah orang Semenanjung masih ada *work permit* dan sebagainya?

Perkara inilah perkara yang telah kita persetujui semasa pembentukan negara kita. Memanglah kita boleh katakan, "Kenapa tidak dihapuskan sahaja?". Sebenarnya lebih baik kita pertahankan hak-hak pekerja ataupun soal-soal pembangunan daripada menyatakan perkara ini patut dihapuskan, perkara itu patut dihapuskan, sebab akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, rakyat sendiri akan merasakan pada suatu ketika nanti, seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi

Beluran, bahawa kita sendiri akan meminta. Ini tidak perlu lagi. Tetapi setakat hari ini kita masih lagi memerlukan undang-undang yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dua isu tadi, iaitu pelantikan pengarah dan juga kuasa menteri, kedua-dua kuasa Menteri itu tadi benar-benar, walaupun tidak termasuk dalam pindaan kali ini, bukan sahaja dituruti, bukan sahaja ditunaikan jaminan ini, tetapi kita berharap niat itu harus diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa perkara yang kita bincangkan pada hari ini dalam pindaan ini juga sedikit sebanyak akan memberi kesan terhadap soal integrasi nasional dan soal perpaduan negara, di mana di negara ini kita masih lagi tidak dapat mempunyai satu undang-undang yang sama untuk banyak hal. Sebenarnya banyak contoh yang kita boleh ambil. Di Semenanjung sebagai contoh, kita sudah pinda Undang-undang Peminjam Wang, soal Along dan sebagainya. Di Sabah belum lagi dan di Sarawak pun belum juga, dan banyak perkara lagi.

Barangkali pelajaran yang kita dapati dalam pindaan ini, sekali lagi kita mahu nyatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa apabila ada pindaan-pindaan yang penting, sebagai contoh apabila dipinda Employment Act 1955 ini, sudah banyak pindaan-pindaan, khususnya memberi hak-hak dan perlindungan kepada pekerja. Apa salahnya jawatankuasa yang mendraf pindaan-pindaan ini, jemputlah peguam daripada Sabah ataupun Ketua Menteri daripada Sabah dan membincangkannya? Adakah kerajaan negeri mahu juga turut serta untuk meminda, dalam banyak hal?

Yang Berhormat bagi Santubong pun sentiasa menyatakan perkara ini, saya juga pun sentiasa mengatakan perkara ini supaya kita dapat seragamkan. Yang ini aneh, selama ini pekerja-pekerja di Semenanjung sudah dilindungi dengan hanya dua undang-undang iaitu undang-undang Employment Act 1955 dan undang-undang Children and Young Persons Act, 1966, yang melindungi hak-hak pekerja di sini tetapi di Sabah tidak. Dan dalam hal inilah kadang-kadang kita hairan kenapa Menteri yang bertanggungjawab dalam hal ini tidak memikirkan dahulu soal ini. Sebab itu saya mengucapkan tahniah kepada Menteri yang ada sekarang. Kita boleh katakan bahawa ini juga salah satu daripada kejayaan oleh Menteri yang ada sekarang walaupun saya faham juga betapa mencabarnya pindaan ini, tetapi akhirnya dapat juga dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya juga ingin sedikit sebanyak membangkitkan soal Perlembagaan, iaitu perlindungan tambahan bagi Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya, barangkali Menteri tidak boleh sebab bukan dalam

bidang kuasa Yang Berhormat beliau, tetapi kalau kita lihat perkara 161 hingga 165 dalam Perlembagaan Persekutuan ini, sudah begitu banyak yang telah dipinda tentang hak-hak Sabah ini, dimansuhkan dan sebagainya. Tetapi sebaliknya di negeri Sabah apa yang kita dapat? Banyak juga rakyat Sabah yang mempersoalkan: “Apa yang kita dapat?” Di Sabah hari ini kita mempunyai kadar kemiskinan yang terbanyak, barangkali juga kadar pengangguran yang tertinggi, barangkali juga paling banyak kampung yang belum mendapat bekalan elektrik dan sebagainya, sedangkan sumbangan kita dari segi hasil Persekutuan, seterusnya untuk Petronas begitu tinggi, tetapi apa yang kita dapat balik tidak berapa banyak.

Mudah-mudahan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini semuanya ini dapat diatasi. Bukan sahaja dengan kerja kita di Sabah sudah mendapat hak-hak mereka tetapi seluruh rakyat Sabah juga akan dapat manfaat jika sekiranya kita selesaikan masalah-masalah pembangunan seluruh rakyat Sabah seperti mana yang dinyatakan oleh rakan saya daripada Kudat tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Minta gulung ucapan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Ya, saya gulung Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali sedikit sahaja saya dalam bab 1 (11) iaitu *complaints and enquiries* yang telah memberi kuasa kepada perkara Jabatan Tenaga Manusia Sabah. Saya ingat kuasa ini dengan juga kuasa di beberapa kuasa lain telah diberikan kepada Pengarah, kita berharap bahawa perlindungan ini akan dipergunakan sebaik-baik mungkin untuk memberi perlindungan kepada pekerja dan pada masa yang sama juga saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kudat bahawa hak-hak majikan juga harus kita lihat. Kita janganlah menggunakan kuasa-kuasa ini sehingga saya ingat mengakibatkan pihak majikan mempunyai masalah sehinggakan kos untuk membuat perniagaan di Sabah meningkat. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta pihak Menteri menjawab.

3.11 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu yang merupakan

juga Menteri Sumber Manusia negeri Sabah dan juga Ahli Yang Berhormat Beluran dan Ahli Yang Berhormat bagi Sepanggar, Kudat, Tawau dan Tuaran yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Ahli Yang Berhormat, saya juga ingin mengambil kesempatan in mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah bekerjasama dalam semangat Barisan Nasional dengan Kerajaan Persekutuan untuk menyelesaikan cabaran dan masalah yang kita hadapi dalam usaha membuat pindaan kepada Labour Ordinance atau Ordinan Buruh Sabah selama ini sehingga kita sekarang sudah mendapat persetujuan dan kejayaan.

Ahli Yang Berhormat bagi Kota Kinabalu telah sebutkan lima perkara yang penting yang mana kita telah selesaikan. Perkara pertama yang kita telah disebutkan ialah berkaitan dengan pelantikan Pengarah Buruh atau Labour Director Sabah. Sungguhpun atas nasihat Attorney-General Kerajaan Persekutuan bahawa dalam ordinan ini kita tidak boleh halang atau hadkan kuasa menteri demi kepentingan perlembagaan tetapi kedua-dua pihak telah bersetuju supaya secara ini dilantik perundingan dan ini terjamin dalam satu, dengan izin *exchange of letters*. Saya ingin sebutkan di sini *exchange of letters* ini memang ada *binding*, ini tidak ambil kira siapa yang memegang jawatan Menteri Sumber Manusia atau Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia ini merupakan satu *undertaking* atau satu jaminan yang dibuat oleh kerajaan dan akan terus dihormati oleh kerajaan-kerajaan seterusnya.

Selain dari itu juga, saya ingin sebut kuasa-kuasa utama Pengarah Buruh (*Labour Director*) adalah keluaran *working term*, dengan izin, dan juga adalah buat *subsidiary regulation*, dengan izin. Dan dalam konteks ini kedua-dua kuasa utama ini dalam pindaan kita telah sebut perlunya pertama dalam proses pengeluaran work permit kita mesti mematuhi Immigration Act negeri Sabah. Ini merupakan satu perjanjian yang penting iaitu kalau dia tidak dipersetujui oleh imigresen sesiapa itu pun tidak boleh masuk negeri Sabah sebagai seorang pekerja.

Kedua, ini adalah kuasa untuk membuat *subsidiary regulation*, dengan izin. Dalam konteks ini itu perlu kita bincang dengan kerajaan negeri ini memerlukan semangat kita dan niat yang baik kita untuk terus menentukan bahawa dalam melaksanakan tugas kita ikut ambil kira pandangan keperluan Kerajaan Negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat bagi Beluran telah sebutkan tentang ada bidang-bidang tertentu di mana didapati bahawa pekerja-pekerja itu mendapat gaji yang rendah disebabkan oleh kemasukan pekerja-pekerja asing. Saya harap dan yakin dengan

pindaan tersebut kita boleh ada satu situasi di mana kita boleh membuat kawalan yang lebih dekat tentang kemasukan pekerja asing. Juga Kementerian Sumber Manusia baru-baru ini telah siapkan dan telah lantik kedua-dua, dengan izin, *commission and enquiry* untuk mengadakan majlis penetapan gaji minimum di kedua-dua bidang di Sabah, iaitu di bidang pertanian termasuk *smallholders* dan juga di bidang perkhidmatan seperti mana adalah agar sektor-sektor tersebut seperti di klinik, seperti di pejabat perakaunan dan sebagainya di mana didapati ada pekerja-pekerja yang agak *vulnerable*, saya telah lantik dua *commission and enquiry* dan kedua-dua *commission and enquiry* telah siapkan laporan dan berasaskan kepada cadangan Kementerian Sumber Manusia akan mengkaji kemungkinannya kita wujudkan dua lagi majlis penetapan gaji minimum untuk kedua-dua sektor di Sabah dan dengan itu tentukan keadaan pekerjaan termasuk gaji untuk sektor-sektor tersebut demi untuk menyelesaikan masalah dan gaji-gaji rendah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dalam sektor ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sepanggar telah sebutkan tentang apa yang terjadi sekiranya rekod-rekod yang disimpan oleh pihak majikan ada dimusnahkan selepas 6 tahun. Kalau butir-butir berkaitan dengan alam pekerja itu tukar dan sebagainya. Dalam konteks ini memang ini merupakan satu *statutory limitation*. Dalam konteks dalam pelaksanaan akta ini kalau kita hadapi apa jua masalah kita akan kaji sebaliknya, kalau perlu kita akan buat pindaan pada selepas itu. Tetapi pada masa sekarang kita dapati bahawa *statutory limitation* jadi enam tahun ini adalah munasabah dan kita harap kalau ada masalah kita boleh kaji selepas ini.

Berkaitan dengan pindaan untuk menentukan syarat-syarat pengajian orang-orang muda atau kanak-kanak, sebenarnya tujuan pindaan itu ialah untuk mengikat syarat-syarat untuk mengadakan syarat-syarat yang ketat demi untuk menjaga kepentingan orang-orang muda ini. Sebelum ini dalam Ordinan Buruh Sabah tidak ada syarat-syarat dan sesiapa pun boleh digajikan dan dengan itu mereka boleh menjadi mangsa. Jadi tujuan untuk mengadakan pindaan ini ialah untuk menentukan kebajikan pekerja dalam kumpulan ini terjamin.

Ahli Yang Berhormat bagi Kudat telah bertanya kenapa kita pakai perkataan Ordinan dan bukan Akta. Ini adalah pada era sebelum Merdeka 40-an dan 50-an, semua dalam bidang perundangan dahulunya Kerajaan British ini menggunakan Ordinan. Saya pun ingat dahulunya kita ada *Education Ordinance* dan sebagainya jadi

perkataan ini digunakan sejak 50-an. Oleh kerana kita hanya buat pindaan sahaja, kita tidak boleh ada satu akta baru jadi perkataan ordinan itu terus digunakan, tetapi dari segi undang-undang tidak ada beza ertinya. Saya pun bersetuju dan Kementerian Sumber Manusia melalui pindaan ini akan ditentukan bahawa priority akan diberi kepada pekerja-pekerja Sabah dalam apa juga bidang di negeri Sabah.

Ahli Yang Berhormat bagi Tawau telah bangkitkan isu berkaitan dengan *living wage*, saya rasa cadangan tersebut adalah amat wajar dan kementerian saya akan terus kaji bagaimana kita boleh laksanakan dasar tersebut.

Ahli Yang Berhormat bagi Tuaran juga telah sebutkan berkaitan isu-isu dengan pelantikan *Labour Director, subsidiary, regulations* dan sebagainya dan semua itu saya telah terangkan. Akhirnya, pindaan kepada Ordinan Buruh Sabah ini merupakan hasil daripada semangat kerjasama dan keyakinan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ini merupakan satu hasil semangat kerjasama di antara kedua-dua kerajaan yang diwakili oleh Barisan Nasional. Sekian, terima kasih..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Tuaran. Yang Berhormat, Tuaran hendak penjelasan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih. Bolehkah *change of letters* itu nanti dikepilkan bersama-sama dengan undang-undang Ordinan Buruh Sabah yang telah diluluskan oleh Dewan ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: *Change?*

Tuan Wilfred Madius Tangau: *Exchange of letters*. Jaminan-jaminan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Tukaran surat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Dikepilkan bersama. Sebab ini untuk memastikan supaya jaminan-jaminan ini akan dilaksanakan setelah ada pertukaran menteri, KSU dan sebagainya.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Ahli Yang Berhormat hendak satu *copy* atau satu salinan *exchange of letters* tersebut.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Tidak. Dikepilkan bersama dengan undang-undang ini nanti sebagai *schedule* dalam undang-undang ini nanti setelah diluluskan.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya, saya akan kaji. Kalau dari segi undang-undang kita ada halangan, saya akan minta pandangan dari LA (*Legal Advisor*) kita bahawa tindakan itu ada munasabah atau tidak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 114 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ORDINAN BURUH SARAWAK (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.25 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Akta Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 (Pindaan) 2004 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 dikuatkuasakan mulai pada 1 Januari 1952 oleh Jabatan Tenaga Kerja Sarawak yang ketika itu dikenali sebagai Jabatan Buruh Sarawak.

Ordinan ini menjadi Undang-undang Persekutuan mulai Hari Malaysia 1963 melalui pemberitahuan Undang-undang di bawah Akta Malaysia. Ordinan ini

merupakan perundangan utama yang berkaitan dengan tema-tema dan syarat-syarat pekerjaan para pekerja di negeri Sarawak. Ordinan tersebut meliputi pekerja manual sahaja. Pindaan terakhir terhadap ordinan itu dibuat pada tahun 1964. Dalam *Annex A*, senarai 1/15 *Report of the Intergovernmental Committee* 1962 telah diperuntukkan bahawa perkara-perkara perburuhan dan keselamatan sosial termasuk kesatuan sekerja, pengangguran dan lain-lain adalah di bawah senarai Persekutuan. Tetapi memberi kelonggaran seperti berikut:

- (a) *For interim period until otherwise agreed the commissioners of labour of Sarawak and North Borneo shall remain in charge of the respective departments and should have direct access to the federal ministry and should be directly responsible to the Federal Minister of Labour;*
- (b) *In the case of Sarawak the Sarawak Labour Laws shall remain enforce and Malaysia is establish and as necessary they should be a gradual move towards a comment form of Malaysian legislation in this respect;*
- (c) *In the case of North Borneo and Sarawak they should be a delegation of powers to make subsidiary legislation to due with the conditions peculiar. to the state*

Undang-undang perburuhan utama berbeza di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Usaha untuk menyelaraskan undang-undang di ketiga-tiga wilayah telah bermula sejak awal tahun 1998. Sehubungan dengan itu, beberapa siri perbincangan telah diadakan antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Persetujuan akhirnya dicapai untuk meminda Ordinan Buruh Sarawak Bab 76 bagi menyelaraskan peruntukan-peruntukan mengenai faedah-faedah pekerja yang terkandung di bawah ordinan tersebut dengan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Akta Kerja 1955 dan Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang Muda 1966.

Prinsip-prinsip cadangan pindaan adalah seperti berikut:

- (a) memasukkan apa-apa peruntukan dari Akta Kerja yang tidak terdapat di dalam Ordinan Buruh Sarawak,
- (b) mengekalkan peruntukan-peruntukan sedia ada yang lebih berfaedah kepada pekerja;

- (c) meminda peruntukan-peruntukan sedia ada supaya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Kerja 1955 atau Akta Pekerjaan Kanak-Kanak dan Orang Muda 1966;
- (d) memansuhkan peruntukan-peruntukan tertentu kerana wujudnya undang-undang berkaitan yang mengandungi peruntukan yang serupa.

Pindaan-pindaan ini adalah bertujuan untuk:

- (a) menyeragamkan faedah-faedah pekerjaan yang harus dinikmati oleh pekerja di ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak;
- (b) mengemas kini peruntukan-peruntukan Ordinan ini untuk menangani suasana perburuhan sekarang;
- (c) memperkemaskan dan memperkukuhkan penguatkuasaan Ordinan;
- (d) mempertingkatkan lagi kualiti sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak dengan mengadakan peruntukan yang mencerminkan praktisma serta kepekaan kepada suasana perburuhan dan keperluan semasa masyarakat industri; dan
- (e) membolehkan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak memainkan peranannya dengan lebih cekap dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu Kementerian Sumber Manusia telah mencadangkan kepada kerajaan supaya Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76] dipinda. Pada 15 September 2004 Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pindaan kepada Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76] yang dibentangkan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Pada amnya 75 seksyen telah dimansuhkan dan 70 seksyen baru diwujudkan dan beberapa seksyen dipinda. Beberapa definisi baru yang dimansuhkan dalam cadangan pindaan diambil daripada Akta Kerja 1955 seperti '*approved amenity or approved service*', '*approved incentive payment scheme*', '*contract of service*', '*hourly rate of pay*' dan lain-lain. Definisi baru seperti '*agriculture undertaking*', '*forestry undertaking*' dimasukkan dalam cadangan pindaan untuk menangani situasi di

Sarawak. Beberapa definisi seperti '*health officer*', '*native worker recruiter*' dan lain-lain digugurkan kerana tidak lagi relevan.

Tuan Yang di-Pertua, liputan Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76] telah diperluaskan untuk merangkumi pekerja di sektor swasta dalam kategori-kategori berikut:-

- (a) pekerja manual berhak gaji termasuk pekerja domestik;
- (b) pekerja bukan manual yang bergaji tidak melebihi RM2,500 sebulan.

Pekerja-pekerja di sektor awam dan badan berkanun tidak akan dirangkumi oleh Ordinan tersebut.

Seksyen-seksyen baru 2A dan 2B memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat perintah larangan ke atas penggajian selain daripada penggajian di bawah '*contract of service*' dan memberi kuasa kepadanya membuat perintah pengecualian daripada peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

Bab 2A yang baru berkaitan aduan dan siasatan, memberi kuasa kepada Pengarah menyiasat tuntutan-tuntutan berhubung dengan bayaran gaji dan bayaran tunai lain, serta menentukan prosedur berkaitan dengan pengendalian aduan tersebut di peringkat Jabatan Tenaga Kerja Sarawak, selaras dengan Akta Kerja 1955.

Seksyen-seksyen baru iaitu 10A, 10B dan 10C memperuntukkan bahawa mana-mana syarat-syarat atau terma-terma dalam kontrak perkhidmatan yang lebih rendah atau *less favorable* daripada peruntukan Ordinan adalah tidak terpakai. Walau bagaimanapun, peruntukan seksyen baru ini tidak menghalang pihak majikan atau pekerja untuk menerapkan mana-mana terma atau syarat perkhidmatan yang lebih berfaedah dan mana-mana perkara yang tidak terdapat dalam Ordinan boleh dirundingkan bersama dan dimasukkan dalam kontrak perkhidmatan.

Seksyen 11A menjelaskan bahawa kontrak pekerjaan bagi sesuatu tempoh yang tetap akan tamat bila tempoh yang dinyatakan berakhir, dan kontrak perkhidmatan yang tidak ada tempoh tamat adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Ordinan ini.

Pindaan ke atas seksyen 12 peruntukan notis serta faedah pemberhentian perkhidmatan yang lebih spesifik mengikut tempoh perkhidmatan seseorang pekerja iaitu notis empat minggu jika seseorang pekerja telah berkhidmat kurang dari dua tahun, notis enam minggu jika seorang pekerja telah berkhidmat dua tahun, tetapi

kurang daripada lima tahun dan notis lapan minggu jika seorang pekerja telah berkhidmat lima tahun atau lebih.

Pindaan ke atas seksyen 14 membolehkan majikan mengambil tindakan tatatertib seperti buang kerja, turun pangkat atau gantung kerja kerana salah laku pekerja selepas menjalankan siasatan dalaman.

Seksyen baru 14A menjelaskan keadaan-keadaan di mana sesuatu perjanjian perkhidmatan boleh dianggap sebagai terputus akibat ketinggalan atau *omission* oleh sama ada majikan atau pekerja.

Seksyen 16 berhubung dengan kapasiti orang muda untuk mengikat kontrak dipotong dan dipinda ke seksyen baru 75B yang lebih komprehensif.

Seksyen 20 hingga 34 dibatalkan kerana konsep kontrak digantikan dengan konsep kontrak perkhidmatan.

Dengan itu peruntukan yang khas berkaitan kontrak seperti pengakusaksian kontrak, hak tempoh kontrak dengan pekerja peribumi dibatalkan disebabkan ianya tidak praktikal dan tidak relevan lagi. Keperluan pekerja mendapatkan kelulusan Pengarah Tenaga Kerja untuk berpindah majikan adalah tidak praktikal.

Seksyen 36 hingga 43 adalah dibatalkan oleh sebab perantis dimasukkan dalam takrif 'pekerja' dan semua peruntukan Ordinan adalah terpakai kecuali beliau digaji di bawah kontrak keperantisan yang diluluskan oleh Pengarah.

Bab VIII berkaitan dengan penggredturunan seksyen 45-55 dipotong bagi membolehkan majikan merekodkan dengan sendiri tanpa sebarang halangan, manakala rekod profesional adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Agensi Pekerja Swasta 1981 yang akan dipinda.

Seksyen 57 dipotong kerana peruntukan Ordinan ini adalah terpakai bagi semua tempat pekerjaan.

Seksyen 58 dipinda untuk menentukan tanggungjawab para majikan mempamerkan di papan kenyataan nama dan alamat tempat pekerjaan dalam Bahasa Kebangsaan sejajar dengan dasar kerajaan.

Seksyen 59 dipinda untuk menyatakan dengan lebih jelas tanggungjawab para majikan dalam menyediakan dan menyimpan daftar pekerja.

Seksyen baru 59A memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan mengenai tanggungjawab majikan berkaitan dengan maklumat gaji para pekerja di bawah penggajiannya.

Seksyen 60 dan 60A dipinda untuk memberi kuasa kepada Pengarah untuk mewajibkan majikan memberi laporan tertentu berkaitan para pekerja di bawah penggajian mereka. Setiap majikan dikehendaki memberi maklumat kepada Pengarah apabila sesebuah tempat kerja baru diwujudkan diambil alih atau ditukar nama atau berpindah tempat perniagaan.

Seksyen 61 hingga 70 dibatalkan sebab peruntukan-peruntukan serupa dan lebih komprehensif adalah terkandung dalam Akta Standard Minimum (Perumahan dan Kemudahan Pekerja) 1980 yang akan dikaji semula dan diperluaskan ke Sarawak.

Seksyen 71, 73 hingga 74 dipinda selaras dengan peruntukan Akta Pekerjaan Kanak-kanak dan Orang Muda 1966.

Seksyen 74A hingga 74D memberi peruntukan berkaitan tempoh bekerja untuk kanak-kanak dan orang muda dan keperluan majikan menikmati lesen bila menggaji kanak-kanak dan orang muda di sektor hiburan.

Seksyen baru 75A memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan gaji minimum bagi kanak-kanak dan orang muda setelah Lembaga Penyiasat mengadakan siasatan dan mengesyorkan gaji minimum yang sesuai.

Seksyen 76 dipinda untuk menetapkan masa bekerja malam yang dilarang untuk pekerja wanita dalam perusahaan pertanian, perhutanan, perindustrian dan pembalakan, di samping memberi kuasa kepada Pengarah untuk memberi pengecualian ke atas mana-mana pekerja wanita atau kelas pekerja wanita daripada sekatan pekerja malam.

Seksyen 79A memberi kuasa kepada Menteri membuat perintah melarang atau membenarkan penggajian pekerja-pekerja wanita, dalam keadaan-keadaan atau syarat-syarat tertentu yang ditetapkan dalam Perintah.

Seksyen 84 dipinda untuk menambah hari cuti bersalin dari empat minggu sebelum dan empat minggu selepas bersalin ke 60 hari berterusan serta mengehendakan kelayakan elaun bersalin kepada lima orang anak yang masih hidup. Elaun bersalin adalah pada kadar gaji biasa.

Seksyen 86, 87 dipinda untuk memperuntukkan elaun bersalin dibayar seperti bayaran gaji biasa dan elaun ini boleh dibayar kepada wakil yang dilantik atau kepada waris sekiranya pekerja wanita tersebut meninggal dunia.

Seksyen baru 92A melarang menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja wanita yang tidak hadir bekerja kerana sakit dalam tempoh 90 hari selepas cuti bersalin.

Seksyen baru 95A memperuntukkan tanggungjawab majikan menyimpan daftar pembayaran elaun-elaun bersalin.

Seksyen 97 hingga 99 mengemaskinikan peruntukan-peruntukan berkaitan reputasi pekerja bukan pemastautin ke negara asal dan bagi pekerja tempatan ke tempat asal.

Seksyen 103 dipinda untuk memberi kelonggaran dalam pemberian pendahuluan gaji yang lebih luas kepada para pekerja untuk tujuan tertentu termasuk pembelian rumah, tanah, motosikal, motokar dan lain-lain. Cuti bergaji sejumlah 16 hari di bawah Seksyen 104 dikekalkan. Daripada jumlah itu 4 hari tidak boleh ditukar ganti dan diselaraskan dengan Akta Kerja 55 manakala bakinya 12 hari boleh ditentukan dengan mengambil kira agama dan kebudayaan pekerja.

Cuti tambahan yang diisytiharkan oleh Kerajaan Sarawak sebagai cuti umum juga menjadi cuti bergaji untuk para pekerja. Jika pekerja dikehendaki bekerja oleh majikannya pada mana-mana hari tersebut, beliau layak menerima gaji pada kadar dua kali ganda gaji biasa, untuk kerja lebih pada masa mana hari tersebut, beliau layak dibayar pada kadar 3 kali ganda gaji sejam.

Seksyen 105 di pinda untuk menjelaskan peruntukan-peruntukan mengenai hari dan waktu kerja termasuk konsep *spreadover period of work*. Seksyen baru 105A menjelaskan tentang pekerjaan *shift* selaras dengan Akta Kerja 55.

Seksyen baru 105B dan C, menjelaskan hari rehat yang berhak dinikmati oleh pekerja serta kadar bayaran gaji yang dikenakan kerana bekerja pada hari rehat. Seksyen baru 105D menjelaskan tentang kelayakan cuti tahunan bergaji bagi pekerja bergantung kepada tempoh perkhidmatan iaitu 8 hari jika bekerja kurang dari dua tahun, 12 hari jika bekerja 2 tahun, tetapi kurang daripada 5 tahun dan 16 hari jika bekerja 5 tahun atau lebih.

Seksyen baru 105E menjelaskan tentang kelayakan cuti sakit bergaji bagi pekerja bergantung pada tempoh perkhidmatan iaitu 14 hari jika bekerja kurang daripada 2 tahun, 18 hari jika bekerja 2 tahun tetapi kurang daripada 5 tahun dan 21 hari jika bekerja 5 tahun atau lebih. Seksyen ini juga memperuntukkan jumlah 60 hari cuti jika pekerja diwadkan.

Seksyen baru 105F memberikan kuasa kepada Menteri membuat peraturan berkaitan dengan pembayaran faedah pemberhentian dan persaraan bagi pekerja. Seksyen baru 108B memperuntukkan bahawa majikan tidak perlu membayar gaji jika pekerja gagal hadir bekerja kerana pemenjaraan kecuali kehadiran di mahkamah sebagai saksi majikan.

Seksyen 109 dipinda untuk memendekkan tempoh bila mana gaji pekerja mesti dibayar dari hari ke-10 ke hari ke-7 dalam bulan berikutan, selaras dengan Akta Kerja 55 dan menentukan tarikh pembayaran gaji jika perkhidmatan pekerja ditamatkan. Kuasa juga diberi kepada pengarah untuk melanjutkan tempoh tersebut jika ada keperluan.

Seksyen baru 111A membenarkan majikan untuk membayar gaji pekerja melalui bank atau cek, demi keselesaan dan keselamatan kedua-dua pihak. Seksyen 114 dipinda bagi membolehkan majikan membuat potongan tambahan atas gaji pekerja di samping meningkatkan hak potongan gaji pekerja bagi tujuan-tujuan tertentu termasuk pendahuluan untuk membeli rumah, kereta, bayaran *tuition*, yuran kesatuan sekerja dan lain-lain.

Seksyen baru 117A dan B memberi keutamaan gaji atas penghutang-penghutang lain hingga jumlah 4 bulan gaji berturut-turut. Pengarah boleh mengadakan siasatan untuk menentukan jumlah gaji yang terhutang kepada pekerja. Seksyen baru 117C menggariskan tanggungjawab majikan utama (*Principal*) - dengan izin - dan kontraktor terhadap gaji pekerja.

Seksyen 118 dibatalkan sebab kawalan harga barangan harga keperluan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Seksyen kecil baru 2 untuk Seksyen 119 dimansuhkan untuk menghendaki pengarah mengambil kira undang-undang Imigresen yang terpakai oleh Negeri Sarawak sebelum mengeluarkan lesen untuk menggaji pekerja bukan bermastautin.

Seksyen baru 117A menghendaki seorang majikan yang menggaji pekerja bukan bermastautin memberi maklumat kepada pengarah apabila diperlukan.

Seksyen baru 119B memastikan tiada wujudnya diskriminasi di antara pekerja tempatan dan pekerja bukan bermastautin.

Seksyen-seksyen baru 119C dan D memastikan keutamaan pengajian diberi kepada pekerja warga tempatan.

Seksyen baru 119E menetapkan bahawa penduduk tetap Sarawak dikeluarkan dari tarikh bekerja bukan bermastautin.

Seksyen 120 dibatalkan untuk mengelakkan pihak majikan melepaskan kewajipan dan tanggungjawab kepada pihak lain.

Seksyen 123 dibatalkan sebab peruntukan ini diliputi di bawah kehendak-kehendak Mahkamah Rendah 80.

Seksyen baru 124A, B dan C di mansuhkan dan 125 dipinda selaras dengan peruntukan Akta Kerja 55.

Seksyen baru 125A dan B memperuntukkan bahawa pegawai yang menjalankan tugas di bawah Ordinan dianggap sebagai Pegawai Awam dan diberi perlindungan yang sewajarnya. Pegawai juga dilindungi daripada tindakan undang-undang semasa melaksanakan tugas-tugas secara *bona fide* tanpa sebarang kecuaiian.

Seksyen 126 berkaitan dengan tempat awam dikatakan sebab tidak relevan dan tidak sesuai untuk diguna pakai.

Seksyen baru 129A memastikan bahawa siasatan boleh diteruskan oleh pegawai lain jika seseorang pegawai tidak boleh menjalankan tugasnya. Bab XIVA yang baru menyatukan semua peruntukan berkaitan kesalahan dan hukuman seperti dalam seksyen 130A hingga 130M. Denda maksimum bagi kesalahan dinaikkan ke RM100,000, hukuman penjara selama 6 bulan juga dikenakan bagi pelanggaran peruntukan-peruntukan berkaitan pengajian kanak-kanak atau orang muda dan pemalsuan lesen mengaji pekerja bukan bermastautin.

Seksyen 130M memberi kuasa kepada pengarah dan pegawai tertentu untuk mengenakan kompaun untuk kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan ini. Bab XVII yang baru menyatukan semua peraturan dalam Ordinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan utama di bawah Akta (Pindaan) Ordinan Buruh Sarawak [Bab 76]. Pindaan-pindaan lain yang saya tidak nyatakan merupakan pindaan yang berbangkit atau *consequential amendments* atau tidak begitu penting untuk disebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan keluasan skop Ordinan ini adalah dijangkakan bahawa penambahan 40% pekerja dalam sektor swasta akan diliputi di bawah bidang kuasa Ordinan dan mereka akan menikmati faedah-faedah yang diperuntukkan dalam Ordinan.

Jumlah pekerja yang dijangka akan menikmati faedah-faedah Ordinan ini adalah seramai 800,000 orang.

Tan Sri Yang di-Pertua,...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Tolong, bukan Tan Sri, Dato..

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Wira Dr.Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang disarankan Jabatan Tenaga Kerja Sarawak akan dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan lebih cekap dan berkesan demi kesejahteraan masyarakat industri. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani Binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan ialah Rang Undang-undang bernama "Satu Akta untuk meminda Ordinan Buruh Sarawak" dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Santubong

3.50 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tiga orang Ahli Parlimen Sarawak berdiri membahaskan undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah menunggu berapa puluh tahun untuk pindaan ini dibawa ke Dewan untuk kepentingan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi 800,000 pekerja di negeri Sarawak dan 800,000 pekerja di negeri Sarawak ini juga ialah menjadi pekerja kepada industri-industri, majikan-majikan yang tertentu di negeri Sarawak.

Jadi, dalam keadaan sedemikian apabila keuntungan diberi kepada si pekerja yang seramai 800,000 ini memang ada jugalah pihak majikan dan *employers* dengan izin, akan terkena. Jadi dalam keadaan sedemikian biarlah kita melihat secara positif, "Menarik benang di dalam tepung, tepung jangan keciciran, benang jangan putus".

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat undang-undang ini cukup *comprehensive*, saya bandingkan dengan undang-undang lama iaitu *Labour Ordinance* Sarawak yang disebutkan juga oleh Yang Berhormat Menteri tadi banyak perubahan yang baru untuk memberi keuntungan kepada semua pihak pekerja. Jadi dalam keadaan sedemikian saya bagi pihak negeri Sarawak, pihak pekerja mengucapkan terima kasih dan syabas kepada pihak Menteri dan juga kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti banyak dalam undang-undang ini dan saya tidak akan membangkit beberapa perkara yang telah disebut oleh rakan-rakan daripada Sabah tadi, kerana undang-undang ini dikatakan hampir sama bentuk, rupa, perkataan, terminologi dan sebagainya dengan undang-undang Sabah. Sarawak dengan Sabah. Dua-dua sudah saya baca, jadi nampaknya apa yang disebut oleh Sabah tadi khususnya berhubung dengan Pengarah Buruh Negeri Sabah juga *apply* kepada buruh negeri Sarawak, Pengarah Buruh Sarawak ada di sini. *The dignified looking lady* yang duduk di sebelah kanan. Dua-dua ada, dua-dua wanita. Wanita DAP, ini duduklah jangan menyibuk dulu, bagilah kawan bercakap. Jadi saya ucapkan tahniahlah kerana sudah lantik dua pengarah wanita Sarawak, Sabah. Yang menjaga untuk Sarawak 800,000 anggota pekerja, memang gagah betul, gagah betul pengarah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, aliran debatan saya kelak ada tuju yang lain.

Di dalam masa Yang Berhormat dari Tuaran mengatakan bahawa kena berilah janji yang tu hendak melantik orang Sarawak untuk jadi pengarah, tetapi saya kata lain. Kalau hendak lantik, kalau pengarahnya sudah jadi senior, lantik dia jadi ketua pengarah di peringkat Pusat di Kuala Lumpur, di Semenanjung ini. Jangan diskriminasikan mereka dari Sarawak dan Sabah ini untuk menjadi pegawai kanan di Semenanjung ini, dalam keadaan sedemikian kita tidak melarang bahawa pengarah di Sarawak itu dijadikan orang lain, Sabah saya tidak hendak sebutlah. Untuk orang Sarawak, untuk orang Sarawak saya tidak bantah soal siapa sahaja jadi pengarah, kalau layak faham dan mengetahui budi pekerti, adat resam, tata bicara masyarakat di negeri Sarawak khususnya siapa yang saya sebut tadi, tarik benang dalam tepung, tepung jangan tercicir, benang jangan putus.

Saya tidak kira, tetapi jangan diskriminasikan orang Sarawak untuk jadi pangkat yang tinggi di kementerian ini, termasuk menjadi KSU. Tidak ada politik, kalau digunakan politik, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Tidak dapatlah kita, orang negeri Sarawak itu mungkin tidak dapatlah lawan seluruh, Yang Berhormat

Menteri sendiri dari Semenanjung, jadi orang kata nanti, “Oo, Menteri dari Semenanjung, mestilah lantik orang Semenanjung.” Ini kita tidak hendak, kita mahu pengarah kita dari Sarawak, kalau dia layak, kalau sudah cukup senioriti dia, lantik dia ke peringkat Pusat. Jadi dia DG, jadi dia KSU, Timbalan KSU. Saya hendak melawat pengarah saya dari Sarawak, jadi TKSU ataupun KSU ataupun DG, sokong!

Jadi, saya ada menghala ke sana, menghala ke sini Tuan Yang di-Pertua, saya sokong perkataan dalam ini. Jadi, oleh kerana saya banyak sokongan Sarawak dan Sabah sini, saya mintalah kementerian melihat soal ini, soal kenaikan pangkat, semua pegawai, bukan *director* sahaja, bukan pengarah sahaja. Semua pegawai beri peluang yang cukup untuk mereka membuka ruang dan peluang di tempat yang lebih besar lagi kerana tidak guna lagi kita menjadi *big fish* dalam *small pond*, biarlah kita jadi *small fish* dalam *a big pond* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Tidak faham!

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [*Ketawa*] Tidak faham, tidak apalah, nanti saya seorang sahaja fahamlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah meneliti undang-undang ini banyak yang sama dengan *established Employment Act* 1955 Semenanjung, banyak persamaan. Tetapi ada dua, tiga perkara yang saya belum berpuas hati. Satu perkara ialah berhubung dengan kuasa Menteri. Bukan saya hendak caci ini, dalam undang-undang Tuan Yang di-Pertua, inilah undang-undang yang banyak sekali kuasa Menteri, buat *rule* ini, buat *rule* itu, buat peraturan itu, buat peraturan ini, macam-macam peraturan. Saya sudah tanda ini, ada sembilan kawasan yang mana Menteri boleh buat *rule*, tetapi di antara yang Menteri buat *rule* hanya satu sahaja Menteri perlu *consultation* dengan *state*, satu sahaja mengikut undang-undang ini, iaitu di muka yang akhir, iaitu muka 94 undang-undang 130, itu sahaja yang minta Menteri mesti berhubung dengan pihak negeri membuat *consultation*, lapan yang lain itu Menteri boleh buat ...

Jadi, macam Menteri sekarang dia peka, dia mengetahui, dia memang mahir soal Sarawak, itulah kenapa undang-undang ini berlaku mungkin tidak menjadi satu masalah. Yang kita bimbang masih ada menteri-menteri, saya hendak sebut ini, masih ada menteri-menteri mengatakan, kami di Malaysia, buat ini, buat ini, buat ini,. Tetapi, kamu di Sarawak macam mana? Bercakap, macam Sarawak dan Sabah itu bukan Malaysia, tidak payahlah saya sebut, tak payah saya sebut, tetapi banyak berlaku bukan menteri sahaja, bahkan pihak bijak pandai selain daripada orang-orang

di kaki lima, di tepian jalan, di kedai dan sebagainya masih mengata kami di Malaysia, kamu di Sarawak buat macam mana? Malaysia tu, termasuklah Sarawak, Sabah. Sarawak, Sabah tu termasuklah Malaysia, janganlah cakap macam itu. Dalam keadaan sedemikian mengetahuilah sedikit bahawa daripada Sibu hendak pergi ke Ulu Rejang sampai ke Ulu Song dan Balaga itu makan satu minggu perjalanan, tahulah sedikit daripada Miri hendak pergi ke Ulu Baram dan Tinga itu makan dua minggu. Naik bot satu dram minyak kena bawa, jangan ingat kata yang dari Johor pergi ke Perlis itu seratus lebih sudah cukup untuk tambang kereta api.

Jadi, makna dia satu hari boleh sampai. Tetapi kalau dari Miri ke Ulu Beram kena pergi satu minggu, satu dram minyak baru boleh pergi kerana tidak ada jual minyak dekat Ulu, kena bawa dram minyak sendiri baru boleh balik. Kalau nak tarik bot bawa dua kasut, satu kasut untuk naik, satu bot untuk balik, kalau tidak, balik tidak ada bot, sudah koyak.

Jadi, pengalaman sedemikian kena difahami bahawa perbezaan geografi dengan izin, Sarawak itu amat berbeza dengan Semenanjung. Inilah keadaannya, kesemuanya berhubung dengan cuti dan sebagainya, kalau kita meluluskan cuti apabila menteri membuat *rules*, soalan cuti, masa perjalanan dan sebagainya mestilah diambil kira untuk menyesuaikan perundangan-perundangan dan perundangan-perundangan kecil yang hendak kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah jadi Tan Sri, tak lama, dah kena sebut Menteri sendiri sudah sebut, insya-Allah. Yang saya pertikaikan pada satu ketika ialah berhubung dengan pekerja wanita, terlibat dengan industri apa yang disebut dalam undang-undang ini ganjil cara dia buat, saya pun tidak faham, kenapa dibuat *industrial undertaking*, *industrial agriculture undertaking* dia buat terminologi macam itu.

Jadi wanita itu dilarang bekerja dari jam 10 malam hingga ke pukul 5 pagi. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, kalau ini dilaksanakan, tidak ada Seksyen 2B diperuntukkan untuk Menteri membuat satu *modification*, dengan izin, nescaya undang-undang ini mendatangkan kesan buruk kepada semua majikan di Sarawak khususnya orang yang menanam sayur-sayuran dan buah-buahan kecil-kecilan.

Kalau saya sebut dari Jalan Pan Resam, dari Batu 10 orang Sarawak sebut, sampailah ke Batu 40, memang semua keluarga Cina yang menanam sayur-sayuran dan buah-buahan, dia turun pagi - sebelum pukul empat dia sudah turun - *harvesting*

all these things untuk dibawa ke *market* pada hari minggu supaya barang-barang ini tidak rosak, dan mesti *diharvest* pada hari itu juga. Pekerjaanya termasuklah orang kecil-kecilan; ada yang menggaji lima orang, enam orang atau tujuh orang tempatan dan juga termasuk orang luar; orang Indonesia dan dari mana-mana sahaja.

Saya mengetahui dari ramai kawan yang terlibat dengan ini. Kalau 2A ini tidak mempunyai 2B, masalah besar akan berlaku. Jadi dalam keadaan sedemikian, apabila Menteri membuat peruntukan undang-undang kecil di bawah 2B itu nanti, *consultation*, walaupun tidak diperlukan dalam undang-undang ini, hendaklah dibuat dengan pengarah kami di Sarawak kerana beliau cukup arif dengan persoalan yang berbangkit di Sarawak.

Begitu juga dengan industri makanan umpamanya. Orang Sarawak kata cucuk sate, banyak orang Indonesia buat sekarang. Orang cucuk sate di Sarawak ini makin manual, tidak tidur. Budak-budak perempuan ini tidur siang hari, malam pukul tiga dia bangun, cucuk sate sebab hendak siap dijualkan, pukul lapan pagi sudah semestinya siap hendak dimakan. Kalau undang-undang ini dilaksanakan mengikut 2A, tidak mengikut 2B, *modification* tidak dibuat, nescaya orang Sarawak tidak makan sate di pagi hari, *breakfast* sebab anak-anak pekerja dari Indonesia, orang kampung yang kecil-kecilan ini, syarikat pun tidak ada. Nama syarikat pun tidak ada, nama persendirian, dia jual sate, tetapi bekerja juga.

Dia cucuk sate, habis cucuk sate, pukul sepuluh dia tidur sebab dibenarkan tidur. Siang dia tidur, malam dia bekerja tetapi kalau dilarang bekerja, sebelum pukul lima, nescaya tidak ada satelah di kedai-kedai kecil di negeri Sarawak. Orang penjual sate khususnya orang Melayu ini - tadi kebun sayur-sayuran ini orang Cina, sate ini kebanyakannya semua orang Melayu - semua orang Melayu kena tutup jualan sate dia [Ketawa]

Jadi kena ingatlah undang-undang 2B itu mesti dibuat dengan seberapa cepat yang boleh sebelum orang-orang kita diheret oleh pengarah pergi ke mahkamah sebab dilaporkan oleh pekerja-pekerja ini, kami disuruh bekerja sebelum pukul lima. Jadi dia salah kalau mengikut undang-undang, boleh dilaporkan dengan Labour Office. Labour Office boleh ambil tindakan, tidak ada peluang lain sebab undang-undang sudah beritahu. Oleh itu, *modification* kena dibuat serentak. Apabila Datuk sudah dapat kelulusan ini nanti, dengan kuasa itu, dibuat terus undang-undang itu supaya jangan ada vakum di perantaraannya.

Jadi begitu juga dengan getah. Orang Sarawak menoreh getah secara tradisional, memang dia turun pukul 3.30 atau pukul 4 pagi. Sebelum matahari naik, getah mesti ditoreh dahulu. Ini juga mengikut amalan orang Sarawak, orang lelaki tidak ada yang buat, jarang buat. Kebanyakannya perempuan. Jadi perempuan ini ada yang kerja sendiri dan ada juga orang gaji. Jadi orang gaji ini, kalau undang-undang kata tidak boleh turun pukul lima, jadi dia turunkah pukul lima atau lebih sedikit. Kalau pukul lima lebih sedikit, orang menoreh getah Sarawak tradisi, memang sudah habis kerja, tidak ada kerja lagi, hendak balik ke rumah. Kalau orang Islam sudah sembahyang Subuh.

Jadi Datuk, dalam keadaan yang sedemikian, undang-undang kecil apabila dibuat nanti hendaklah sejajar dengan keperluan-keperluan yang disebutkan. Maknanya, undang-undang kecil itu hendaklah dibuat dengan seberapa segera yang boleh supaya undang-undang ini digazetkan, kita boleh gazetkan bersama undang-undang kecil itu nanti supaya tidak ada seseorang yang diambil tindakan oleh pihak-pihak yang tertentu ataupun menggalakkan pihak-pihak pekerja mengambil peluang di bawah undang-undang ini untuk mengenakan majikan dan mungkin mengenakan industri-industri yang kecil-kecilan di Sarawak.

Saya berpindah kepada muka surat 18 iaitu Director Inquiry – Seksyen 8A. ini juga perlu diambil kira. Saya cukup yakin bahawa orang yang dilantik menjadi Pengarah itu amat pakar, mengetahui undang-undang dan sebagainya, tetapi dalam masa yang sama, saya memikirkan sepatutnya kita mempunyai penasihat undang-undang di tiap-tiap Jabatan Buruh Negeri kerana banyak apa yang dikatakan proses *judicial rules* yang perlu dibuat oleh Pengarah Buruh Negeri yang mana keputusan berlandaskan undang-undang yang perlu dibuat.

Jadi, walaupun pengarah itu berkelulusan undang-undang, tetapi kalau dia tidak mengamalkan undang-undangnya selama 20 tahun, mungkin dia juga sudah susah sedikit hendak memikirkan perubahan-perubahan yang berlaku dalam undang-undang walaupun masih mengenali prinsip-prinsip asasnya. Jadi dengan keadaan sedemikian, kita mesti melantik peguam tetapi melantik peguam ini Datuk, saya minta maaf, kalau apa sahaja kelulusan seseorang itu, kalau baru keluar daripada universiti, pengetahuan dia amatlah sedikit. Asasnya memang ada, cara mencari memang tahu tetapi asasnya belum boleh memberi nasihat kepada orang lain.

Kalau hendak lantik, lantiklah orang yang sudah bekerja lama. Jangan bimbang soal gaji, sepatutnya kerajaan bimbang melihat yang betul, yang cekap, yang tepat. Soal gaji, lantikan seseorang itu untuk menasihatkan pengarah supaya memberikan arahan dan nasihat yang betul kepada pihak pekerja ini, juga yang boleh mengenakan majikan ini adalah penasihat yang betul dan keputusan yang betul.

Saya berpindah pula kepada persoalan di bawah Seksyen 8N. Seksyen 8N ini elok, saya cukup setuju kerana saya pernah menangani masalah yang berlaku dalam situasi yang berbangkit dalam 8N yang mana majikan tidak menjalankan perniagaan, selepas itu hendak melarikan diri dan dalam keadaan yang sedemikian, pekerja-pekerja semua ditinggalkan begitu sahaja dan tidak dibayar gaji. Peruntukan ini dilaksanakan, dibuat supaya kuasa diberi kepada pihak-pihak yang tertentu untuk mengambil tindakan agar majikan yang sedemikian boleh ditahan dan pasportnya boleh dirampas buat sementara supaya membenarkan proses undang-undang diambil kepadanya dan supaya mungkin hendak buat tuntutan gaji dan sebagainya daripada majikan-majikan tersebut.

Apa yang tidak disebut di sini ialah soalan bon kepada majikan yang sedemikian. Kalau dia ditahan pun, kalau duit sudah tidak ada, duit semua sudah *transfer* ke luar negeri, tidak ada lagi di dalam Malaysia, apa akan jadi? Tahan dia sendiri pun tidak ada. Maksudnya kalau seorang itu masuk jail, yang satu ini papa kedana, tidak dapat gaji. Jadi, sepatutnya carilah mekanisme yang tertentu supaya pekerja ini tidak teraniaya oleh majikan yang gulung tikar dan lepas itu tidak mempunyai sumber kewangan untuk memenuhi tugas dan tanggungjawab sebagai majikan untuk membayar gaji pekerja sebagaimana yang perlu dibayar kepada si pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat lagi, di bawah 73 (2) (b), undang-undang ini dalam bahasa Inggeris, "*employment in any public entertainment in accordance with the terms and conditions of licence granted on their behalf under this chapter ...*". Maksudnya ada juga lesen yang diberi berhubung dengan satu *entertainment*, budak-budak boleh terlibat, anak-anak boleh bekerja, terlibat dengan keadaan yang sedemikian. Jadi kalau kita lihat sepintas lalu bahawa kita melarang anak-anak terlibat dalam sesuatu pekerjaan tetapi dalam soal *entertainment* ini, kita dibolehkan.

Kalau pada saya, penjelasan memang dibuat bahawa *school concert* dan sebagainya, *charity, organization*, hendak buat terlibat dengan budak-budak sekolah,

ini dibenarkan di bawah undang-undang ini, tetapi sepatutnya ada klausa yang tertentu untuk menangani yang mana penglibatan anak-anak ini adalah berhubung dengan perkara *charity*, persekolahan dan *educational* tetapi tidak dirangkumkan sebagai satu *employment*. Lebih elok lagi daripada apa yang kita buat di bawah subseksyen 2(b) ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyerahlah atas kebijaksanaan menteri untuk menangani masalah soalan *employment of a child* dalam *entertainment* ini. Jangan nanti ada disalahgunakan anak-anak dibolehkan oleh undang-undang tetapi semangat undang-undang itu tidak dilaksanakan dari pihak yang tertentu. Saya cukup yakin bahawa menteri sendiri akan mengetahui, pengarah sendiri akan mengetahui, tetapi pengarah Sarawak satu, di Kuching, menteri satu di Kuala Lumpur, tidak akan boleh *oversee* semua tindakan, semua permohonan yang dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu di seluruh negeri Sarawak. bukan sahaja dalam keadaan geografi yang besar tetapi juga perhubungan yang belum lagi sampai ke peringkat sebagaimana yang saya sebutkan tadi berhubung dengan orang Miri hendak pergi Ulu Baram, yang saya sebutkan tadi.

Saya berterima kasih kepada Menteri di atas pindaan ini, dalam seksyen 105 ini diwujudkan satu *provision* untuk *flexitime employment* ini, sebab dalam Undang-Undang Buruh Sarawak dahulu saya telah selidiki kerana salah satu daripada *thesis* pekerjaan saya, persekolahan saya, saya selidik undang-undang ini dan dengan *Employment Act* bahawa Undang-undang *Labour Ordinance* tidak mempunyai *flexitime system*, hanya diwujudkan di bawah *Employment Act* Semenanjung.

Jadi, di sini telah diperkenalkan di bawah undang-undang ini, jadi saya berharap pihak Buruh negeri Sarawak belajarlah sistem *flexitime employment* ini untuk diperkenalkan di negeri Sarawak, untuk memudahkan pihak-pihak, khususnya wanita yang hendak bekerja, mungkin dua jam, mungkin tiga jam, mungkin empat jam dan *total*kan sampai sepuluh jam.

Tetapi, persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja, kenapa orang yang bekerja sejam, sekarang, lepas itu kerja tiga jam, kerja empat jam ini *ditotal* mesti sepuluh jam. Patutnya kerja ini lapan jam, lapan jamlah, kalau dia boleh lapan jam, lapan jamlah semua. Mengapa kalau dia *break* dalam beberapa pekerjaan, mesti kerja sepuluh jam. Bahkan dia kerja ini jauh dua jam lebih panjang daripada masa yang biasa.

Jadi, saya menyarankan kepada pihak kementerian untuk membuat penyelidikan dalam segi ini, kenapa *flexitime working hours* ini dibuat sepuluh jam, kenapa tidak lapan jam sahaja. Sudah mencukupi, sebab kalau bekerja sepanjang masa, lapan jam maksimumnya, tetapi kalau *flexitime* kena sepuluh jam. Sepatutnya kita berilah lapan jam, asalkan dia kerja lapan jam. Jadi, ini kena selidik semualah, termasuk *Labour Ordinance* di Sarawak, *Labour Ordinance* Sabah yang baru kita luluskan tadi termasuklah *Empolyment Act* Semenanjung yang telah lama dipakai dan *flexitime employment* ini telah diguna pakai di Semenanjung ini mengikut maklumat yang saya dapati daripada kementerian Yang Berhormat sendiri yang ada sebab saya punya penyelidikan itu termasuklah daripada maklumat-maklumat daripada kementerian.

Jadi, saya berharap ini dikaji semula, semua undang-undang dikaji semula, soalan kerja yang sepuluh jam itu. Kalau dibuat sepuluh jam *ditotal* dengan *travelling time*, bukan hendak menyenangkan pekerja, untuk memberi *flexitime*, bahkan menyusahkan lagi. Pergi lima setengah jam, balik setengah jam, tetapi *working time* ataupun masa bekerjanya mesti sepuluh jam. Jadi, maknanya *the total number of hours*, termasuk masa perjalanan dia mungkin sampai lima belas atau enam belas jam, jadi, tidak menguntungkan pekerja. Jadi, saya berharap perkara ini diselidik dengan teliti supaya pekerja yang kita hendak beri peluang kesenangan ini akan terkena juga oleh *provision* ataupun peruntukan di bawah undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, undang-undang – soalan penyampaian saman ini. Ini saya tidak tahu rasionalnyalah, jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri di bawah seksyen 130O(2)(g). Saya baca '(g)' ini,

- (g) *prescribing the procedures for sending summonses, warrants and orders issued or made under this Ordinance in Sarawak for service or execution in the Republic of Singapore and Brunei, and making provision for the service or execution in Sarawak of summonses, warrants and orders issued or made in the Republic of Singapore and Brunei;*"

Apa Singapura, Brunei, bila mana kita *employee* orang Brunei dan orang Singapura kerja di Sarawak ini. Orang yang bekerja dengan kita Bangladesh, daripada Thailand, daripada Filipina, daripada Singapura, jadi undang-undang ini saya nampak *this part* ini, dia masih bawa undang-undang yang lama. Undang-undang ordinan lama

dia bawa balik sini, soalan, oleh kerana Sarawak, Brunei, Singapura itu dahulu adalah satu *British Colony*., tetapi dibawa undang-undang yang sama, sebabnya ialah oleh peraturan British itu *distandardize*. Tetapi kita ini dalam ASEAN, kalau kita dalam ASEAN kita *must strike agreement* dengan ASEAN *nation*, kalau mereka hendak kerja dengan kita, “*Okay, this is the deal.*”

Masa ini, masa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri masih berhubung dengan Presiden di Indonesia, kita kena bawa perkara ini kepada Yang Amat Berhormat beritahu dengan beliau bahawa kita kena *strike at deal* dengan Republik Indonesia supaya penghantaran saman, *warrant* dan proses ini boleh dibuat juga ke negara mereka selain daripada Singapura, Brunei sahaja, ataupun proses Singapura dan Brunei di hantar ke Sarawak.

Jadi, proses ini sepatutnya kena semua *Asian countries*, dengan izin, dan semua negeri-negeri yang mana kita mempunyai pekerja-pekerja yang bekerja di Malaysia barulah undang-undang kita itu *comprehensive* dan *effective* menangani masalah-masalah pekerja kita. Jadi, walau bagaimanapun, saya hendak dengar jugalah penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri berhubung dengan rasional di sebalik perenggan ‘(g)’ seksyen 130 ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita hendak habis jam 5.00. Tuan Yang di-Pertua pun pandangan-pandangan jam juga ini, saya tahu dia tidak bagi suruh saya berhenti ini tetapi dia hendak suruh saya berhenti tidak elok jugalah. Sebab saya cakap wakil kawan-kawan yang ramai daripada Sarawak pulang awal. Jadi, itulah sedikit sebanyak yang saya saran dan saya sebut berhubung dengan undang-undang ini. Dan, sebalik itu saya juga hendak menyebut apa yang disebut oleh Kudat tadi. Ini amat relevan Tuan Yang di-Pertua, amat relevan di dalam menentukan semua elaun, menentukan gaji, menentukan tahap maksimum dan sebagainya, semua.

Kerana kalau kita di Kuala Lumpur, hendak gaji pemandu kalau RM1,000 mungkin susah hendak cari pemandu di Kuala Lumpur, tetapi di Sarawak dengan RM1000 kita boleh gaji. Jadi, dalam keadaan sedemikian, janganlah pandang Kuala Lumpur sebagai kayu pengukur untuk menetapkan apa-apa gaji. Kalau itulah dijadikan kayu pengukur, Kuala Lumpur, Johor Bahru, ataupun Pulau Pinang sebagai satu kayu pengukur nescaya majikan di Sarawak nanti akan terkena. Negeri Sarawak masih perlukan *competitiveness* untuk menjualkan barang-barang mereka, kerana kita terkena dua perkara.

Proton dan Kancil dijual di Sarawak hampir RM3,000 lebih mahal daripada yang dibeli di Semenanjung sebab kos insurans, pengangkutannya dan kos *clearance*. Ada empat belas kos yang disebut di dalam port *clearance* di tiap-tiap *port*. Sarawak empat belas dan Semenanjung empat belas, maka berjumlah dua puluh lapan. Kalau kita tidak diambil kira ini, nescaya barang-barang daripada Sarawak tidak akan kompetitif hendak dijual di Semenanjung, bahkan di Semenanjunglah *market* kita untuk menjual barang-barang yang dikeluarkan oleh Negeri Sarawak. Dalam keadaan itu, *cost of business*, menjalankan *business* di....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya habiskan *sentence*, ya? Kos menjalankan *business* itu jauh lebih tinggi daripada di Semenanjung.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Tadi Yang Berhormat bagi Santubong mengatakan bahawa jangan menggunakan contoh di Kuala Lumpur sebagai kayu pengukur. Apakah selama ini kita bincangkan agar kita merapatkan jurang perbezaan di antara penduduk-penduduk di Semenanjung dan juga di Negeri Sabah dan Sarawak? Untuk memberi gaji minimum di Kawasan Malaysia Timur (Sabah & Sarawak) adalah salah satu cara untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk-penduduk di situ. Oleh itu saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Santubong. Kalau tidak mahu adakan satu *minimum wages* bagi penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak, apakah ini salah satu *conflict of interest*? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Santubong. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tanya *conflict of interest*, Yang Berhormat bagi Kelana Jaya adalah satu tuduhan. Yang Berhormat kalau dari sebelah sana saya suruh tarik balik, tetapi malang Yang Berhormat di belakang saya.

Tuan Loh Seng Kok: *Sorry, conflict of* sasaran. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Memang kalau ditanya *conflict of interest* pun ada jugalah. Saya ada buat *business*. Memang menjadi majikan dan dalam masa yang sama, Yang Berhormat, saya majikan, mungkin *employ* satu ratus lebih orang pekerja sahaja, tetapi *the interest of eight hundred*

thousand pekerja di Sarawak itu lebih penting bagi saya. Tetapi dalam masa yang sama kita tidak hendak juga majikan itu nanti oleh kerana digunakan Kuala Lumpur sebagai *yardstick*, macam gaji umpamanya, kalau umpama ditetapkan gaji pemandu, di Kuala Lumpur ialah RM1,000. Kalau hendak beritahu di Sarawak mesti kena RM1,000 duit Sarawak, minta maaflah kalau orang di Miri, di Maran dan di Sri Aman, memang semua syarikat gulung tikar. Semua syarikat gulung tikar! *It will not be to anybody's advantage, not to the majikan and not to the workers*, dengan izin. Kalau dia gulung tikar memang habis semualah tidak kerja. Jadi apa jadi?

Yang Berhormat, kita kena melihat apa yang saya sebut awal tadi, sebagai yang awal itu juga yang akan disebut di bahagian akhir "*tariklah benang dalam tepong, tepong jangan tercicir, benang jangan putus*". Kita kena lihat *the interest of the majikan* dan juga *the interest of the workers* supaya *sustain the operation*, majikan ini boleh memastikan atau menjamin yang pekerja itu masih sentiasa bekerja. Kita boleh membandingkan.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong. Saya ingin menyambung sedikit *the cost of doing business* seperti mana yang saya jelaskan dalam ucapan saya tadi dan juga telah disebut semula oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Kalau misalnya kita melaksanakan sesuatu projek khususnya yang melibatkan projek-projek kerajaan dan projek-projek awam, suatu masalah apabila kita melaksanakan sesuatu projek di Sabah dan di Sarawak, kos yang terlibat yang mana kerajaan terpaksa tanggung biasanya melibatkan *inflation* sekurang-kurangnya 15% atau 20%. Dan ini adalah disebabkan oleh kos bahan-bahan yang sudah meningkat. Saya percaya apabila dengan adanya pelaksanaan undang-undang buruh ini dan sekiranya tidak diawasi dengan betul akan menyebabkan penambahan kos bukan sahaja kepada kontraktor-kontraktor tetapi juga kos kepada kerajaan. Misalnya, sekiranya sekarang ini majikan-majikan terpaksa membayar satu hari lebih kurang bagi seorang *manual labour* sebanyak RM15, mungkin dengan pelaksanaan undang-undang ini dan sekiranya tidak diawasi dengan betul dan kita hanya memikirkan soal kepentingan pekerja dan tidak memikirkan soal kepentingan majikan juga dan tidak memikirkan soal kepentingan Negeri Sabah secara keseluruhan dan juga Sarawak dan negara keseluruhnya, maka saya khuatir ini akan memberi kesan yang buruk.

Seperkara lagi seperti yang saya jelaskan tadi, misalnya di Negeri Sabah kita di dalam proses untuk mengindustrialisasikan Negeri Sabah, demikian juga Sarawak. Kita ingin menarik banyak pelabur ke dua-dua koridor ini untuk membolehkan lebih banyak peluang pekerjaan diwujudkan di dua kawasan ini. Tetapi sekiranya kita menggunakan kayu pengukur yang ada di Semenanjung misalnya untuk memaksa majikan-majikan membayar gaji yang tinggi kepada majikan-majikan di Negeri Sabah ataupun di Sarawak, saya pasti ini akan menimbulkan masalah yang lebih besar dan mungkin akan timbul masalah tidak ada pelabur-pelabur yang berani datang ataupun membuat perniagaan di kawasan ini, dan ini dengan sendirinya akan menyekat pertumbuhan ekonomi dan dengan sendirinya juga akan menyebabkan masalah yang besar kepada penambahan peluang-peluang pekerjaan.

Jadi dalam soal ini, saya bersetuju. Pada dasarnya saya bersetuju suatu peluang diberi lebih banyak kepada peningkatan dari segi penambahan gaji dan kemudahan-kemudahan tetapi dalam masa yang sama kita harus memikirkan *we have to strike the balance between the interest of the employer and the employee*, dengan izin. Terima kasih.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Itu bukan tanya, dia tolong saya. Terima kasihlah di atas pertolongan itu. Yang Berhormat bagi Kudat, saya bersetuju. Saya memang cukup bersetuju sebab Sarawak mula dalam bidang industri ini hanya pada tahun 1995, minta maaf lah sebut, memang betul berlaku, 1995. Sebelum itu kita ghairah menjual *raw materials, timber* lah semua sekali, kita boleh hidup kaya, setengah daripada *revenue* Sarawak sebelum WTO mengurangkan eksport balak kita pada tahun 1995 ialah daripada industri pembalakan. Bila dikurangkan, Kerajaan Negeri Sarawak mesti pergi kepada industri dan kita hendak *attract investors* datang ke Sarawak. Tetapi sekarang pun *investors* yang akan datang ke Sarawak itu memang berhati-hati kerana dua tiga perkara yang tertentu. Pertama, *the shipping lane* tidak sampai ke Kuching umpamanya. *Main shipping Liners* tidak datang ke Kuching. Kalau adapun datang, mungkin di Bintulu. Tetapi Bintulu dengan Kuching itu jauhnya, Yang Berhormat, kalau hendak tahu tanya saya. Kalau tidak tahu jangan cakap. 700 kilometers. Jalan 700 kilometers itu, *transportation will kill the industry*, dengan izin, kalau buat kilang atau apa-apa pun di Sarawak. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita kena lihat. *Striking the balance* sebagaimana Yang Berhormat bagi Kudat telah sebut.

Sebagai menjawab Yang Berhormat itu walaupun tujuan pertanyaan itu baik untuk kepentingan pekerja, kita melihat kepentingan pekerja mesti dijamin dengan mewujudkan industri, industri itu berjalan, majikan itu boleh menjalankan *business* dalam keadaan yang tertentu kerana *competitiveness* industri di Sarawak itu masih belum terjamin oleh kerana dua dan tiga perkara, hal pengangkutannya, *the shipping lines* dan peraturan pengangkutan dan dasar walaupun kita sudah hendak menghala ke ASEAN Union. Kalau dibandingkan dengan seluruh EU kita lihat perniagaan seluruh EU ialah 60% untuk *intertrade* dia tetapi di sini Malaysia hanya berdagang dengan Singapura. Dengan Indonesia, Filipina, Laos dan Vietnam, apa perdagangan kita? Tidak ada. Intertrade ini tidak berlaku oleh kerana perhubungan kita tidak wujud. Kerana kita berdagang dengan orang lain, ke Eropah, ke Amerika dan sebagainya. Tetapi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kata tadi sudah tengok jam.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Kawan tanya, Tuan Yang di-Pertua, panjang penjelasan saya. Saya sudah hendak tutup. Jadi, oleh kerana penjelasan kenalah sesuai dengan persoalan dia, jadi saya sebut... Hendak habis dah ni, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita kena soalan pengangkutan, insurans dan semua ini menambahkan kos kepada barangan keluaran Sarawak, jadi itulah mengapa, jangan ditambah lagi kos dia dengan gaji yang digunakan Kuala Lumpur sebagai *yardstick*, Johor Baharu atau Pulau Pinang. Sebab sesuai dengan kos.

Umpamanya tadi saya dibagi tahu oleh kawan. Saya tidak sebut kawan. Kawan pun ada dalam Dewan. Sewa rumah kondominium di Kuala Lumpur khususnya dekat Kuala Lumpur Sentral, satu biji rumah yang dua bilik harganya RM5,000 satu bulan. Satu rumah yang sama kalau di Kuching kalau dapat RM400 nasiblah.

Tetapi bolehkah kita hendak caj pekerja ini sama dengan itu, kerana untung, sewa rumah di Kuala Lumpur itu begitu tinggi sekali, yang mana di Sarawak itu sampai berapa kali ganda di bawah. Begitulah penjelasan yang khusus daripada segi *yard stick* untuk menentukan gaji dan elaun untuk pekerja-pekerja di seluruh Sarawak, bahkan Sarawak itu pun tidak boleh dirangkum dari satu kawasan sahaja sebab Kuching itu lain, Bintulu itu lain dan Sri Aman itu lain, di Baram, di Marudi itu lain, di

Lawas itu lain, di Limbang itu lain. Semuanya lain oleh kerana soal pengangkutan dan perhubungan yang begitu tidak menentu lagi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Hinggalah perjalanan kita sudah cukup, pengangkutan udara, darat, lautnya sudah cukup barulah kita boleh menggunakan mungkin dalam masa 30 tahun yang akan datang *yardstick* yang sama untuk seluruh negeri Sarawak bukan sahaja dengan Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang tetapi juga untuk seluruh Sarawak itu sendiri pun mesti dilihat secara kelompok-kelompok yang tertentu.

Pengarah Labour sendiri ada dengar saya punya ucapan, jadi saya haraplah tak payah jumpa beliau di pejabat hendak cerita lagi, kalau *Hansard* keluar nanti bawalah balik dan lihat apa kata saya, mungkin dapat diguna pakai sebagai garis panduan khususnya untuk menentukan perkara-perkara untuk dibincangkan dengan Menteri apabila melaksanakan 9 undang-undang kecil yang bakal dibuat di bawah undang-undang ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa berhentilah walaupun mewakili kawan, banyak wakil saya suruh bercakap panjang-panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin mereka akan bercakap juga.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, biarlah yang lain berucap. Dengan itu saya menyokong dan tahniah sekali lagi kepada Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kapit.

4.30 ptg.

Tuan Alexander Nata Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong kerana berhenti dan memberi peluang kepada kami berdua. Saya tidak masuk kiralah Bandar Kuching itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Anggapan Yang Berhormat kalau dia tak berhenti Yang Berhormat tidak ada peluang hendak berucapkah?

Tuan Alexander Nata Linggi: Itulah. Terima kasihlah oleh kerana memberi saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Ordinan Buruh Sarawak (Pindaan) 2004 ini.

Saya ingin menyatakan saya menyokong dan menerima baik pindaan Akta Ordinan Buruh Sarawak yang kita bahaskan pada petang ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua saya ada juga beberapa perkara dalam pindaan ini yang saya dapati masih boleh diperbaiki supaya ia lebih tepat dan praktik dalam kita hendak memajukan proses perindustrian negeri Sarawak di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pembangunan Sumber Manusia oleh kerana dapat membentangkan rang undang-undang ini pada petang ini. Sepatutnya rang undang-undang ini dibentangkan pada awal pagi kerana biasanya kami dari Sarawak apabila petang hari pada hari Khamis ini bergegaslah balik, oleh kerana kawasan kami jauh di pedalaman dan tak apalah pada masa sekarang mungkin dalam kita bahaskan rang undang-undang yang lain, di masa akan datang silalah ambil perhatian kepada kami yang jauh dari pedalaman di Sarawak dan mungkin Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini masa kita sampai 5.30 petang.

Tuan Alexander Nata Linggi: Itu saya menjelaskan betapa jauh kawasan yang kami wakili Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kena balik besoklah hari Jumaat.

Tuan Alexander Nata Linggi: Baiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri

Tuan Alexander Nata Linggi: Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya hendak beritahu, sebenarnya Menteri sudah tunggu tiga hari.

Tuan Alexander Nata Linggi: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat seperjuangan dari Sarawak tadi, saya berpendapat pindaan ini amatlah tepat pada masanya.

Kita tidak dapat menafikan bahawa rang undang-undang ini, pindaan Ordinan Buruh Sarawak ini akan membawa banyak kebaikan kepada pekerja-pekerja di negeri Sarawak. Di masa negara kita sedang membangun dan menjurus kepada industrialisasi dan pemodenan, kita tidak dapat mengelakkan diri daripada menerima

pakai *world standard* dalam apa jua yang kita hendak usahakan termasuklah dalam cara kita dan pendekatan kita hendak membela golongan pekerja-pekerja kita di Sarawak dan juga di seluruh negara Malaysia ini.

Dengan adanya pindaan ini nanti sudah semestinyalah pekerja-pekerja di Sarawak akan menikmati suasana yang baik dalam pekerjaan mereka. Pindaan ini amat meluaskan lagi *benefits* untuk pekerja-pekerja kita di Sarawak. Kita seharusnya bolehlah menaruh harapan agar tahap produktiviti dari golongan pekerja-pekerja di Sarawak akan naik kerana adanya sekarang motivasi dan *reward* dalam bentuk pelbagai *benefit* yang baru, yang terkandung dalam pindaan ini. Ini harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya sedar bahawa perlunya kepada pindaan ke atas Ordinan Buruh Sarawak ini yang sememangnya sudah terlalu lama dan boleh dikira ataupun dikatakan sebagai sebuah ordinan yang sudah lapuk sedikit.

Saya mengatakan sedemikian kerana ia sudah menjadi terlalu lama dan jauh ketinggalan ke belakang untuk berfungsi sebagai sebuah ordinan ataupun undang-undang yang mampu menangani isu-isu dan masalah industri buruh negara dan juga masalah industri di negeri Sarawak, khususnya. Walaupun Ordinan Buruh Sarawak tidak lagi mampu memenuhi ekspektasi para buruh ataupun pekerja-pekerja untuk mendapatkan peluang yang lebih baik ataupun keadaan tempat kerja dan persekitaran kerja yang lebih baik.

Pada hemat saya, pindaan ini sememangnya amat perlu dan tepat pada masanya bagi memenuhi kehendak para pekerja dalam membuat rangka kerja peraturan yang lebih baik berkenaan pengambilan atau pelantikan pekerja, ia juga untuk memberi definisi yang lebih jelas dalam menentukan standard keselamatan dan kesihatan dan sebagainya.

Pindaan ini juga akan memenuhi kehendak para pelabur dan juga majikan berkenaan satu undang-undang yang jelas dan teratur bagi menguruskan sumber manusia di negeri Sarawak seperti di tempat-tempat lain atau negeri-negeri lain di seluruh Malaysia ini dan juga untuk menjalin dan memperkukuhkan lagi kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam menangani masalah pekerja buruh di Sarawak, khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan berbahas dengan panjang lebar tentang apa yang telah disebut oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang berucap tadi, baik dari

Sabah ataupun dari Sarawak tadi berkenaan dengan hak ataupun keistimewaan Sarawak dalam hal pengambilan pekerja ataupun pelantikan *Director* Buruh.

Dalam membuat perubahan ini, beberapa prinsip mestilah dipatuhi. Hak kuasa kerajaan negeri untuk mengawal dan membuat peraturan berkenaan kemasukan ke mana-mana pekerja yang tidak berasal dari negeri Sarawak ini di bawah Akta Imigresen 1953 dan 1963 tidak seharusnya terjejas atau diketepikan dalam hal ini.

Hak kerajaan negeri di bawah peruntukan yang sedia ada di bawah ordinan undang-undang buruh berkenaan, peraturan untuk mengambil pekerja-pekerja yang bukan warganegara oleh para majikan tempatan mestilah dikekalkan dan dipelihara. Semua cadangan yang dibuat oleh jawatankuasa antara kerajaan iaitu IGC berkenaan perkara ini dan juga keselamatan sosial seharusnya dihormati dan dipatuhi.

Pindaan ini juga mestilah bertujuan untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan dan keadaan persekitaran di tempat kerja tanpa menjejaskan daya kompetitif antara kedua-dua ahli perniagaan dan juga industri. Ini adalah secara ringkas, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita kesuntukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang berasal dari negeri Sarawak, saya percaya bahawa untuk kita menerima pakai secara menyeluruh Akta Pekerja 1955 agak tidak sesuai pada masa kini dan memadai sahaja pindaan ini dibuat kepada Ordinan Buruh Sarawak yang sedia ada.

Saya menyatakan sedemikian kerana sekiranya kita mahu menerima pakai Akta Pekerja 1955 secara menyeluruh akan menyebabkan negeri Sarawak ketinggalan dalam aspek kebudayaan ekonomi yang kompetitif. Banyak telah dijelaskan oleh Yang Berhormat bagi Santubong dalam perkara ini.

Industri-industri penting seperti pembuatan teknologi tinggi, pertanian, perladangan, perkhidmatan dan lain-lain di dalam negeri Sarawak masih belum mencapai tahap yang memberangsangkan seperti di Semenanjung Malaysia. Jadi kita perlulah sangat *handicap* yang telah disebut oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang berucap di awal tadi.

Perbezaan keadaan *geographical* ataupun kos sara hidup dan sebagainya berkenaan dengan negeri Sarawak juga tahap kemahiran dan latihan dan pengalaman pekerja di kebanyakan bidang pekerjaan masih lagi signifikan dan penting bagi negeri Sarawak untuk masih beroperasi menggunakan peraturan yang berbeza berkenaan

pengambilan pekerja serata kemudahan-kemudahan dan keistimewaan yang boleh dinikmati oleh para pekerja.

Kemudahan-kemudahan dan kos bagi menyediakan pelbagai kemudahan dan juga perumahan kepada para pekerja seharusnya dilihat supaya masih di tahap kemampuan industri tempatan dan tidak seharusnya menjadi satu halangan dan juga persoalan kepada para pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya menyokong pindaan kepada rang undang-undang ini dan saya berharap agar rang undang-undang ini apabila ianya dilaksanakan dan dikuatkuasakan sepenuhnya akan berjaya menangani pelbagai isu dan masalah yang kini dihadapi oleh industri buruh di negeri Sarawak. Yang lebih utama lagi ialah agar ia mampu menyumbangkan ataupun menyediakan kualiti kehidupan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja kita di negeri Sarawak yang kita sangat sayangi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Chong Chieng Jen: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sebelum dijemput menjawab, saya membenarkan kedua-dua Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Petra Jaya dan Yang Berhormat bagi Bandar Kuching berucap. Yang Berhormat bagi Petra Jaya, sila.

4.53 ptg.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Menteri. Saya ingin terlibat dalam perbincangan Rang Undang-undang Buruh Negeri Sarawak ini dan saya berkongsi pandangan bersama-sama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi dalam kedua-dua Rang Undang-undang Buruh, baik Sabah ataupun Sarawak.

Saya menyokong pengenalan kepada rang undang-undang ini dan ini membuktikan kepada saya bagaimana Kerajaan Barisan Nasional mengamalkan semangat setia kawan di bawah Barisan Nasional dan juga menghayati serta menghormati *Social Contract* yang telah kita buat dan termaktub dalam Perlembagaan kita.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi, pendekatan Sarawak pada saya, kita tidak menerima secara keseluruhan Akta Pekerja tetapi kita hanya meminda akta ini secara berperingkat berdasarkan pertamanya, kesesuaian keperluan di Sarawak, yakni kalau kita tahu Sarawak merdeka begitu lewat daripada Semenanjung dan untuk itu kita perlu memahami keadaan di Sarawak di mana kita perlu mewujudkan satu suasana persaingan yang sihat. Kalau keadaan suasana yang sihat barulah kita dapat mewujudkan *level playing field*.

Sebab itu pendekatan kita ialah untuk menerima pindaan ini secara berperingkat-peringkat dan tidak menerima secara total ataupun secara bulat Akta Pekerja yang ada di Semenanjung ini. Keduanya, ada *a delegation of power*, dengan izin, untuk menangani keadaan atau kesesuaian di Sarawak dan keadaan geografi yang telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi dan saya ingin menyentuh berkaitan dengan keadaan geografi iaitu faedah ataupun kos bagi menyediakan perumahan. Kayu pengukurnya biarlah kita mengukur mengikut keadaan dan kesesuaian serta kemampuan yang berada di Sarawak. Kalau tidak, ianya akan menjejaskan tarikan untuk pelabur-pelabur datang ke Sarawak sebagaimana juga yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kudat tadi.

Yang ingin saya tambah daripada rakan-rakan yang lain ialah Fasal 74D iaitu *public entertainment* di mana ia membenarkan *young person*, dengan izin, untuk terlibat dalam *public entertainment*. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Kalau kita melihat kepada peruntukan Fasal 74D, pengarah boleh memberi kebenaran secara bertulis untuk kanak-kanak ataupun *young person* tadi mengambil bahagian dalam hiburan awam. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan apakah bentuk hiburan awam yang berkenaan.

Keduanya, adakah sebarang dasar atau peraturan ataupun garis panduan yang telah disediakan kepada semua pengarah dalam memberi kebenaran untuk *young person* ini terlibat dalam hiburan awam ini sebab saya khuatir hasrat kerajaan ialah untuk melahirkan belia atau beliawanis yang berilmu, berkemahiran dan bersahsiah tinggi yakni yang berdisiplin, beretika dan bermaruah yang berpegang kepada norma dan budaya Malaysia. Kalau ini tidak dikawal, maka saya khuatir ianya akan menampakkan konflik dalam sasaran yang kita ingin capai.

Reservation, dengan izin, atau pengamatan saya yang lain ialah adakah infrastruktur kita sudah sedia ada dalam konteks fizikal dan juga dalam konteks *human*

resources kita. Apakah keupayaan sumber manusia kita dalam konteks ilmu dan kemahiran serta kemahiran dalam menangani perubahan undang-undang ini sebab *human resources* di Sarawak sebenarnya telah terlatih di bawah *Labour Ordinance* yang lepas. Adakah mereka telah diperlengkap dengan ilmu dan kemahiran untuk memperjelaskan perundangan ini berdasarkan perundangan yang baru.

Jadi apakah bentuk latihan dan kaedah latihan yang diberi kepada pegawai-pegawai ini bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka dan adakah sebarang kos tambahan dalam konteks belanjawan kita dalam menangani kenaikan dan menambah baik sumber manusia kita ini.

Penjelasan seterusnya yang saya ingin dapatkan daripada pihak kementerian ialah adakah hasrat kerajaan dengan adanya pindaan ini nanti untuk memberi *effect* kepada rang undang-undang ini sebagai *retrospective*, dengan izin. Adakah ianya mempunyai *retrospective effect*? Jika ya, apakah langkah yang bakal diambil untuk menerangkan kepada majikan akan langkah-langkah yang perlu mereka ambil untuk meminda, mengubah ataupun menyesuaikan segala amalan, baik dari segi dokumentasi ataupun amalan kebiasaan mereka pada masa ini yang bercanggah dengan undang-undang yang bakal kita perkenalkan.

Keduanya, adakah sebarang tempoh yang bakal diberi kepada majikan bagi membuat perubahan tersebut sebelum tindakan diambil terhadap mereka dan bagaimanakah asas penyelesaian sekiranya wujud pertelingkahan yang telah dirujuk kepada Jabatan Buruh sebelum berkuat kuasanya rang undang-undang baru ini. Adakah kita akan merujuk kepada mengguna pakai undang-undang yang lama ataupun adakah kita akan menguatkuasakan undang-undang yang baru.

Itulah beberapa penjelasan yang ingin saya buat dan saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri kerana sudi mendengar dan memberi peluang kepada saya dan saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching dan selepas itu Menteri menjawab.

4.50 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memulakan ucapan saya dengan menerangkan pendirian saya mengenai rang undang-undang ini. Saya memang bersetuju dan menyokong rang undang-undang ini sungguhpun ada beberapa aspek yang saya ingin bangkitkan untuk *further amendment*, tetapi saya tidak akan mengucapkan tahniah kepada Menteri kerana rang undang-undang ini adalah *long overdue*. Sepatutnya *it should have been presented, tabled* 20 tahun dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu jam Yang Berhormat belum menjadi Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, itu jam, tetapi saya tahulah dari maklum balas-maklum balas yang diberikan kepada saya. Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja di Sarawak telah lama menyarankan supaya Sarawak Labour Ordinance dipinda. Sarawak Labour Ordinance telah dipinda pada kali terakhirnya dalam tahun 1964 dan telah lama menjadi satu undang-undang yang usang. Mengikut Sarawak Labour Ordinance yang sedia ada ini, para pekerja di Sarawak tidak menikmati perlindungan dan kebajikan yang setimpal dengan rakan-rakan mereka di Malaysia Barat.

Sejak awal tahun 1980-an kesatuan-kesatuan pekerja di Sarawak telah mula melobi supaya ordinan ini dipinda demi memperbaiki hak-hak dan kebajikan para pekerja di Sarawak, tetapi rayuan mereka langsung tidak diendahkan sehinggalah hari ini 20 tahun kemudian. Pindaan ini telah lama terlewat tetapi lewat adalah lebih baik daripada tidak pernah berlaku – *late is better than never*. Rakyat Sarawak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekurang-kurangnya Yang Berhormat dapat bahaskan hari ini. Kalau dulu Yang Berhormat belum masuk tidak ada peluang. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Yalah. *[Ketawa]* Betul juga. *[Ketawa]* Rakyat Sarawak mengalu-alukan cadangan rang undang-undang pindaan ini sungguhpun mereka mempunyai keraguan dalam beberapa segi yang akan saya bangkitkan nanti. Saya telah mengumpulkan maklum balas-maklum balas daripada beberapa sektor masyarakat Kuching. Pertamanya adalah mengenai tajuk ordinan.

Saya berpendapat bahawa tajuk ordinan ini harus juga dipinda kerana tajuk mana-mana undang-undang sepatutnya menggambarkan kandungan yang

sebenarnya. Sebelum ini Sarawak Labour Ordinance mempunyai pemakaian yang terhad. Ia hanya terpakai ke atas pekerja yang terlibat dalam kerja-kerja buruh secara manual.

Dengan pindaan ini, ordinan ini akan meliputi semua pekerja perkhidmatan kontrak (*contract of service*) dan menerima gaji bulanan tidak melebihi RM2,500 sebulan dan juga ia meliputi pekerja-pekerja yang sebelum ini dilindungi di bawah ordinan ini tanpa mengira gaji bulanannya. Dalam erti kata yang lain, dengan kelulusan rang undang-undang pindaan ini, ordinan ini akan mempunyai skop yang lebih luas. Ia tidak merangkumi buruh sahaja, tetapi juga pekerja di Sarawak yang memperoleh gaji bulanan tidak melebihi RM2,500. Oleh itu tajuk Labour Ordinance adalah tidak sesuai dan tidak mencerminkan kandungan pindaan ke atas ordinan ini. Sepatutnya ia diberi tajuk seperti "The Employment Ordinance" atau Akta Pekerjaan (Employment Act) yang sedia ada di Malaysia Barat.

Tajuk yang kedua adalah patut dimasukkan di dalam ordinan ini satu peruntukan yang membenarkan Dewan Undangan Negeri Sarawak iaitu Penggubal Undang-undang Negeri membuat pindaan ke atas ordinan ini di masa depan. Seperti mana yang telah saya nyatakan tadi, pindaan ke atas ordinan ini adalah telah lewat. Kebiasaannya kelewatan adalah dikaitkan dengan sistem pentadbiran pusat. Tempoh tindak balas biasanya akan mengambil masa yang lebih panjang dalam suatu sistem kerajaan yang pentadbiran berpusat. Dalam kes ordinan ini ianya telah mengambil masa yang sungguh panjang sekali iaitu lebih dari 20 tahun sebelum tindak balas berlaku.

Sekiranya Dewan Undangan Negeri diberikan kuasa untuk meminda ordinan ini, pastilah ia akan lebih responsif terhadap persekitaran yang berubah di Sarawak masa kini dan juga masa depan. Semua perundangan tidak kira betapa terperinci peruntukan-peruntukan yang ada selalunya memerlukan pindaan yang berterusan untuk menyesuaikan dengan persekitaran manusia yang sering berubah-ubah. Dengan kadar kemajuan teknologi dan proses globalisasi yang pantas masa kini, persekitaran masyarakat dan pekerjaan sering berubah dengan kadar yang lebih pantas dan pastinya kadar perubahan yang dialami ini sukar dikejar oleh undang-undang yang sedia ada.

Bukannya sukar untuk menggambarkan bahawa sungguhpun rang undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan yang begitu terperinci, ianya masih

perlu dipinda lagi mengikut kemajuan zaman. Kita telah menunggu lebih daripada 20 tahun sejak kesatuan pekerja mula melobi untuk pindaan yang akhirnya disahut oleh Kerajaan Pusat yang mengemukakan rang undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi adakah kita kena tunggu 20 tahun lagi sebelum pindaan yang seterusnya dapat dikemukakan di Dewan ini. Lebih penting lagi, Sarawak Labour Ordinance ini pada dulunya merupakan satu undang-undang negeri, tetapi telah diisytiharkan sebagai undang-undang Persekutuan.

Operasi ordinan ini hanya memberi kesan kepada mereka yang di Sarawak. Oleh itu ia mempunyai satu ciri-ciri tempatan yang mengikut semangat Laporan Suruhanjaya Cobbold (*The Report of Cobbold Commission*) yang membawa kepada pembentukan Malaysia dahulu yang seharusnya jatuh pada bidang kuasa negeri.

Kita haruslah mengingati diri kita bahawa Sarawak dan Sabah bersama-sama dengan Persekutuan Malaya telah bercantum membentuk Malaysia dalam tahun 1963 di bawah satu perjanjian antarabangsa dan surat-surat serta terma-terma di bawah perjanjian asas haruslah selalunya dihormati. Tanpa *twenty points treaty* itu dalam perjanjian ini *there is no Malaysia and neither will there be any honourable members of this House*.

Maka dari sudut pandangan Perlembagaan dan sejarah pembentukan Malaysia dan juga dari segi praktikal, Dewan Undangan Negeri Sarawak harus diberi kuasa untuk membuat pindaan seterusnya ke atas ordinan ini.

Perkara yang ketiga yang saya ingin berucap adalah juga berlanjutan dari semangat *Report of the Cobbold Commission*, iaitu mengenai hak Kerajaan Negeri Sarawak dalam memutuskan perkara berkenaan dengan *entry to Sarawak* yang tidak harus dihakis dan dijejaskan berikutan dengan kelulusan rang undang-undang pindaan ini. Atas soal ini, jawatan pengarah dan timbalan pengarah yang dilantik di bawah Fasal 5 Ordinan (Pindaan) itu yang dicadangkan mestilah dipegang oleh rakyat Sarawak (Sarawakian) dan kebanyakan pegawai-pegawai yang lain juga harus terdiri daripada rakyat Sarawak. Ini adalah mustahak kerana hanya Sarawakian yang akan benar-benar faham berkenaan sentimen pekerja-pekerja Sarawakian dan unsur-unsur *social community* Sarawak yang istimewa, yang amat berbeza dengan Peninsular Malaysia.

Perkara keempat ialah saya merasa ragu-ragu untuk memberikan kuasa kepada pengarah untuk mempengerusikan siasatan dan menghakimi pertikaian di

antara pekerja dan majikan sebagaimana yang terkandung dalam Fasal 12 pindaan yang dicadangkan ini. Tidak ada sebarang peruntukan yang jelas mengenai prosedur yang harus digunakan dan tidak disebut sama ada Akta Keterangan, (*The Evidence Act*) sama ada ia dipakai dalam siasatan yang dipengerusikan oleh pengarah berkenaan, Sama ada Peraturan Penerangan Terbaik (*The Best Evidence Rules*) dan Peraturan Menolak Khabar Angin (*The Rules Against Heresy*) sama ada peraturan-peraturan ini akan dipakai dalam siasatan sedemikian.

Rang undang-undang pindaan ini tidak menyentuh perkara-perkara seperti itu. Peraturan-peraturan mengenai penerangan adalah perlu untuk memastikan hanya perkara yang benar dan yang akan didedahkan dalam sebarang prosiding tanpa peruntukan yang jelas dan peraturan-peraturan penerangan ini, penerangan yang palsu mungkin diterima secara silap dan mengakibatkan ketidakadilan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Tambahan lagi sekiranya pengarah yang berkenaan tidak mempunyai latihan undang-undang untuk menghakimi pertikaian. Beliau mungkin akan membuat keputusan yang tidak wajar dari segi undang-undang yang akan melanjutkan lagi proses litigasi untuk membatalkan keputusannya yang turut mengakibatkan kos yang lebih tinggi kepada pihak-pihak yang terlibat. Pada masa ini kita mempunyai mahkamah industri yang menghakimi pertikaian di antara para majikan dan pekerja-pekerja.

Kita faham bahawa kadar kelajuan mahkamah-mahkamah industri menyelesaikan kes-kes yang dirujuk kepada mereka masih perlu diperbaiki. Bidang kuasanya perlu diluaskan tetapi mencipta jalan-jalan baru *new avenue* untuk mendapatkan bantuan ini bukanlah cara penyelesaian kepada masalah-masalah kes-kes tunggakan dan ketidakberkesanan mahkamah industri. Kerajaan sepatutnya menangani masalah-masalah ini secara berdepan iaitu mempercepatkan prosiding-prosiding di mahkamah industri dan memberi lebih kuasa kepada mahkamah industri untuk *recovery of salary and arrears*, dan di mana yang perlu hendaklah melantik lebih ramai hakim ke dalam mahkamah industri untuk menyelesaikan kes-kes tunggakan yang sedia ada.

Dengan menciptakan jalan bantuan yang baru untuk menyelesaikan pertikaian yang sama jenisnya mungkin akan menyebabkan keraguan dan akhirnya kita mungkin menghadapi masalah litigasi yang berkali ganda di antara pihak-pihak yang sama

mengenai perkara yang sama, tetapi di forum-forum yang berbeza. Sebagai salah satu contoh saya ingin merujuk kepada seksyen 8B yang berbunyi berikut:

- “8B. Notwithstanding Section 8A, the Director shall not inquire into, hear, decide or make any order in respect of any claim dispute or purported dispute which, in accordance with the Industrial Relation Acts 1967 –*
- (a) is pending in any inquiry or proceedings under that Act;*
 - (b) has been decided upon by the Minister under subsection (3) of section 20 of the Act; or*
 - (c) has been referred to, or is pending in any proceedings before, the Industrial Court.”*

Ya, di bawah Seksyen 8B, segala kes yang dirujuk kepada *Industrial Court* tidak dapat dirujuk kepada menteri atau pengarah tetapi ia tidak berkata bahawa sama ada kes yang difail dalam mahkamah Sivil, sama ada boleh difail lagi dan dihakimi oleh pengarah yang dilantik di bawah akta ini dan ini adalah kekeliruan yang berlaku.

Perkara yang kelima adalah mengenai kuasa pihak majikan untuk memberi pinjaman kepada pekerja. Ia ada dirujuk di dalam Fasal 76 rang undang-undang pindaan khasnya mengenai Seksyen 103(1) (e) di dalamnya yang membenarkan majikan untuk memberi pinjaman-pinjaman yang besar agar seseorang pekerja mampu membeli saham-saham perniagaan syarikat majikannya yang ditawarkan untuk jualan. Benarkan untuk saya membaca Fasal 76. Fasal 76 yang meminda seksyen 103 (1) yang berkata berikut:

- (1) No employer shall during any one month make to an employee an advance or advances of wages not already earned by such employee which exceeds in the aggregate the amount of wages which the employee earned in the preceding month from his employment with such employer, or if he has not been so long in the employment of such employer, the amount which he is likely to earn in such employment during one month, unless such advance is made to the employee;*
- (a) membeli satu rumah;*

- (b) *membeli tanah;*
- (c) *membeli livestock*
- (d) *motosikal, motokar, basikal; dan*

Saya ingin rujuk adalah:

- (e) *to enable him to purchase shares in the employer's business offered for sale by the employer.*

Kita harus membaca seksyen ini dengan seksyen 114(2)(c) yang membenarkan potongan gaji. Ia adalah seperti berikut seksyen 114(2)(c) *deduction* yang membenarkan *employer* memotong gaji *employee*nya untuk *purposes under for* 103, yang tadi saya baca dan ia perlu *request in writing of the employee*. Oleh itu maksudnya adalah untuk potongan gaji dan untuk bayaran ansuran terhadap pembelian saham, *employee* haruslah menandatangani kebenarannya kepada *employer* supaya memotong gajinya, tetapi kita mesti tahu di antara majikan dan pekerja kuasa tawar-menawar adalah sentiasa tidak seimbang. *There always an event bargaining power between employee and employer*, dengan izin. Pekerja-pekerja mungkin tidak mempunyai pengetahuan yang sepenuhnya berkenaan nilai saham syarikat majikannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masih banyak lagi?

Puan Teresa Kok Suh Kim: Gulungkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan, tidak apa, saya cuma hendak tahu sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen: Sepuluh minit.

Puan Teresa Kok Suh Kim: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Kita semua tahu pekerja-pekerja mungkin tidak mempunyai pengetahuan yang sepenuhnya berkenaan nilai saham syarikatnya. Soalan majikan yang tidak etika mungkin akan memberi gambaran yang indah berkenaan prospek syarikatnya dan *miss represent* kepada pekerjajanya berkenaan dengan nilai saham syarikatnya. Saham syarikat mungkin akan dijual kepada pekerja pada harga yang *inflated price* dan pekerja yang tertipu akan membeli saham-saham tersebut.

Tiada mekanisme di dalam cadangan pindaan ini bagi mengawal atau memantau aspek itu. Selain itu ada di antara pekerja yang berkemungkinan di bawah

tekanan secara *duress* untuk membeli saham syarikat majikannya. Tekanan ini mungkin wujud di dalam keadaan di mana semua pekerja diwajibkan untuk membeli saham syarikat dan gaji mereka dipotong bagi membayar pembelian saham tersebut. Oleh itu dengan memasukkan seksyen 103(1)(e) di dalam ordinan ini dan membenarkan syarikat ini memotong gaji pekerja untuk bayaran ansuran hutang tanpa memperolehi kebenaran daripada pengarah akan meletakkan pekerja di dalam kekuasaan majikan mereka; *“The employees are left at a mercy of the employers”* dengan izin. Ini adalah bercanggah dengan tujuan pindaan ini yang seharusnya memberi perlindungan kepada pekerja-pekerja supaya tidak dieksploitasikan oleh majikan mereka. Oleh itu saya bercadang supaya seksyen 103(1)(e), harus dipotong kerana ia mudah disalahgunakan.

Perkara keenam yang ingin saya rujuk ialah kepada Fasal 58 dan dengan khasnya saya merujuk kepada seksyen 84 Subseksyen 5 di dalam Fasal itu yang memeruntukkan pekerja wanita adalah tidak berhak untuk elaun bersalin jika pada masa *confinement* beliau telah mempunyai lima atau lebih daripada lima orang anak.

Adalah tidak perlu untuk menghadkan elaun bersalin kepada lima orang anak sahaja. Keperluan seseorang wanita untuk *confinement* adalah kerana ibu perlu berehat selepas bersalin. Keperluan untuk berehat bertambah setiap kali selepas melahirkan anak. Adalah tidak logik untuk memberi elaun bersalin khas kepada mereka yang mempunyai lima orang anak sahaja jika pada masa yang sama kerajaan menggalakkan penduduk Malaysia melahirkan lebih anak bagi mencapai populasi 70 juta menjelang tahun 2020.

Selain memberi elaun bersalin kepada seorang ibu, seorang pekerja yang isterinya telah melahirkan anak haruslah diberi cuti sekurang-kurangnya tiga hari bergaji bagi membolehkannya bersama-sama isterinya, lebih-lebih lagi pada ketika itu kesihatan isterinya paling lemah dari segi kedua-dua psikologi dan fizikalnya dan dia memerlukan teman iaitu suaminya.

Perkara yang ke tujuh adalah berkenaan keutamaan gaji daripada hutang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berapa jumlah perkara?

Tuan Chong Chieng Jen: Haa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas tujuh ada berapa lagi?

Tuan Chong Chieng Jen: Akhirnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Akhirnya. Baik.

Tuan Chong Chieng Jen: Selepas itu kesimpulan. Ia adalah berkenaan keutamaan gaji daripada hutang seperti yang terkandung di dalam Fasal 93 yang memasukkan seksyen 117A to 117C, i.e. *to give priority to claim for salary over trade creditors*, dengan izin.

Secara amnya saya menyokong Fasal ini tetapi keutamaan gaji daripada hutang tidak harus melingkungi gaji Pengarah Syarikat. Pengarah adalah *the brains of a company* dan di dalam situasi ini mereka juga boleh dikenali sebagai seorang pekerja. Jika *fee* Pengarah dibenarkan diberi keutamaan daripada hutang penghutang di masa penggulangan syarikat, ia akan membuka ruang kepada penyalahgunaan dan pemiutang *creditor* tidak akan mempunyai *security* langsung. Ini akan menggugut *practice* di bidang perniagaan yang akan menimbulkan suasana keengganan orang ramai menjalankan perniagaan dengan syarikat. Ini akan mengancam ekonomi keseluruhannya. Oleh itu saya mencadangkan diadakan permintaan lagi dengan mengecualikan *director's fee* daripada pemakaian seksyen ini.

Sebagai kesimpulan, pada pendapat saya pindaan ini tidak harus dilihat sahaja untuk melindungi pekerja *at the expense of the* majikan. Perhubungan di antara pekerja dan majikan bukanlah satu perhubungan yang *zero thumb gains* di mana keuntungan pekerja akan mengakibatkan kerugian majikan atau sebaliknya. Seorang pekerja yang tidak gembira dan tidak puas hati tidak akan bekerja untuk faedah syarikatnya dengan sebaik-baiknya. Sebaliknya jikalau pekerja ini puas hati dengan layanan yang diberikan oleh syarikatnya dia akan sentiasa melindungi kepentingan syarikat. Ini adalah sifat manusia. Oleh itu, faedah dan kebajikan pekerja yang diperbaiki akan menambahkan semangat para pekerja, kecekapan dan juga produktiviti para pekerja.

Melihat daripada aspek mikro-ekonomi, penambahan faedah kepada pekerja bermakna penambahan pendapatan boleh guna (

isposable income) yang juga akan disuntik balik kepada ekonomi kita. Ini seterusnya akan merangsangkan ekonomi dan memperbaiki suasana perniagaan kepada majikan keseluruhannya.

Akhirnya, di era baru ini di mana negara kita berhasrat mencapai taraf sebuah negara maju pada tahun 2020, kedua-dua majikan dan pekerja harus maju bersama.

Pembangunan negara tidak patut berdasarkan pada eksploitasi buruh murah tetapi ia seharusnya berdasarkan kepada pembaikan dan kecekapan kerja.

Dengan kata-kata ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan *reservations* yang saya telah sebut di atas dan saya harap kerajaan akan mengambil tindakan ke atas cadangan yang telah saya bangkitkan tadi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat telah berucap sepanjang 27 minit. Saya harap tidak tinggal apa-apa lagi.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat Menteri, sila. Saya kasihan kepada Yang Berhormat Menteri sebab sudah sekali gus dapat bentangkan rang undang-undang.

5.16 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kapit, Putrajaya dan juga Bandar Kuching yang telah mengambil perbahasan.

Saya juga ingin menyentuh soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Santubong. Pada keseluruhannya beliau menyokong pindaan. Terdapat satu dua soalan berkaitan dengan cadangan beliau supaya pegawai-pegawai Kementerian Sumber Manusia dari Sabah dan Sarawak juga adalah mereka mempunyai *seniority* dan kredibiliti boleh juga berpindah ke Kuala Lumpur. Memang itu adalah tujuan kementerian saya dan ini juga adalah tujuan Kerajaan Persekutuan. Kita tidak ambil kira dari mana dia datang sedangkan dia mempunyai kredibiliti dan yang boleh menjalankan tugas.

Selain daripada itu juga tentang syarat-syarat untuk menentukan pekerjaan orang-orang muda. Sebenarnya peruntukan-peruntukan ini ialah untuk menentukan bahawa tidak ada salah guna oleh majikan dalam konteks menggajikan orang-orang muda. Ordinan Buruh Sarawak ini yang asalnya tidak mempunyai peruntukan. Ertinya boleh disalahgunakan oleh majikan kerana tidak ada halangan atau hak-hak dari segi menggajikan orang-orang muda.

Jadi peruntukan-peruntukan yang kita telah serapkan adalah mengikut peruntukan yang terdapat di Akta Kerja 1955. Dari segi jumlah masa *flexi time* ini sebenarnya yang sepuluh jam itu adalah merupakan tempoh yang maksimum yang majikan boleh mengehendaki para pekerja itu menjalankan tugas dalam konteks *flexi time* iaitu ertinya apabila dia menjalankan *flexi time* itu pihak majikan tidak boleh sebut dia menjalankan *flexi time* lebih dari sepuluh jam sehari. Ini adalah untuk menentukan kebajikan para pekerja itu.

Berkaitan dengan isu saman dari Singapura dan Brunei, didapati bahawa ada sekumpulan besar pekerja Sarawak yang berada di Singapura dan Brunei dan didapati bahawa tradisi itu yang dahulunya ada dan perlulah kita lanjutkan oleh kerana ada juga baiknya jika dilanjutkan. Tetapi sekiranya selepas penguatkuasaan didapati bahawa peruntukan tidak boleh dipakai, kita boleh gugurkan selepas ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Kapit telah menyebut perkara berkaitan dengan *powers of appointment* Menteri, dengan izin. Tadi saya telah terangkan dan sekali lagi saya ingin menegaskan bahawa dalam proses perlantikan seorang *Labour Director*, Kerajaan Persekutuan telah berjanji melalui surat dengan Kerajaan Negeri Sarawak bahawa kita akan adakan perundingan sebelum saya lantik dan itu dilaksanakan secara *exchange of letters*.

Kita juga telah menyerap syarat-syarat di mana *Labour Director* tersebut boleh membuat *subsidiary* peraturan selepas rundingan dengan kerajaan negeri dan juga semua pengeluaran lesen *working permits*, dengan izin adalah mengikut *Immigration Act*. Memang Kementerian Sumber Manusia faham keadaan pekerjaan di Sarawak adalah jauh berbeza dibandingkan dengan keadaan pekerjaan di Semenanjung. Dengan itu kita akan terus memperluaskan pejabat Pengarah Buruh ini supaya dia boleh dengan izin, *reach out to all corners of the two states* supaya kita boleh menentukan bahawa *Labour Ordinance* ini atau peruntukan-peruntukan dan *Labour Ordinance* ini adalah dipatuhi oleh semua majikan.

Ahli Yang Berhormat bagi Petrajaya telah menyebutkan tentang *employment of young person*, dengan izin, dan sebagainya. Dalam konteks pindaan ini mengizinkan atau membenarkan Pengarah Buruh Sarawak untuk menghalang majikan menyalahgunakan kuasa dari segi menggaji orang-orang buta untuk *entertainment* dan sebagainya. Saya dapati bahawa Pengarah Buruh Sarawak dan juga Sabah ini merupakan dua orang Pengarah yang *very strict*, dengan izin, dan mereka saya yakin

tidak akan dengan sengaja mengeluarkan lesen-lesen. Mereka juga mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa tidak ada orang-orang, wanita muda bekerja di *night club* dan sebagainya.

Saya akan menentukan bahawa pegawai-pegawai dari pejabat buruh ini akan selalu menghantar pegawai-pegawai untuk menyiasat keadaan tersebut, supaya peruntukan-peruntukan ini selalu dipatuhi. Berkaitan dengan *period of transition* dengan izin, ini adalah enam bulan dan selepas enam bulan akta ini atau ordinan ini dikuatkuasakan, semua majikan diperlukan untuk mematuhi. Undang-undang ini bukan *retrospective*, tetapi kita akan menguatkuasakan sebaik sahaja dia diwartakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah menyebut beberapa perkara. Perkara pertama tentang perkataan 'buruh' ini. Oleh kerana perkataan asal ialah *Labour Ordinance* dalam konteks bahasa Inggeris '*Labour*' mempunyai satu erti yang lebih luas sedikit, seorang profesional juga boleh diserapkan sebagai seorang labour. Jadi, buruh ini mungkin satu perkataan yang dalam konteks ini memerlukan 'sempit sikit' tetapi oleh kerana dahulu perkataan itu telah terpakai. Jadi, kita perlulah meneruskan dengan erti seperti labour.

Tuan Chong Chieng Jen: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching bangun.

Tuan Chong Chieng Jen: Mengenai definisi 'labour'. Pada pengetahuan saya *labour, you can't call a professional labour*. Dalam definisi *English*, '*labour*' adalah lebih berkaitan dengan satu profesion yang berkenaan dengan *manual work*. Itulah definisi '*labour*', *labour doctor, lawyer, accountant. Clerical, clerk*, itu bukan *labour*, dan tidak boleh di definisikan sebagai seorang *labour*.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Saya pastikan ini dari segi *Labour Party of Britain* di mana juga ada profesion ini dia adalah Ahli Labour dan juga dari segi *Labour Court* di mana *Labour Court* mempunyai kuasa juga untuk menjalankan tugas di atas banyak profesion. Saya tafsirkan, bukan seorang *lawyer*.

Dato' Razali bin Ismail: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu bangun.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Hujung.

Dato' Razali bin Ismail: Saya tertarik bila menggunakan istilah 'Labour' ataupun buruh. Dalam konteks pembangunan semasa *knowledge economy*, *knowledge worker* itu kita harus melihat *labour* ataupun buruh itu, tidak melihat *labour* atau buruh itu dalam konteks menggunakan tenaga sahaja, tetapi memberikan penekanan kepada menggunakan fikiran dan menggunakan akal mereka. Dalam konteks itu saya suka barangkali melihat dia ini sebagai *capital* ataupun sebagai aset kepada pembangunan bangsa dan negara. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Memang saya bersetuju kerana kita selalunya *labouring away* ertinya semua orang kerja sama ada doktor, sama ada *lawyer* kita *labour away*, kita membuat kerja itulah ertinya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Menteri ini labourkah?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam pengajian *management labour* ini termasuk saintis juga.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya, ya.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri Buruh juga profesional.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya. *[Ketawa]* Terima kasih, terima kasih. Berkaitan dengan sama ada pindaan boleh dibuat selepas ini. Oleh kerana isu-isu pokok iaitu *constitution* dan isu berkaitan dengan pelantikan *Labour Director* sudah selesai. Selepas ini memang pindaan boleh membuat dengan izin *frequently* supaya lebih mencerminkan keadaan. Oleh kerana akta ini merupakan satu akta Kerajaan Persekutuan memanglah dia di bawah kuasa Parlimen ini dan juga bukan kuasa Dewan negeri. Namun demikian kita sudah menjamin, kita selalu akan berunding dan berbincang dengan kerajaan negeri supaya pindaan yang sewajarnya boleh dibuat.

Berkaitan dengan isu penyiasatan dan sebagainya, sebenarnya apa yang disebutkan tadi ialah kuasa *Labour Court* di mana kuasa *Labour Court* atau Mahkamah Buruh ini adalah untuk menentukan pampasan yang patut diberikan kepada pekerja. *Industrial Court* atau Mahkamah Perindustrian ini adalah untuk menentukan keadilan dari segi pemberhentian pekerja apabila hendak *direinstate*, dengan izin.

Pindaan kepada pinjaman dari majikan, dari segi pembelian saham ialah mengikut amalan sekarang di mana “*exhaust*” ini diberi kepada para pekerja. Oleh kerana ekuiti isu ini adalah mengikut kehendak *Security Commision* dan segala laporan palsu yang dibuat oleh syarikat itu merupakan tindakan yang boleh diambil oleh *Security Commission* terhadap majikan. Saya rasa dengan adanya jaminan tersebut tindakan untuk membeli *share* di dalam syarikat tersebut terjamin dan itu juga untuk menggalakkan pekerja bekerja lebih kuat dalam syarikat itu.

Berkaitan dengan halangan..

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bandar Kuching.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: *let me finish*. Lima orang anak, ini adalah mengikut..

Tuan Chong Chieng Jen: Mengenai memberi hutang kepada pekerja. Di bawah seksyen ini dia tidak menyebut bahawa syarikat yang menjualkan *share* kepada pekerjanya mesti adalah syarikat *listed company*. Kalau saya ada sebuah syarikat sendirian berhad saya boleh kata aset saya ada banyak, saya jual kepada sesiapa pekerja yang mahu bekerja untuk syarikat saya, awak mesti beli, awak mahu awak bekerja, awak tidak mahu tidak bekerja. Itu adalah satu *uneven bargaining power*. Ramai pekerja akan berhasrat bekerja. Okey saya beli daripada syarikat itu, tetapi syarikat itu tiada mekanismenya *to ensure* syarikat itu asetnya adalah seimbang dengan nilai sahamnya. Kalau syarikat itu bukan satu *public company*. Di dalam akta itu *private company* juga boleh menjual saham itu kepada pekerjanya. Apakah perlindungan yang akan diberikan kepada pekerja yang dalam situasi ini.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan boleh sambung minggu hadapanlah. Saya memang kasihan dengan Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Dua minit sahaja saya habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dua minit ha. Dua minit baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Menyampuk*]

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Dua minit sahaja. Sebenarnya *share* ini merupakan *Public Listed Company (PLC)*. Selain dari itu kalau syarikat-syarikat kecil

itu, kalau bagi dia sebahagian *share*, ertinya dia bukan seorang pekerja, dia sebahagian majikannya. Jadi, sebenarnya para pekerja itu mempunyai kuasa sama ada dia mahu beli atau tidak dan terserahlah kepada dia.

Tentang keutamaan gaji ini memang itu merupakan satu keutamaan yang kita berikan kepada pekerja supaya gajinya dapat *priority over trade traders*, sama ada *directors fees*, dengan izin yang kita jamin ialah gaji sahaja dan saya rasa oleh *directors fees* itu, kalau dia ditafsirkan sebagai gaji memang ia terjamin, kalau dia tidak ditafsirkan sebagai gaji dia tidak terjamin. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, saya cadangkan peringkat Jawatankuasa kita sambung pada hari Isnin dan dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat pada hari Isnin jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.32 petang.